

$$\begin{aligned} \text{Left side: } & \quad \frac{\partial}{\partial x} \left(\frac{\partial u}{\partial x} \right) = \frac{\partial^2 u}{\partial x^2}, \\ \text{Right side: } & \quad -\nu \frac{\partial^2 u}{\partial y^2} = -\nu \Delta u, \end{aligned}$$

BEBERAPA ASPEK

WARISAN KELANTAN

THE STATE OF MASSACHUSETTS

MONOGRAF PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN II

BEBERAPA ASPEK
WARISAN KELANTAN

disunting oleh:
PROF. KHOO KAY KIM



Diterbitkan oleh:
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan
Istana Jahar
Kota Bharu, Kelantan.

For more information about the National Institute of Child Health and Human Development, please call 301-435-0911 or visit our website at www.nichd.nih.gov.

1945年1月1日，中華人民共和國中央人民政府在北平成立。

卷之三十一

— 5 —
— 6 —
— 7 —
— 8 —
— 9 —
— 10 —
— 11 —
— 12 —
— 13 —
— 14 —
— 15 —
— 16 —
— 17 —
— 18 —
— 19 —
— 20 —
— 21 —
— 22 —
— 23 —
— 24 —
— 25 —
— 26 —
— 27 —
— 28 —
— 29 —
— 30 —
— 31 —
— 32 —
— 33 —
— 34 —
— 35 —
— 36 —
— 37 —
— 38 —
— 39 —
— 40 —
— 41 —
— 42 —
— 43 —
— 44 —
— 45 —
— 46 —
— 47 —
— 48 —
— 49 —
— 50 —
— 51 —
— 52 —
— 53 —
— 54 —
— 55 —
— 56 —
— 57 —
— 58 —
— 59 —
— 60 —
— 61 —
— 62 —
— 63 —
— 64 —
— 65 —
— 66 —
— 67 —
— 68 —
— 69 —
— 70 —
— 71 —
— 72 —
— 73 —
— 74 —
— 75 —
— 76 —
— 77 —
— 78 —
— 79 —
— 80 —
— 81 —
— 82 —
— 83 —
— 84 —
— 85 —
— 86 —
— 87 —
— 88 —
— 89 —
— 90 —
— 91 —
— 92 —
— 93 —
— 94 —
— 95 —
— 96 —
— 97 —
— 98 —
— 99 —
— 100 —

$\theta^{\text{opt}} = \theta^{\text{opt}}(n, k, \alpha, \beta, \gamma, \delta, \epsilon, \eta, \rho, \sigma)$

1970-71
1971-72
1972-73
1973-74
1974-75
1975-76
1976-77
1977-78
1978-79
1979-80
1980-81
1981-82
1982-83
1983-84
1984-85
1985-86
1986-87
1987-88
1988-89
1989-90
1990-91
1991-92
1992-93
1993-94
1994-95
1995-96
1996-97
1997-98
1998-99
1999-2000
2000-2001
2001-2002
2002-2003
2003-2004
2004-2005
2005-2006
2006-2007
2007-2008
2008-2009
2009-2010
2010-2011
2011-2012
2012-2013
2013-2014
2014-2015
2015-2016
2016-2017
2017-2018
2018-2019
2019-2020
2020-2021
2021-2022
2022-2023
2023-2024
2024-2025
2025-2026
2026-2027
2027-2028
2028-2029
2029-2030
2030-2031
2031-2032
2032-2033
2033-2034
2034-2035
2035-2036
2036-2037
2037-2038
2038-2039
2039-2040
2040-2041
2041-2042
2042-2043
2043-2044
2044-2045
2045-2046
2046-2047
2047-2048
2048-2049
2049-2050
2050-2051
2051-2052
2052-2053
2053-2054
2054-2055
2055-2056
2056-2057
2057-2058
2058-2059
2059-2060
2060-2061
2061-2062
2062-2063
2063-2064
2064-2065
2065-2066
2066-2067
2067-2068
2068-2069
2069-2070
2070-2071
2071-2072
2072-2073
2073-2074
2074-2075
2075-2076
2076-2077
2077-2078
2078-2079
2079-2080
2080-2081
2081-2082
2082-2083
2083-2084
2084-2085
2085-2086
2086-2087
2087-2088
2088-2089
2089-2090
2090-2091
2091-2092
2092-2093
2093-2094
2094-2095
2095-2096
2096-2097
2097-2098
2098-2099
2099-20100

APPLIED THERMOELECTRICITY
THERMOMETRY AND USE

INTRODUCTION

Digitized by srujanika@gmail.com

John C. H. Stoll (1875-1955) was a German chemist.

Fig. 1. The effect of the concentration of the polymer solution on the viscosity of the polymer solution.

Figure 1. The effect of the number of clusters on the classification accuracy.

10. The following table shows the number of hours worked by 1000 workers in a certain industry.

長
二
年

10. The following table shows the number of hours worked by 1000 workers in a certain industry.

Prakata

KAMI berasa bangga dan juga gembira kerana Perbadanan Muzium Negeri Kelantan sekali lagi telah berjaya menerbitkan buku kecil atau monograf bilangan kedua ini sebagai menyusuli bilangan pertama yang telah diterbitkan setahun yang lalu.

Monograf bilangan kedua ini yang diberi judul "WARISAN KELANTAN" berisi tujuh rencana sumbangan dari tujuh orang penulis. Rencana-rencana tersebut memperkatakan tentang beberapa aspek sejarah dan budaya negeri Kelantan. Penerbitan monograf ini adalah merupakan sebahagian daripada usaha Perbadanan untuk mengumpul, mengkaji dan membukukan bahan-bahan yang bersangkut-paut dengan sejarah dan budaya negeri Kelantan.

Adalah diharapkan semoga rencana-rencana yang terkandung dalam monograf "WARISAN KELANTAN" ini akan menggerakkan lagi minat dan meningkatkan lagi usaha ahli-ahli sejarah, khususnya di negeri Kelantan, dalam menyelidik dan menghasilkan sumbangan mereka.

Akhir kata kami ingin merakamkan penghargaan kami kepada Prof. Khoo Kay Kim, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur yang telah berusaha memilih rencana-rencana untuk monograf ini, sebagai sumbangan kepada "WARISAN KELANTAN" ini.



(DATO' HAJI HUSSEIN BIN AHMAD, DPMK., AMN)

Pengerusi
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Kota Bharu, Kelantan.

25 Mac, 1982.

ANSWER: $\frac{1}{2} \times 10^3$ N/m² or 500 N/m²

Highly-qualified, well-educated, experienced, professional

baggage and luggage and the like.

• INDIA XMAS DAY 1947



Pendahuluan

TELAH lama Kelantan terkenal sebagai negeri yang mempunyai banyak keistimewaan. Sebelum Perang Dunia II, kemasyhuran Kelantan kerana sekolah pondoknya sampai ke merata tempat di gugusan kepulauan Melayu. Kelantan merupakan salah sebuah negeri Melayu yang kurang terpengaruh oleh perkembangan-perkembangan sosio-ekonomi yang melanda negeri-negeri bijih timah di sebelah barat semenanjung pada abad ke-19. Kelantan juga yang mempunyai bilangan penduduk Melayu terbesar di Semenanjung.

Tetapi sehingga baharu-baharu ini Kelantan kurang diberi perhatian dalam persejarahan Malaysia. Yang biasa diutamakan hanyalah kedudukan Kelantan dalam hubungan di antara pihak Inggeris dengan kerajaan Siam. Pada dasarnya para sejarawan dahulu kurang mengutamakan unsur-unsur yang bukan bersifat politik dalam penulisan sejarah dan di dalam bidang politik juga terdapat kecenderungan untuk menumpukan perhatian kepada kegiatan kuasa-kuasa politik antarabangsa lebih daripada pergolakan politik di dalam masyarakat tempatan.

Akibatnya penuntut sejarah mempunyai perspektif dan pandangan sejarah yang amat terbatas. Yang mereka ketahui biasanya hanyalah beberapa peristiwa yang berlaku dari semasa ke semasa. Kurang terdapat penerusan dalam proses sejarah yang dipertanggapkan itu. Peristiwa-peristiwa juga dikaji dengan tidak terlebih dahulu mengenali masyarakat. Bahkan geografi Kelantan pun tidak begitu jelas kepada kebanyakan penuntut sejarah.

Monograf ini merupakan satu percubaan untuk mendedahkan kebudayaan dan sejarah Kelantan. Apa yang biasa hanya disebut-sebutkan sekarang dirakamkan di dalam bentuk monograf supaya penuntut sejarah dan orang ramai dapat mengenali masyarakat Kelantan dengan lebih dekat. Esei-esei yang dipilih meliputi beberapa aspek *warisan* Kelantan. Pendidikan Islam, Dikir Barat, Mak Yong, Wayang Kulit, seni ukir dan Main Peteri lazimnya dikaitkan dengan masyarakat Kelantan terutama sejak negara ini mencapai kemerdekaan dan usaha-usaha diadakan untuk mencungkil tradisi lama guna memperkuatkan keperibadian budaya Malaysia.

Tetapi masyarakat Kelantan bukan hanya terdiri daripada sekolah pondok, Dikir Barat, Mak Yong, Wayang Kulit, seni ukir dan sebagainya.

Masyarakat Kelantan mempunyai keperibadian yang lebih asas. Ia mempunyai tradisi dan sejarah yang tersendiri. Puteri Sa'adong, umpamanya, melambangkan wujudnya tradisi Kelantan yang tua, iaitu berbanding dengan negeri-negeri Melayu lain. Kelantan tetap mempunyai keperibadian sejarah yang sama kuat dan kukuh.

Sejarah Kelantan pula berkisar di sekitar beberapa tempat yang mempunyai pengertian besar bagi orang Kelantan — Kota Jelasin, Kampung Laut, Kadok, Banggol, dan sebagainya — tetapi bagi mereka yang hanya mengenali sejarah Kelantan melalui buku-buku teks ataupun sebilangan besar tulisan dalam bahasa Inggeris, tempat-tempat itu samasekali tidak membawa makna yang besar; akibatnya sudah tentu timbul perspektif yang kurang tepat dan fahaman yang tidak mendalam. Penuntut sejarah di negeri-negeri lain di Malaysia seharusnya dapat memahami Kelantan sebagaimana orang Kelantan memahami Kelantan kerana sejarah masyarakat mana-manapun terutama sekali harus dipandang dari dalam.

Tidaklah dimaksudkan apa yang dibincangkan atau diperikan di dalam monograf ini adalah lengkap. Kekurangan semestinya ada mungkin kesilapan juga; tetapi tujuan utama diadakan satu-satu penerbitan akademik ialah untuk menyediakan bahan yang boleh menarik perhatian umum kepada satu-satu perkara yang tertentu dan justeru itu menggalakkan pembicaraan supaya dapat dibetulkan sebarang kesilapan yang wujud dan diperdalamkan pengetahuan umum. Adanya satu penerbitan mengenai warisan Kelantan bererti ada kemungkinan lebih banyak penerbitan lain dapat dihasilkan yang akan memberi sumbangan positif kepada pengajian masyarakat Kelantan dari segi sejarah. Ia juga dapat memberi peringatan kepada penuntut-penuntut sejarah supaya, pada masa yang akan datang, mereka tidak akan mengabaikan perkara-perkara yang bukan bersifat politik dalam pengajian sejarah.

Telah lama kedengaran seruan agar sejarah Malaysia yang berkeperibadian Malaysia diusahakan. Pada dasarnya ramai masih tidak memahami apakah sebenarnya yang dimaksudkan. Bagi setengah-setengah orang, menulis kembali sejarah tidak berbeza dengan memutarbelitkan sejarah. Satu objektif dasar penerbitan monograf ini adalah untuk membuktikan bahawa penulisan kembali sejarah bukan bererti ahli sejarah dengan sengaja mahu *mengubah* fakta sejarah. Bila ditimbulkan apa yang sekian lama dibiarkan tenggelam, yang berubah hanyalah perspektif bukan kebenaran, bahkan kebenaran dititikberatkan dengan lebih tegas lagi.

Mudah-mudahan monograf ini akan menggalakkan mereka yang berpengetahuan tentang segala aspek warisan Kelantan untuk memberi sumbangan seterusnya kepada pengetahuan umum perihal sejarah kemsosiarakatan Kelantan dan dengan cara itu membantu usaha-usaha untuk menghasilkan sejarah Malaysia yang baharu.

Pendidikan Islam Di Kelantan

Abdul Halim Ahmad*

Pendidikan Islam: Peringkat Awal

ORANG paling awal yang menyampaikan pendidikan Islam yang dapat diakui setakat ini ialah Tuan Syeikh Haji Abdul Halim.¹ Beliau telah memulakan pengajarannya di Kelantan pada akhir abad ke-18 setelah menamatkan pelajarannya di Mekah. Beliau telah menyampaikan pengajarannya di istana dan di surau-surau untuk anak-anak raja, anak-anak pemberi dan orang ramai. Pengajarannya telah mendapat sambutan dan murid-muridnya terdiri daripada orang Kelantan dan juga dari luar negeri.

Kelantan telah pertama kali dikunjungi oleh penuntut-penuntut dari luar dan dalam Tanah Melayu pada 1780-an.² Ketika itu ibu negeri Kelantan telah dipindahkan dari Kota Kubang Labu ke Kota Lama (Kampung Sireh) oleh pemerintah Long Yunus. Kawasan Kampung Sireh dan sekitarnya telah menjadi sebuah pusat pendidikan Islam yang terawal di Kelantan.³

* Penulis adalah kelulusan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, tahun 1975 dan makalah ini dipetik daripada Kajian Ilmiah yang berjodol 'Perkembangan Pendidikan Islam Tradisional di Kelantan Dan Peranannya Di Dalam Masyarakat' (1975).

1 Beliau bukanlah anak Kelantan jati. Beliau adalah anak angkat kepada Long Yunus pemerintah Kelantan. Sultan Long Yunus (1762-1794M) sentiasa mengadakan perhubungan baik dengan saudagar-saudagar Cina dan lain-lain pedagang yang datang berdagang ke Kelantan. Kota Kubang Labu yang terletak di tepi bahagian barat Sungai Kelantan adalah merupakan pusat pemerintahan dan ibu negeri Kelantan pada abad ke-18. Oleh kerana memandangkan budi baik pemerintah, seorang saudagar Cina telah menghadiahkan seorang kanak-kanak lelaki kepada baginda. Kanak-kanak itu telah dinamakan Abdul Halim dan dijadikan anak angkat oleh Long Yunus. Sebagai seorang sultan yang kuat beragama, baginda telah menghantarkan Abdul Halim bersama-sama dengan seorang puteranya ke Mekah untuk mempelajari pengetahuan agama Islam. Syeikh Halim adalah nenekanda sebelah ibu kepada Mufti Kelantan sekarang iaitu Datuk Haji Muhammad Noor bin Haji Ibrahim. (Interview dengan Datuk Mufti Haji Muhammad Noor bin Hj. Ibrahim, Cikgu Abd. Rahman bin Haji Taib dan Tuan Guru Haji Hasbullah).

2 Ibid.

3 Ibid.

Oleh kerana tidak kedapatan kitab-kitab yang dicetak, Syeikh Halim hanya menyampaikan pengajarannya secara lisan sahaja. Kitab-kitab yang digunakan olehnya ialah kitab Jawi tulisan tangan dan juga kitab-kitab Arab. Beliau menterjemah dan menyampaikan pengajarannya di dalam bahasa Melayu.

Memang menjadi suatu kerumitan untuk mendapatkan kitab kerana pada masa itu tidak kedapatan langsung kitab-kitab yang dicetak. Kitab yang digunakan oleh Syeikh Halim adalah kitab-kitab yang dibawa pulang dari Mekah yang sebahagiannya adalah hasil salinan dan usahanya sendiri.

Masyarakat di Kelantan pada masa itu rata-ratanya adalah buta huruf dan jahil tentang soal-soal agama. Jenayah sering berlaku di mana-mana sahaja. Untuk membendung keadaan itu, sultan telah menggalakkan pengajaran agama. Sultan memberi keistimewaan kepada mereka yang berkebolehan di dalam pengajaran agama seperti tinggal di istana dan kadang-kadang dikahwinkan dengan puteri baginda. Syeikh Halim adalah seorang yang mendapat keistimewaan ini.⁴

Sultan telah memerintahkan orang ramai mendirikan surau untuk Syeikh Halim mengajar. Istana juga dijadikan tempat pengajaran untuk keluarga diraja dan anak pembesar-pembesar. Dalam pengajaran dititikberatkan soal-soal fardu 'ain dan yang berkaitan rapat dengan Rukun Islam serta Rukun Iman yang sekurang-kurangnya patut diketahui oleh setiap umat Islam. Mengenai pelajaran Al-Quran pula, murid-murid diajar secara bergilir-gilir seorang demi seorang. Berkat kesungguhan Syeikh Halim, minat dan perhatian orang ramai terhadap agama Islam lebih mendalam. Murid-murid juga diajar menulis dan membaca terutama mengenai ayat-ayat Al-Quran. Pada mulanya murid-murid diajar abjad Jawi dan apabila mahir diajar menyalin ayat Al-Quran sebaris dua sehari mengikut kebolehan masing-masing. Mereka menggunakan lidi kabung dan dawat buatan sendiri.⁵

Dipercayai Syeikh Halimlah orang yang mula-mula mengajar pendidikan Islam kepada orang Islam di Kelantan secara yang teratur dan bersungguh-sungguh meliputi ajaran-ajaran agama yang penting khususnya yang berkaitan dengan Rukun Islam dan Rukun Iman serta soal-soal yang bersabit dengan amal ibadat seharian. Sering ditegaskan oleh Syeikh Halim di dalam pengajarannya bahawa ibadat itu bukanlah terhad kepada soal-soal sembahyang dan puasa sahaja malah bekerja untuk mencari rezeki dan menuaikan sebarang kebaikan juga merupakan ibadat dan mendapat ganjaran di sisi Tuhan.⁶

Syeikh Halim juga merupakan seorang penasihat kepada Sultan Muhammad I (1800-1837). Di atas nasihat beliau, baginda telah mengadakan berbagai-bagai usaha untuk kebajikan umat Islam di dalam

4 Ibid.

5 Ibid.

6 Ibid. (Haji Hasbullah dan Cikgu Abd. Rahman).

dan di luar Kelantan. Baginda menggalakkan orang ramai mendirikan madrasah, surau dan wakaf untuk tempat persinggahan dan tempat amal ibadat. Orang ramai telah mendirikan tempat ibadat dan tempat persinggahan itu secara bergotong-royong. Masjid-masjid dan surau-surau didirikan di setiap mukim yang mempunyai penduduknya cukup untuk mendirikan sembahyang Jumaat.⁷ Madrasah didirikan di kampung untuk keperluan berjumaah pada setiap hari, sementara wakaf pula didirikan di tepi-tepi jalan iaitu tempat dilalui orang ramai dan juga di tengah-tengah sawah. Tujuannya adalah untuk kemudahan bagi musafir-musafir dan petani-petani yang tidak sempat pulang berhenti untuk bermalam atau sebagai tempat berhenti rehat buat sementara sambil menunaikan sembahyang. Wakaf itu kebanyakannya disediakan dengan pergi dan tikar untuk kemudahan setiap orang yang singgah. Di atas nasihat Syeikh Halim juga, baginda Sultan Muhammad I telah mengarahkan supaya rumah wakaf didirikan di Mekah, Juddah dan Madinah.⁸ Segala perbelanjaan itu adalah atas biayanya sendiri.⁹

Syeikh Halim telah berjaya menyampaikan ajaran-ajaran Islam kepada sebahagian besar masyarakat Kelantan kerana persefahamannya dengan baginda Sultan Muhammad yang pertama. Baginda adalah seorang yang pemurah dan cintakan agama dan Kelantan ketika itu telahpun masyhur sebagai sebuah negeri yang aman dan makmur.¹⁰ Sawah bendang telah diusahakan oleh orang ramai secara meluas. Kebun buah-buahan juga diusahakan oleh orang ramai di setiap tempat. Oleh kerana kemakmuran telah dinikmati oleh sebilangan besar rakyat Kelantan maka jenayah telah beransur kurang. Ini juga adalah kerana pengajaran agama Islam telah diterima oleh sebilangan besar rakyat. Pendidikan Islam itu telah dapat membendung masyarakat dari melakukan sebarang kesalahan.¹¹

Syeikh Halim mempunyai dua orang putera iaitu Haji Yusoff¹² dan Haji Yaakub. Kedua-dua puteranya itu telah diberikannya didikan agama yang baik. Haji Yaakub telah menggantikan ayahnya sebagai tokoh ulama

7 Penduduk Kelantan adalah pengikut Mazhab Imam Syafie. Mengikut Mazhab Imam Syafie, sembahyang Jumaat hanya sah dilakukan oleh para jemaah yang mengandungi sekurang-kurangnya 40 orang lelaki Islam yang mukallaf dan bermastautin di tempat yang berkenaan.

8 Saad Syukri, *Detik-detik Sejarah Kelantan*, Kota Bharu, 1971, hal. 72.

9 Tuan Guru Hj. Hasbullah dan Cikgu Abd. Rahman, interview.

10 Saad Syukri, op. cit.

11 Hj. Hasbullah dan Cikgu Abd. Rahman, interview.

12 Sungguhpun beliau mempunyai pendidikan agama yang cukup tetapi beliau mementingkan kegiatannya di bidang seni. Beliau juga merupakan seorang pahlawan kepada Sultan Muhammad I. Sebagai seorang tokoh seni yang terkemuka, beliau telah diperintah oleh Sultan untuk membina sebuah istana baharu. Hj. Yusuf telah menyiapkan istana itu pada tahun 1816 dan dinamakan sultan dengan nama "Istana Kebun Meseta" (bertempat di Padang Merdeka, Kota Bharu sekarang). Istana itu dinamakan baginda sempena pokok-pokok manggis yang banyak terdapat di sekitarnya. Hj. Yusoff juga berkebolehan di dalam bidang seni suara. Beliau sangat dikasihi oleh sultan justeru itu beliau telah mati diracuni oleh Raja Kampung Laut kerana iri hati.

dan guru agama yang terkemuka.

Sebagaimana bapanya juga, Hj. Yaakub telah memulakan pengajarannya setelah beliau kembali daripada menuntut pelajaran agama di Mekah. Corak pengajarannya tidaklah berbeza; beliau meneruskan pendidikan Islam secara tradisional itu di istana, dan di surau-surau. Cuma pengajarannya diperluaskan lagi — ia disampaikan kepada kaum wanita. Hj. Yaakub telah memberi galakan kepada setiap umat Islam, lelaki dan perempuan, supaya datang mengikuti pengajarannya.

Tuan Guru Hj. Yaakub menekankan pengajarannya di surau¹³ dan masa pengajarannya dilakukan sepanjang hari iaitu pada waktu pagi, petang dan malam. Orang lelaki dan perempuan diasingkan dengan tabir. Pengajarannya tidaklah dihadkan kepada ajaran agama sahaja tetapi meliputi soal adat istiadat serta kesopanan yang sepatutnya diikuti oleh setiap orang Melayu. Ini meliputi cara-cara menerima tetamu, cara makan, memberi hormat dan lain-lain soal yang meliputi seluruh keperibadian orang Melayu.¹⁴

Surau tempat beliau mengajar didirikan di Pasar Lama.¹⁵ Surau itu didirikan dua tingkat. Bahagian bawahnya untuk tempat mengajar dan tempat berjumaah manakala bahagian atasnya dikhaskan untuk tempat menginap murid-murid yang datang dari jauh dan juga sebagai tempat persinggahan musafir.¹⁶

Hj. Yaakub telah menyampaikan pelajaran kepada murid-muridnya menerusi cara lisan dan bertulis. Pada peringkat pertama murid-murid diajar nahu dan saraf. Beliau memberi latihan bertulis untuk murid-muridnya menyalin pada buku masing-masing sekadar satu atau dua baris bagi sesuatu masa; kemudian disuruh murid-murid menghafal. Pada keesokkannya jika didapati kejayaan muridnya menghafal dan memahami, beliau akan meneruskan latihan dan pelajaran sambungannya. Murid-murid yang tidak berjaya dikehendaki mengulang sehingga dapat sebelum memberi pelajaran yang lain. Begitulah dilakukan hari-hari sehingga muridnya mahir di dalam ilmu nahu dan saraf.¹⁷

Apakala didapati murid-muridnya mahir di dalam pelajaran tersebut mereka akan diajar pelajaran yang lain yang berkaitan dengan agama Islam seperti Fekah, Tauhid, Tasawwuf, Maani (Sastra Arab), Mantik, Tafsir dan Ilmu Syair. Pada masa itu cuma beberapa orang murid sahaja yang berjaya menguasai kebanyakan daripada pelajaran ini secara mendalam. Ini adalah

13 Pada masa itu sistem pendidikan secara pondok masih belum diperkenalkan lagi di Kelantan. Corak pendidikan yang begini adalah suatu sistem yang paling teratur untuk menyampaikan pengajaran kerana surau adalah tempat tumpuan masyarakat terutamanya untuk membuat amal ibadat.

14 Cikgu Abd. Rahman, interview.

15 Surau tempat pengajarannya di Pasar Lama atau sekarang tempat itu dikenali dengan sebutan "Taman Sekebun Bunga" berhampiran dengan Panggung Lido, Kota Bharu.


16 Cikgu Abd. Rahman, interview.

17 Ibid.

kerana kebanyakannya daripada mereka tidak dapat menguasai bahasa Arab. Kebanyakannya kitab yang berkaitan dengan pelajaran di atas adalah tertulis di dalam bahasa Arab. Mereka yang tidak dapat menguasai bahasa Arab diajar kitab Jawi setelah mereka dapat membaca Jawi.¹⁸

Tuan Guru Hj. Yaakub telah membimbangkan murid-muridnya supaya tetap sentiasa menyampaikan ajaran agama Islam kepada sesiapa sahaja mengikut kebolehan masing-masing tanpa mengira tempat dan masa. Mengikutnya pengajaran agama boleh diajar di mana-mana sahaja — tidak terhad pada masjid atau surau. Ia boleh diajar dan disampaikan di setiap tempat seperti di jalan-jalan, di kedai-kedai, di tempat bekerja dan sebagainya, asalkan ada kesempatan. Pengajaran itu tidak semestinya mengambil masa yang lama, memadai dengan masa yang sedikit tetapi berulang kali dan ini akan membawa kesan yang mendalam. Cara yang paling berkesan untuk pengajaran adalah cara mendampingi seseorang serta berbuat baik kepadanya dan menasihatiinya supaya mengutamakan sifat-sifat kebaikan yang dikehendaki oleh agama.¹⁹

Hj. Yaakub telah berpesan kepada setiap murid supaya, sebelum daripada menasihati orang lain, terlebih dahulu membetuli diri sendiri. Cara yang paling berkesan untuk membaiki masyarakat ialah dengan teguran dan nasihat; cara yang satu lagi ialah melalui contoh tauladan. Tidak berguna seseorang itu menasihati orang lain untuk berbuat baik sedangkan dirinya sendiri tidak berbuat demikian. Cara yang sebaik-baiknya ialah menyeru orang berbuat baik setelah diri kita melakukannya terlebih dahulu.



Bangunan Majlis Agama dan Istiadat Melayu Kelantan, Kota Bharu.

18 Ibid.

19 Ibid.

Beliau seterusnya menasihati murid-muridnya supaya turut juga mempelajari ilmu-ilmu selain daripada agama kerana semua ilmu itu adalah berguna dan mendatangkan kebaikan. Justeru itu murid-muridnya tidak berpandangan sempit. Sebahagian besar daripada keturunan Hj. Yaakub dan keturunan murid-muridnya kini turut memegang teraju pemerintahan negeri Kelantan dan juga Malaysia.²⁰ Di antara murid-murid yang berjaya memperolehi pengetahuan agama yang mendalam ialah Ahmad bin Hj. Yusoff, Osman bin Hj. Yusoff²¹ dan Wan Abd. Rahman bin Wan Sulaiman (Tok Semian).²² Mereka telah melanjutkan pelajaran ke Mekah setelah berguru dengan Hj. Yaakub beberapa tahun. Sekembalinya ke Kelantan mereka mulai bergiat menyampaikan pendidikan Islam. Hj. Ahmad bin Hj. Yusoff umpamanya telah memulakan pengajarannya bertempat di Medan,²³ Kota Bharu.

Selain daripada mereka di atas, yang merupakan tokoh ulama terkemuka di Kelantan pada penghujung abad ke-19 ialah Hj. Wan Ali bin Abd. Rahman al-Kelantani²⁴ dan Hj. Omar Ismail Nuruddin al-Kelantani,²⁵ mereka juga merupakan murid berkebolehan Tuan Guru Hj. Yaakub. Mereka berdua kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Pattani dan ke Mekah untuk mendalami lagi pengetahuan agama. Ramai murid-murid Hj. Yaakub yang kemudiannya turut meneruskan perkembangan pendidikan Islam secara tradisional.

Hj. Yaakub telah dijadikan penasihat oleh Sultan Muhammad II (1839-1886M) terutamanya mengenai soal agama. Baginda sultan telah memerintah supaya didirikan masjid yang besar di Kota Bharu memandangkan keperluan untuk tempat berjemaah dan tempat pengajaran yang semakin kerap dikunjungi oleh orang ramai. Masjid itu dikenali sebagai masjid kayu²⁶ siap didirikan pada tahun 1867M. Masjid ini juga adalah sebagai ganti kepada masjid lama yang telah dilanda banjir.

20 Ibid.

21 Ahmad dan Osman anak kepada Hj. Yusoff iaitu saudara kepada Hj. Yaakub sendiri.

22 Beliau ialah anak angkat kepada Hj. Yaakub (Tuan Padang). Wan Abd. Rahman bin Sulaiman, seorang ulama, memegang jawatan sebagai "Menteri Besar" Kelantan ketika itu. Beliau juga merupakan seorang penterjemah. Beliau menterjemahkan kitab *Risalah Majmu' al-Furkan fi Ma'rifat Akaidil Iman* membicarakan tentang Tauhid dan Ibadat. (Hj. Hasbullah, interview.).

23 Medan kini terkenal sebagai Medan Tuan Padang sempena tempat Hj. Ahmad mengajar. Tempat ini adalah kawasan lapang dan orang Kelantan biasa menamakan tempat lapang itu sebagai padang. Hj. Ahmad digelarkan sebagai Tuan Padang sesuai dengan tempat pengajarannya itu. Medan Tuan Padang terletak berhampiran dengan Pejabat Bandaran Kota Bharu.

24 Terkenal dengan panggilan Hj. Wan Ali Kutan, beliau adalah seorang penterjemah dan pengarang kitab yang ulung.

25 Lebih terkenal dengan nama Hj. Omar Sungai Keladi. Beliau juga merupakan seorang penulis kitab dalam berbagai-bagai aspek keagamaan dan ilmu falak.

26 Masjid ini adalah pusat pengajaran agama yang terbesar di Kelantan pada dekad kedua hingga abad ke-20. Masjid Muhammadi sekarang didirikan di atas tapak masjid ini yang telah dirobohkan untuk dibina suatu masjid yang ada sekarang ini.

Hj. Yaakub telah menggunakan kuasa yang diberikan oleh sultan kepadanya untuk menjatuhkan hukuman kepada penjenayah di Kelantan. Hukum rejam pernah dilakukan oleh beliau terhadap mereka yang salah melakukan perzinaan.²⁷ Ini satu bukti yang menunjukkan Kelantan pernah mempraktikkan hukum Islam yang berlandaskan Suruhan Syara' — hukum yang dikehendaki oleh Allah.

Almarhum Sultan Muhammad II telah menggariskan suatu pembaharuan di dalam pemerintahan baginda. Sebarang hukuman yang dijalankan hendaklah didasarkan kepada Hukum Syara'. Boleh dikatakan keseluruhan pemerintah Kelantan yang bermula dari Long Yunus adalah merupakan pemerintah yang memberikan perhatian serius kepada soal-soal agama. Ini adalah kerana mereka sendiri telah disemaikan semangat agama sejak kecil lagi. Keutamaan sering diberikan kepada setiap alim ulama untuk mengajar agama di istana untuk putera-puteri raja serta anak-anak pembesar. Biasanya pembesar-pembesar negeri adalah terdiri dari orang alim. Pendidikan agama disalurkan dengan begitu teratur dan disampaikan untuk setiap lapisan masyarakat tanpa mengira pangkat. Berkat usaha ulama-ulama yang gigih seperti Syeikh Halim, Hj. Yaakub dan ulama-ulama yang kemudian daripadanya, pemerintah dan rakyat Kelantan telah disemaikan dengan perasaan cintakan agama. Jadi tidak hairanlah kalau corak hidup orang Kelantan lebih mementingkan soal-soal agama baik dari segi pendidikan, sosial atau politik. Ini adalah kerana semangat keagamaan telah lama disemaikan dan perasaan itu telah begitu mendalam di dalam jiwa sebahagian besar daripada umat Kelantan.

Hj. Yaakub tidak mempunyai putera untuk meneruskan kegiatan beliau di lapangan pendidikan dan pelajaran agama. Walau bagaimanapun dua orang anak saudaranya iaitu Hj. Ahmad bin Hj. Yusuff²⁸ dan Hj. Osman serta murid-muridnya yang lain telah meneruskan penyebaran pendidikan Islam di Kelantan. Bertempat di Medan Tuan Padang, Hj. Ahmad telah meneruskan pengajaran agama meliputi pelajaran-pelajaran Fekah, Usuluddin, Tasawwuf, Tauhid dan sebagainya. Hj. Osman pula telah mengutamakan pengajaran Al-Quran dan beliau adalah seorang guru Quran yang terkenal di seluruh Kota Bharu. Beliau juga merupakan guru Quran di istana.

Turut membantu Hj. Ahmad di Medan Tuan Padang ialah tiga orang puteranya iaitu Hj. Taib, Hj. Ishak dan Hj. Ibrahim. Ketiga-tiga puteranya itu mendapat didikan awal daripadanya sendiri dan juga Hj. Yaakub. Kemudian mereka melanjutkan pelajaran agama di Mekah. Setelah Hj. Ahmad meninggal, Hj. Taib terus menyambungkan pengajaran agama di surau Medan Tuan Padang. Hj. Taib juga digelar Tuan Padang. Di antara

27 Tuan Guru Hj. Hasbullah, interview.

28 Hj. Ahmad juga menjadi imam kepada Sultan Mansur (1898-1900). Beliau ialah datuk sebelah ibu kepada Datuk Mufti Hj. Mohd. Noor. (Interview dengan Cikgu Abd. Rahman Taib).

murid-murid yang turut belajar dengannya ialah Hj. Muhammad Yusoff²⁹ atau kemudiannya dikenali dengan nama Tok Kenali.

Tuan Guru Hj. Taib telah mengadakan suatu perubahan yang besar terhadap kehidupan sosial orang Kelantan. Beliau telah menasihati Sultan Mansur supaya menitahkan rakyat Kelantan untuk menggunakan pakaian yang digalakkan oleh agama iaitu menutup aurat.³⁰ Orang lelaki dikehendaki memakai kain sarung dan berbaju Teluk Belanga menggantikan pakaian yang biasa dipakai iaitu bersarung tanpa berbaju, bertengkolok, berkeris dengan pinggang diikat dengan kain lepas. Orang perempuan pula dikehendaki memakai kain sarung dan berbaju kurung serta bertudung menggantikan pakaian yang biasa dipakai iaitu bersarung dan berkemban. Perintah itu telah berjalan kuatkuasanya pada tahun 1899M.³¹

Tuan Guru Hj. Taib tidak hanya bertugas di Kota Bharu tetapi beliau juga berkesempatan untuk mengajar di Muar, Johor.³² Beliau sering mengajar secara bergilir-gilir di Kota Bharu dan di Muar, iaitu enam bulan di Kota Bharu dan enam bulan di Muar. Biasanya beliau bertugas di Muar ketika Kelantan mengalami banjir iaitu pada penghujung dan awal tahun. Cara pengajarannya di Kelantan dan di Muar adalah sama sahaja iaitu pengajarannya dilakukan di surau. Sementara itu dua orang saudaranya iaitu Hj. Ishak dan Hj. Ibrahim masing-masing bertugas menyampaikan pendidikan agama di Pulau Tawar, Pahang dan di Wakaf Bharu, Kelantan.³³

Syekh Abd. Halim dan keturunannya telah memainkan peranan yang begitu penting sekali di lapangan pendidikan Islam di Kelantan dan juga luar Kelantan. Keluarganya dan keturunannya sentiasa berhubung rapat dengan pihak pemerintah dan kalangan istana. Mereka telah menjadi penghubung di antara pemerintah dengan rakyat jelata. Oleh kerana kalangan mereka terdiri daripada golongan yang berpendidikan maka tidak hairanlah mereka telah dijadikan penasihat oleh pihak pemerintah Kelantan; kalangan mereka juga ada yang dilantik menjadi pembesar Kelantan.

Kemunculan Sistem Pendidikan Pondok

Pondok yang pertama didirikan di Kelantan ialah pada tahun 1820 (?) oleh Tuan Guru Hj. Abd. Samad bin Abdullah. Beliau menyampaikan ajaran agama Islam di Pulai Chondong yang letaknya di Jalan Kuala Krai, 28 kilometer dari Kota Bharu. Beliau telah mendapat didikan awalnya di Pattani dan kemudiannya terus melanjutkan pelajarannya ke Mekah.

29 Abdullah Al-Qari, *Sejarah Hidup Tok Kenali*, Kota Bharu, 1967, hal. 21.

30 Cikgu Abd. Rahman, interview.

31 Mohd. Hussain Khalei, *Kelantan Dari Zaman ke Zaman*, Kota Bharu, 1970, hal. 92.

32 Cikgu Abd. Rahman, interview.

33 Ibid.

Hj. Abd. Samad yang dikenali dengan nama Tok Pulai Chondong telah menjadi pelupur di dalam memperkenalkan sistem pendidikan yang bercorak pondok di Kelantan. Beliau telah mewakafkan tanahnya untuk dijadikan tempat murid-muridnya mendirikan pondok. Beliau telah mendirikan sebuah masjid untuk dijadikan tempat pengajaran. Di samping masjidnya itu didirikan sebuah menara yang ditebuk daripada batang cengal.³⁴

Tok Pulai Chondong mula mengajar terdahulu sedikit daripada Hj. Yaakub yang mengajar di Kota Bharu. Bezanya ialah Hj. Yaakub tidak memperkenalkan corak penempatan yang berbentuk pondok sedangkan Tok Pulai Chondong telah menggalakkan murid-muridnya mendirikan pondok untuk tempat tinggal. Murid-muridnya telah bertambah ramai sehingga terdapat mereka yang datang dari Kampar, Sumatera dan juga Kampuchea selain daripada Pattani dan negeri-negeri di Semenanjung.³⁵ Bilangan itu telah bertambah ramai ketika puteranya iaitu Hj. Muhammad Arshad menyambung tugasnya sebagai guru agama di situ. Pada tahun 1880 murid-muridnya meningkat kepada hampir 500 orang. Di antara muridnya yang terkenal ialah Tok Kemuning yang kemudiannya membuka pondoknya di Kemuning, Machang, pada awal abad ke-20.

Perkembangan pondok di Pulai Chondong yang begitu pesat pada abad ke-19 itu telah pudar setelah Tuan Guru Hj. Muhammad Arshad meninggal dunia. Ini adalah kerana tidak ada orang yang terus menyambungkan usaha yang dipelopori oleh Tok Pulai Chondong. Sungguhpun terdapat murid-murid yang berkebolehan, mereka kembali ke tempat masing-masing dan membuka pondoknya yang tersendiri.³⁶

Pelopor Penulisan Kitab

Pendidikan Islam tradisional telah memperlihatkan perkembangan yang lebih positif dengan munculnya ulama-ulama seperti Hj. Abd. Samad bin Muhammad Salleh Al-Kelantani (1816-1891), Hj. Wan Ali bin Hj. Abdul Rahman Al-Kelantani, Hj. Omar Ismail Nuruddin Al-Kelantani dan Hj. Abbas yang masing-masing mempunyai pengetahuan agama yang mendalam. Mereka telah mendapat didikan agama di Kelantan, Pattani dan Mekah.

Mereka bukan hanya merupakan guru-guru yang turut membuka pondok tetapi juga pengarang dan penterjemah kitab-kitab agama yang ulung. Sejauh yang diketahui guru-guru agama atau ulama-ulama yang dahulu hanya semata-mata mengajar agama tidak menceburkan diri dalam kegiatan karang mendarang. Ini adalah kerana mereka lebih menumpukan kegiatan kepada bidang dakwah dan menyampaikan ajaran secara lisan

³⁴ Menara merupakan lambang perkembangan pendidikan Islam di Pulai Chondong dan kini masih teguh berdiri walaupun menjalani masa lebih daripada satu abad setengah. (*Ibid.*).

³⁵ *Ibid.*

³⁶ *Ibid.*

.....
.....
.....
.....
.....



Menara Tok Pulai Chondong.

memandangkan masyarakat pada masa itu rata-ratanya adalah buta huruf. Dengan munculnya Hj. Abd. Samad bin Salleh Al-Kelantani, Hj. Wan Ali dan Hj. Omar, Kelantan telah memiliki guru-guru agama atau ulama yang berkebolehan dalam bidang penulisan dan penterjemahan kitab-kitab agama.³⁷

Hj. Abd. Samad bin Muhammad Salleh Al-Kelantani telah dilahirkan di Tabal³⁸ wilayah Selatan Thai pada tahun 1816M. Beliau juga terkenal dengan panggilan Tuan Tabal dan pendidikan awalnya ialah di Pattani. Kemudian beliau telah melanjutkan pelajaran agamanya di Mekah dan Mesir sehingga menjadi seorang ulama yang terkemuka.

Beliau telah berkahwin dengan anak Tok Semian³⁹ dan menetap di Kota Bharu. Pada mulanya beliau bertugas mengajar di surau Tok Semian yang terletak di Kubang Pasu. Setelah murid-muridnya kian ramai beliau telah membuka pondok yang merupakan pondok pertama didirikan di Kota Bharu.

Di samping mengajar, beliau juga menterjemahkan kitab-kitab agama atau menyadurkannya ke dalam bahasa Melayu. Karangan beliau itu meliputi ilmu Usuluddin, Fekah dan Tasawwuf. Kitab-kitabnya itu pernah dicetak di Mekah. Terjemahannya diperseuaikan mengikut pengertian sendiri bagi menyenangkan pembaca dan murid-muridnya.⁴⁰ Di antara kitab karangannya ialah:

1. *Minhatul Qarib*
2. *Jalaul Qulub*
3. *Munabihul Ghafilan*
4. *Bidayatul Ta'lim*
5. *Kifayatul Awwaam*
6. *Bab Harap*
7. *Munyatul Ahli Aubah*

Kitab *Minhatul Qarib* itu adalah petikan daripada beberapa kitab karangan Imam Ghazali⁴¹ seperti *Ihyau Ulumuddin*, *Minhajul Abidin* serta *Bidayatul Hidayah* dan dicampur pula dengan petikan daripada kitab-kitab karangan Sayyidi Al-Shaik Abd. Wahab Al-Sha'rani iaitu *Bahrul Al-Maurud* dan *Sharah Wasiah Maqbuliah*. Dinyatakan juga bahawa ada pengambilan dari Imam Nawawi dan Imam Rafii dari bab mengenai Fekah untuk memperkuatkan nas-nasnya.⁴²

Dengan terbukanya pondok Kubang Pasu (1850M?), Tuan Tabal telah membawa suatu langkah yang positif ke arah memperluaskan lagi

37 Interview dengan Tuan Guru Hj. Mohd. Noor But.

38 Tabal dahulunya terletak di bawah kekuasaan negeri Kelantan.

39 Interview dengan Drs. Abd. Rahman Al-Ahmadi.

40 Drs. Abd. Rahman Al-Ahmadi, *Pengantar Sastra*, Kota Bharu, 1966, hal. 159.

41 Juga terkenal dengan gelaran Hujjatul Islam. Beliau adalah seorang ulama Islam yang terkemuka pada abad ke-5 Hijrah atau penghujung abad ke-11M dan awal abad ke-12M. (Lihat *Ihyau Ulumiddin*, Pustaka Indonesia, Medan, 1973).

42 Drs. Abd. Rahman *Pengantar Sastra*, hal. 159.

pendidikan Islam tradisional di Kelantan terutamanya mengenai pelajaran Tasawwuf yang dahulunya berkembang secara kecil-kecilan sahaja. Pembukaan pondok ini telah membawa erti yang sebenarnya kepada penyebaran ajaran Tasawwuf yang lebih meluas di Kelantan.⁴³

Aliran Tasawwuf yang dianuti oleh Tuan Tabal ialah *wadhatul wujud* yang bersifat tafakur dan ilmiah. Aliran ini merupakan aliran Tasawwuf di Mekah yang diwakili oleh Ibrahim Qudri Al-Madani.⁴⁴ Mengikut beliau cara menghampiri diri dengan Allah tidak hanya semata-mata dengan berzikir tetapi juga dengan berfikir. Ini jelas dipaparkan dengan terang di dalam kitabnya *Jalaul Qulub*.⁴⁵ Kitab ini menandakan kegemaran beliau terhadap ajaran Tasawwuf. Beliau menerangkan iaitu dua sebab yang membawakan seseorang itu kasihkan dunia iaitu kejahilan dan tidak ingat akan hari mati kerana gilakan keduniaan. Ini jelas dipaparkan di dalam kitabnya yang berjudul *Munabihul Ghafilan*.⁴⁶

Beliau telah memberi dua jalan untuk menghilangkan keadaan kejahilan dan gilakan keduniaan iaitu dengan cara berfikir secara ikhlas dan bertaubat kepada Allah melalui tiga cara iaitu hendaklah mengelakkan diri daripada melakukan maksiat, berazam untuk tidak kembali melakukan maksiat dan menyesal di atas segala perbuatan itu.

Di dalam bidang akliah,⁴⁷ peranan Tuan Tabal dapat dilihat daripada huraian-huraian mengenai kehidupan dan mengenai contoh-contoh hidup cara Islam dengan diri sendiri terlebih dahulu mengerjakan segala perintah Allah. Huraian-huraian adalah didasarkan kepada ajaran. Tauhid dan akaliah menyentuh aspek kehidupan Islam yang sebenarnya.

Kitab Bidayatul Ta'lim dan *Kifayatul Awwam* pula membicarakan rukun Islam dan hukum-hukum yang wajib diketahui oleh setiap umat Islam termasuk mengenali sifat-sifat Tuhan. Sifat dua puluh adalah asas pelajaran Tauhid yang menyentuh sifat Ketuhanan itu telah dikupas oleh Tuan Tabal di dalam kitabnya yang berjudul *Kifayatul Awwam*.⁴⁸

Tuan Tabal telah berjaya melahirkan ramai murid yang kemudian terus menyambungkan kegiatannya dalam bidang pendidikan agama. Di antara mereka termasuklah putera-puteranya sendiri seperti Wan Musa dan Wan Abdullah. Selain daripada itu, Hj. Daud bin Cik Hussain, Tok Kenali dan Hakim Nik Abdullah bin Raja Zainal adalah murid-murid Tuan Tabal yang berkejayaan. Mereka ini turut memusatkan lagi perkembangan pendidikan Islam tradisional di Kelantan pada abad ke-20 ini.

Seorang ulama yang terkenal dan hidup sezaman dengan Tuan Tabal ialah Hj. Wan Ali bin Abd. Rahman Al-Kelantani atau lebih dikenali

43 Hj. Hasbullah dan Hj. Mohd. Noor But, interview.

44 Drs. Abd. Rahman, *Pengantar Sastra*, hal. 159.

45 Ibid., hal. 160.

46 Ibid., hal. 161.

47 Apa-apa yang berhubungan dengan akal yang sebenarnya atau apa-apa yang didasarkan padanya iaitu yang datang dari kesedaran intelek.

48 Drs. Abd. Rahman Al-Ahmadi, *Pengantar Sastra*, hal. 162.

dengan nama Hj. Wan Ali Kutan. Beliau dilahirkan di Kutan, Pasir Pekan, Jalan Pasir Mas, pada tahun 1837M. Beliau, seperti Tuan Tabal, mendapat didikan awal di Pattani. Beliau melanjutkan pelajarannya ke Pattani setelah belajar dengan Hj. Yaakub beberapa tahun. Untuk mendalami pengetahuan agama dan bahasa Arab, beliau terus menyambungkan pelajarannya ke Mekah.

Sekembalinya ke Kelantan, beliau terus menceburkan diri dalam lapangan pendidikan Islam. Beliau juga merupakan seorang ulama Tasawwuf yang terkumpul di dalam dirinya ilmu Syarak dan ilmu Hakikat. Aliran Tasawwuf yang dibawanya berbeza sedikit dengan aliran yang dibawa oleh Tuan Tabal. Aliran Tasawwufnya bersifat tafakur dan ubudiah yang menekankan zikir sedangkan Tuan Tabal bersifat tafakur dan ilmiah. Di antara kitab-kitab karangannya ialah:

1. *Al Jauharil Mauhub* (1886M)
2. *Zahratul Marid fil 'Aqaidil Tauhid* (1890M)
3. *Lam'atul Aurad* (1881M)
4. *Majmu' Al Qasaid wal Awaid* (1900M)

Al Jauharil Mauhub adalah terjemahan daripada kitab Hadith al Nabawi karangan Syeikh Jalaluddin Abdul Rahman Al Sayuti. Kitab Hj. Wan Ali yang pertama ini membicarakan tentang fadilah fikir, fadilah ilmu dan ulama.⁴⁹ Keseluruhan kitab ini membicarakan soal-soal ibadat. Sabda Nabi dimasukkan di dalamnya secara sistematis bagi memperkuatkan sesuatu nas.

Beliau juga telah mengarang sebuah kitab yang menghuraikan tentang ilmu Usuluddin bersesuaian dengan Mazhab ahli Sunnah wal Jamaah. Kitab itu dinamakan *Zaharatul Marid fi 'Aqaidil Tauhid* dan didahului dengan fadilah ilmu dan diakhiri dengan keterangan tentang rahsia dan kebaikan serta kelebihan mengucap kalimah *Ia ilaha illallah*.⁵⁰

Kitab *Lam'atul Aurad* pula mengandungi wirid dan doa serta diterangkan tentang faedah dan fadilahnya. Faedah dan khasiat qasidah telah dipaparkan di dalam kitabnya yang berjudul *Majmu' Al Qasaid wal Awaid*. Selain daripada itu terdapat juga kitab-kitabnya yang tidak pernah dicetak dan ada di dalam simpanan kerabatnya.⁵¹

Hj. Wan Ali telah bertugas menyampaikan pendidikan agama di Kutan dan juga di Kota Bharu. Beliau telah menghambakan dirinya di sepanjang hayat untuk menuntut dan menyampaikan ilmu agama. Di antara murid-murid yang berguru dengan beliau ialah Tok Kenali.⁵² Hj. Wan Ali meninggal dunia di Mekah pada tahun 1912M.

Pada penghujung abad ke-19, iaitu di zaman Tuan Tabal dan Hj. Wan Ali, Kota Bharu telah mula menjadi tumpuan penuntut-penuntut yang datangnya dari setiap tempat baik dalam ataupun luar dari Kelantan. Selain

⁴⁹ Drs. Abd. Rahman, *Pengantar Sastra*, hal. 163.

⁵⁰ Ibid., hal. 163.

⁵¹ Ibid., hal. 165.

⁵² Abdullah Al-Qari, op. cit., hal. 21.

daripada tempat-tempat pengajaran yang dikelolakan oleh Tuan Tabal dan Hj. Wan Ali, terdapat lagi beberapa orang guru lain yang turut membuka pondok di Atas Paloh, Kota Bharu. Guru-guru itu adalah Haji Abbas, Hj. Musa (Pak Cik Musa) dan Hj. Daud. Mereka ini juga mengajar di Balai Besar untuk anak-anak raja dan pembesar. Tok Kenali dan beberapa orang ulama yang kemudiannya turut membuka pondok sezaman dengan Tok Kenali juga merupakan murid-murid mereka.⁵³

Kemunculan Tuan Tabal dan Hj. Wan Ali telah memusatkan lagi perkembangan pendidikan Islam di Kelantan. Ini ialah kerana kegiatan beliau di lapangan penulisan kitab agama di samping bertugas menjadi pendidik. Pendidikan Islam yang diasaskan oleh Syeikh Halim secara pengajaran di surau-surau telah diperbaharui oleh murid-muridnya dari semasa ke semasa sehingga muncullah lapangan pendidikan yang boleh dianggap "moden" dengan terbentuknya pondok. Murid-murid yang dilahirkan oleh para guru dan pendidik Islam yang bermula semenjak Syeikh Halim membawalah kepada Tuan Tabal dan Hj. Wan Ali meningkat tahun demi tahun sehingga masyarakat Kelantan telah diresapi oleh semangat keagamaan yang begitu mendalam. Murid-murid mereka yang berkebolehan telah meneruskan perkembangan tradisi pendidikan Islam dengan mendirikan pondok di tempat masing-masing. Perkembangan itu telah menuju ke puncak kegemilangannya bermula dengan zaman Tok Kenali dan ulama-ulama yang sezaman dengannya. Tradisi pendidikan Islam terus kekal di Kelantan sehingga ke hari ini walaupun terdapat persaingan daripada sistem pendidikan yang berbentuk sekular yang telah ditiru dari sistem pendidikan Barat.

Perkembangan Pondok Pada Awal Abad ke-20

Sistem pendidikan Islam tradisional telah menuju ke zaman gemilangnya dengan bermulanya abad ke-20. Wujudnya keadaan ini ialah kerana ulama-ulama yang terdahulu telah berjaya melahirkan murid-murid yang berkebolehan dan berjaya menanamkan semangat cintakan agama di kalangan masyarakat Kelantan. Ini diikuti pula oleh terjemahan dan karangan kitab-kitab agama oleh guru-guru yang berdedikasi. Kitab-kitab Jawi karangan Tuan Tabal, Hj. Wan Ali dan lain-lainnya telah menambahkan lagi kemudahan bagi pelajar-pelajar agama kerana kitab-kitab itu telah dicetak.⁵⁴ Kitab-kitab yang dikarang di dalam bahasa Melayu (tulisan Jawi) banyak kedapatan kerana kitab-kitab tulisan tangan oleh ulama-ulama dari Pattani, Aceh, Palembang, Banjar, Lingga dan Pontianak telah dicetak dan dapat diedarkan secara meluas.⁵⁵

Sistem pendidikan pondok yang ditiru dari Pattani telah diperkenalkan

53 Hj. Mohd. Noor But; Hj. Hasbullah, interview.

54 Cetakan itu dilakukan di Mekah, Mesir atau Istambul.

55 Lihat Tan Sri Prof. (Dr.) Abdul Jalil Hassan, *Filosofiah dan Pengetahuan Islam*, Kuala Lumpur, 1973, hal. 48-53.

di Kelantan menerusi corak pengajaran yang ditiru dari Mekah. Penyesuaian kedua sistem itu dengan iklim Kelantan telah melahirkan suatu bentuk pendidikan yang mula berkembang pesat. Pendidikan yang bercorak spiritual bermula dengan sistem pondok itu dapat dianggap sebagai sekolah Melayu yang asal.⁵⁶ Keadaan ini telahpun wujud lama sebelum wujudnya sistem pendidikan Barat di Semenanjung ini.

Pondok-pondok didirikan tanpa sebarang bantuan dari pemerintah. Ia hanya dibangunkan dengan keikhlasan guru-guru dan orang-orang tempatan yang memberi tapak untuknya secara sukarela. Murid-murid akan mendirikan pondok masing-masing di kawasan yang telah ditentukan itu — biasanya berhampiran dengan rumah tuan guru. Pada dekad pertama abad ke-20 pondok-pondok telah berkembang dengan pesatnya.⁵⁷ Ini adalah kerana ulama-ulama yang terkenal yang telah mendapat didikan dari Pattani, Mesir dan Mekah telah kembali semula ke Kelantan bertugas dalam lapangan pendidikan Islam. Di antara mereka ialah Tok Selehor, Tok Bachok, Tok Kemuning, Tok Seridit, Tok Padang Jelapang, Tok Kenali, Hj. Omar Ismail Nuruddin al-Kelantani, Hj. Musa Atas Paloh, Hj. Ibrahim Mufti, Hj. Wan Musa, Hj. Nik Mahmud bin Ismail, Hj. Mohd. Said dan Nik Mohd. Fadzil.⁵⁸

Bandar Kota Bharu telah menjadi pusat pendidikan Islam yang terkenal di dalam dan luar negeri Kelantan. Penuntut-penuntut dari Kelantan dan juga luar negeri telah bertumpu-tumpu ke Kelantan untuk menuntut pelajaran agama; menurut laporan Inggeris:

... there are many places, scattered all over the state where the instruction in the Islamic religion and Muhamadan law is given by private teachers. They are attended by a considerable number of locally born pupils as well as from other Malay States in Malaya, Sumatra and Borneo.⁵⁹

Perkembangan yang bermula dari Kota Bharu itu telah berkembang ke merata tempat di Kelantan. Abad ke-20 memperlihatkan kepesatan perkembangan pondok di Kelantan yang telah meliputi daerah-daerah Kota Bharu, Tumpat, Pasir Mas, Machang, Kuala Krai dan Bachok. Guru-guru yang bertugas mengajar dan membuka pondok di tempat-tempat tersebut terdiri daripada ulama-ulama yang terbilang.

Di kampung Selehor, Tumpat, sebuah penempatan pondok telah didirikan oleh Tuan Guru Syeikh Abdul Rahman bin Uthman. Beliau juga terkenal dengan nama Tok Selehor. Pondok Tok Selehor didirikan pada penghujung abad ke-19.⁶⁰ Beliau adalah anak tempatan Selehor dan

56 Interview dengan Datuk Hj. Muhammad Nasir, Bekas Menteri Besar Kelantan.

57 Terdapat 8 pondok di Kelantan waktu itu.

58 Di antara mereka ini ada yang menjadi pegawai-pegawai tadbir negeri Kelantan seperti Hj. Nik Mahmud Ismail (Menteri Besar), Hj. Mohd. Said dan Nik Mohd. Fadzil. (Interview dengan Datuk Hj. Mohammad Nasir, Hj. Hasbullah dan Hj. Mohd. Noor But).

59 *Kelantan Annual Report 1930*, hal. 32.

60 Interview dengan Ustaz Hj. Abd. Rahman bin Ismail.

mendapat didikan permulaan di Kota Bharu. Beliau merupakan murid kepada Tuan Padang dan Tuan Tabal. Setamatnya daripada belajar di Kota Bharu, beliau terus menuntut di Pattani dan Mekah selama beberapa tahun.⁶¹

Tok Selehor juga merupakan seorang pengarang dan penterjemah. Semasa di Mekah beliau telah mengarang dan mencetak kitabnya yang berjudul *Kanzu Sa'adah fi Bayani Istilahat as Sufiyian*. Kitab itu digunakan untuk menyampaikan pelajaran agama di pondoknya di samping kitab-kitab *al-Manhalu a-Safi*, *Sharh Hikam ibn Ata'iLlah*, *Hikam abi Madyan* dan *ad-Durru 'n-Nafis*.⁶²

Tok Selehor juga mengajar metafizika ibn Arbi yang disampaikan menerusi kitab *Fususu'l Hikam*. Selain daripada mengajar tradisi metafizika Islam, ia juga menjadi "khadim" iaitu berkhidmat kepada perjuangan. Tok Selehor adalah seorang guru Tasawwuf yang terkenal di Kelantan.⁶³ Beliau telah menaburkan khidmatnya dalam lapangan pendidikan Islam sehingga beliau meninggal dunia kira-kira tahun 1926. Kegiatannya telah diteruskan oleh murid-muridnya⁶⁴ setelah kembali ke tempat masing-masing.



Masjid Tok Selehor, Tumpat.

- 61 Di antara gurunya semasa menuntut di Mekah ialah Syeikh Syafii bin Muhammad Salieh berasal dari Alor Setar, Kedah. Syeikh Syafii adalah seorang yang ahli dalam doktrin metafizika Islam.
- 62 Muhammad Uthman El-Muhammady, "Peranan Intelektual (Ulama) Islam Di Malaysia Dalam Pembentukan Kebudayaan, *Majalah Dewan Bahasa*, Oktober, 1973, hal. 442.
- 63 Ustaz Hj. Abd. Rahman, interview.
- 64 Di antara murid-murid Tok Selehor yang terkenal ialah: Hj. Wan Ahmad Palembang, mengajar di Pasir Mas; Hj. Abd. Ghani juga mengajar di Pasir Mas; Hj. Abdullah Lati, membuka pondok di Lati, Pasir Mas; Hj. Awang Lambo, membuka pondok di Lambo, Wakaf Bharu, Tumpat dan Pa' Su Wel membuka pondok di Kg. Dangar, Pasir Mas.

Seorang lagi tokoh ulama yang terkenal dalam abad ke-20 ialah Haji Omar Ismail Nuruddin Al-Kelantani atau dikenali sebagai Hj. Omar Sungai Keladi, seorang ulama yang kreatif dan ahli di dalam *mathematic* dan ilmu falak. Beliau kembali ke Kelantan terkemudian sedikit daripada Tok Selehor dan membuka pondoknya di Sungai Keladi, Jalan Pantai Cinta Berahi. Selain daripada ahli di dalam ilmu falak beliau juga merupakan seorang yang alim di dalam ilmu Usuluddin dan berminat dalam ilmu bahasa.⁶⁵ Beliau dapat menguasai bahasa Melayu dan Arab dengan baik. Kitab-kitab karangannya ialah:

1. *Jambangan Melayu* — 1917
2. *Jalan Sejahtera* — 1917
3. *Pelajaran Membahagi Pesaka* — 1920
4. *Aqdu Falah* — 1922
5. *Tazkiratul Awwam* — 1922
6. *Shamsul Fathiah* — 1926
7. *Miftahul Taklim* — 1930
8. *Pengenal Kesucian*

Bukunya yang berjudul *Jambangan Melayu* telah membuktikan minatnya yang besar dalam ilmu bahasa dengan memberikan perumpamaan dan contoh-contoh penggunaan bahasa yang baik mengikut bahasa Melayu. Kitab *Jalan Sejahtera* membicarakan tentang hukum dan rukun Islam. *Pengenal Kesucian* pula mengulas tentang erti haram, hukum haram, sebab-sebab membatalkan air sembahyang, hadath besar dan perkara-perkara yang membawa kepada membatalkan puasa. Dihuraikan juga di dalam kitab itu tentang menuntut ilmu, hukum pekerjaan yang ditegah, hukum kanak-kanak belajar dan soal mencari kehidupan serta lain-lain soal yang berhubung dengan agama. Beliau juga menulis sebuah kitab yang membicarakan soal-soal membahagi pusaka; kitab itu dinamakan *Pelajaran Membahagi Pusaka*.⁶⁶ Beliau seterusnya menulis kitab-kitab yang membicarakan tentang kewajipan sembahyang dan soal-soal yang berkaitan dengannya serta mengenai pelajaran Tauhid, iaitu membicarakan mengenai sifat dua puluh. Ini kita dapat masing-masing di dalam kitab *Aqdu Falah* dan *Tazkiratul Awwam*.⁶⁷

Kitabnya yang berjudul *Shamsul Fathiah* ialah sebuah kitab yang penting bagi pelajar-pelajar yang ingin mendalami ilmu falak sementara kitab *Miftahul Taklim* pula menghuraikan mengenai hisab dan takwim dan kitab inilah yang benar-benar membuktikan yang Tuan Guru Hj. Omar Sg. Keladi berkebolehan di dalam ilmu hisab.⁶⁸ Keahlian beliau dalam

⁶⁵ Drs. Abd. Rahman Al-Ahmadi, *Pengantar Sastra*, hal. 166.

⁶⁶ Kitab ini adalah merupakan minat beliau terhadap *mathematic* dan kitab yang membicarakan mengenai pembahagian pusaka ini adalah merupakan kitab karangannya yang paling tebal (357 halaman) dan kitab ini juga merupakan kitab faraid yang paling lengkap tertulis dalam bahasa Melayu ketika itu. (*Ibid.*, hal. 167 dan 168).

⁶⁷ *Ibid.*, hal. 168-169.

⁶⁸ Interview dengan Ustaz Abdullah Nakula.

lapangan falak dan ilmu hisab telah mempengaruhi murid-muridnya. Ajarannya ini tersebar luas di Semenanjung Tanah Melayu, Kampuchea⁶⁹ (Kemboja) dan Indonesia.

Hj. Omar adalah seorang ulama, guru dan pengarang yang berkebolehan dan terkenal. Memandangkan kebolehannya yang istimewa terutamanya dalam lapangan penulisan, beliau telah diangkat menjadi seorang dari anggota jemaah pengarang Majlis Agama dan Istiadat Melayu Kelantan pada tahun 1917M. Beliau merupakan seorang pengarang yang produktif dan telah menghasilkan karya dalam banyak lapangan. Beliau meninggal dunia pada tahun 1946 (?).

Di Padang Jelapang, Pasir Mas, Tuan Guru Hj. Ahmad telah membuka pondoknya setamat sahaja daripada menuntut di Mekah. Semasa di Mekah, beliau menuntut bersama-sama dengan Tok Kenali. Beliau telah kembali ke Kelantan pada awal abad ke-20,⁷⁰ dan membuka pondok. Tuan Guru Hj. Ahmad, juga terkenal dengan panggilan Tok Jelapang, telah didatangi oleh ratusan murid-murid⁷¹ dari luar dan dalam negeri Kelantan. Setamatnya pengajian mereka dengan Tok Jelapang, mereka terus melanjutkan pelajaran ke Mekah dan kemudiannya kembali ke tempat masing-masing untuk terus menyebarkan ajaran Islam melalui sistem pondok. Salah seorang daripada muridnya iaitu Hj. Abdullah Tendung telah dapat mengatasi Tok Jelapang dari segi ilmu dan pengajarannya.

Selain daripada guru-guru yang disebutkan di atas, terdapat lagi tiga orang guru yang mengajar secara pondok. Mereka ialah Tok Bachok atau Tuan Guru Hj. Mohd. Salleh — mengajar dan membuka pondok di Bachok; Hj. Ismail Senik — membuka pondok di Machang iaitu di Kampung Kemuning (beliau juga terkenal dengan panggilan Tok Kemuning),⁷² dan Tok Seridit⁷³ — membuka pondoknya di Nipah Bachok. Mereka ini adalah penuntut-penuntut lepasan Pattani dan Mekah. Mereka menuntut di

69 Salih seorang muridnya yang terkenal ialah Muhammad Salleh bin Hj. Harun dari daerah Pohomtraia, Kampung Cham, Kampuchea. Muhammad Salleh yang mewarisi kebolehan gurunya di dalam ilmu falak itu telah menulis sebuah kitab yang bertajuk *Pedoman Bahagia* (1934) membicarakan tentang sukanan waktu dan qiblat. Kitab itu dicetak dan diterbitkan oleh percetakan Al-Asiasah, Kota Bharu.

70 Hj. Ahmad kembali ke Kelantan ketika Tok Kenali mengunjungi Mesir kira-kira tahun 1903. (Interview dengan Hj. Mohd. Noor But.).

71 Di antara murid-muridnya yang terkenal ialah Hj. Abdullah Tendung, Hj. Cik Hassan Lemai, Mat Melaka (mepantu Tok Jelapang) dan Hj. Abdul Rahman Cik Wan. Mereka telah membuka pondok masing-masing di Tendung, Lemai, Tanah Merah dan Lubuk Tapah. Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas, adalah salah sebuah pondok yang masih didatangi oleh ramai penuntut dari Kelantan dan luar negeri. (Interview dengan Hj. Mohd. Noor But.).

72 Tok Kemuning ialah ayahanda kepada Tuan Haji Ahmad Mahir, mufti Kelantan 1945-1968.

73 Berasal dari Kg. Seridit, Pattani, Selatan Thai. Beliau datang ke Kelantan untuk membuka pondok kerana kegiatan pendidikan Islam di sana terhalang oleh tekanan pemerintah Siam.

Makah bersama-sama dengan Tok Kenali⁷⁴ tetapi telah kembali ke Kelantan terdahulu daripada Tok Kenali dan terus mengajar mengikut sistem pondok di tempat masing-masing mulai awal abad ke-20.

Perkembangan pondok telah menjadi bertambah dinamis lagi dengan kembalinya Haji Mohd. Yusoff bin Ahmad atau Tok Kenali ke Kelantan pada tahun 1908M.⁷⁵ Tok Kenali adalah seorang ulama yang mempunyai pengetahuan agama yang begitu luas setelah menghabiskan hayatnya selama 22 tahun di Mekah dan Mesir. Beliau dilahirkan pada tahun 1868 dan mula mengajar, sekembalinya ke Kelantan pada tahun 1908, di rumahnya sendiri di Kampung Paya, Kerian. Selanjutnya beliau mengajar di Masjid Muhammadi di Kota Bharu. Tempat ini telah menjadi pusat pengajian Islam yang terkenal di Asia Tenggara pada 1920-an dan 1930-an walaupun kemudian beliau kembali ke tempat asalnya.

Jasa-jasa Tok Kenali adalah terlalu besar dalam perkembangan agama Islam di Kelantan. Dalam bidang pendidikan beliau telah berjaya melahirkan golongan ulama, pemimpin agama serta masyarakat yang berkebolehan. Beliau adalah seorang pengasas Majlis Agama dan Istiadat Melayu Kelantan dan beliau juga merupakan Ketua Pelajaran Majlis Agama, Ketua Pengarang Majalah *Pengasuh* dan Ahli Majlis Ulama. Jasa beliau yang besar itu tidak dilupakan oleh masyarakat terutama sekali kerana beliau telah berjaya melahirkan golongan intelek Islam yang terdiri daripada murid-muridnya yang bertaburan dari seluruh Asia Tenggara ini. Tok Kenali, ulama yang terbilang, tokoh pendidik yang uhung dan mahaguru yang berkebolehan telah meninggal dunia pada 19 November 1933 ketika usianya 65 tahun.⁷⁶

Perkembangan Pondok Selepas 1930M⁷⁷

Kemunculan ulama-ulama sezaman dengan Tok Kenali yang menumpukan kegiatan mereka kepada bidang pendidikan Islam memberi kesan yang besar kepada perkembangan pelajaran Islam. Ini adalah kerana ulama-ulama di atas telah berjaya melahirkan bilangan murid-murid yang

⁷⁴ Di antara ulama-ulama yang terkenal dan membuka pondok masing-masing di Kelantan pada awal abad ke-20 ialah: Tok Selehor, Tok Padang Jelapang, Tok Bachok, Tok Kemuning dan Tok Seridit. Mereka menuntut di Mekah bersama dengan Tok Kenali.

⁷⁵ Untuk kajian yang teliti tentang Tok Kenali lihat Abdullah Al-Qari. *Sejarah Hidup Tok Kenali*. Kota Bharu, 1967; hal. 54. Juga oleh penulis yang sama — "Tok Kenali: His life and Influence" dim. William R. Roff (ed.), *Kelantan, Religion, Society and Politics In A Malay State*. Kuala Lumpur, 1974.

⁷⁶ Majalah *Pengasuh* bilangan 433.1352H mencatatkan "Kembali ke alam baqa 1352H yang meredupkan alam Kelantan dengan dukacita. Fa-inna li llah wa inna ilaihi raji 'un (Dari Allah kita datang dan kepadanya kita kembali). Hari wafatnya dilawati oleh tidak kurang daripada 2500 orang dan disembahyangkan jenazahnya lebih daripada 1000 orang...."

⁷⁷ Penuntut lepasan pondok dari Kelantan telah turut memperkembangkan pendidikan agama di negeri masing-masing; di antaranya:

- (i) Hj. Abdul Aziz, membuka pondok di Pendang, Alor Setar, Kedah.
- (ii) Hj. Abdullah, membuka pondok di Langgar, Alor Setar, Kedah.

begitu ramai dan berkebolehan. Mereka ini terus mengikuti gerak langkah guru-guru mereka dengan meneruskan kegiatan pendidikan Islam di Kelantan dan di luar negeri.⁷⁸ Mereka juga kembali ke tempat masing-masing menjadi pemimpin tempatan, petani dan peniaga yang berjaya. Di samping itu terdapat sebilangan mereka yang turut memegang jawatan penting seperti mufti, kadi, pengawa dan imam.

Peranan mereka yang penting sekali ialah dalam lapangan pendidikan; Pondok yang menjadi minat dan tumpuan utama masyarakat untuk mendapatkan ilmu dan pengetahuan agama terus diperkembangkan. Perkembangan ini mula mendapat saingen hebat daripada sistem pendidikan sekular yang dicontohi dari Barat. Walau bagaimanapun corak pendidikan agama yang diperkenalkan melalui pondok itu tetap terus diperkembangkan dan ia terus menjadi tumpuan utama masyarakat Kelantan sehingga 1950-an. Kemudian institusi pondok itu telah bertukar corak untuk dipersesuaikan mengikut zaman dan digantikan dengan institusi yang berbentuk persekolahan serta bercorak keagamaan pada setengah-setengah tempat.

Di antara pondok-pondok yang telah didirikan selepas tahun 1930M yang mendapat sambutan hangat dan mempunyai bilangan murid yang ramai ialah Pondok Bunut Payong, Pondok But, Pondok Terusan Pasir Tumbuh, Pondok Lubuk Tapah, Pondok Sungai Durian, Pondok Kolam, Pondok Bukit Abal, Pondok Kubang Bemban dan Pondok Pa' Su Wel (Pondok Kampung Dangar).

Pondok Bunut Payong atau Madrasah Ahmadiyah telah ditubuhkan oleh Tuan Guru Hj. Abdullah Tahir⁷⁹ (1897-1961) pada tahun 1913. Bunut Payong merupakan pondok yang mendapat sambutan yang begitu menggalakkan daripada masyarakat tempatan dan juga luar negeri. Penuntut-penuntutnya telah meningkat ke angka hampir seribu orang menjelang tahun 1940.⁸⁰ Murid-murid lepasan pondok ini telah turut

(iii) Hj. Yaakub, membuka pondok di Ligor, Selatan Thailand.

(iv) Hj. Salleh, membuka pondok di Pehom Deria, N. Keratier, Kampuchea.

(v) Tuan Kecik, membuka pondok di Kampung Cham, Kampuchea.

(vi) Hj. Omar Ali, membuka pondok di Chau Doc, Vietnam Selatan.

(vii) Hj. Abu Bakar dan Hj. Ismail, membuka pondok di Cherang Cheriah, wilayah utara Phnom Penh, Kampuchea.

Kebanyakannya daripada mereka adalah bekas tangan Tok Kenali.

(Interview dengan Hj. Ahmad Bangkok, Siesmeth (penuntut Vietnam Selatan di Nilam Puri) dan Azhari Moheidin (penuntut Kampuchea di Nilam Puri)).

78 Beliau mendapat didikan daripada Tok Kenali kemudian melanjutkan pelajarannya di Mekah. Pernah bertugas sebagai guru di Masjid Muhammadi dan mengajar bersama-sama dengan Hj. Yaakub Legor dan lain-lain guru pada 1920-an. Beliau juga menjadi anggota Majlis Ulama Islam Kelantan yang dilantik oleh baginda Sultan.

79 Pondok Bunut Payong adalah sebuah pondok yang terbesar dan teragung yang pernah wujud di Semenanjung ini kerana penuntut-penuntut pernah meningkat ke jumlah ribuan pada 1940-an. (Interview dengan Hj. Mohd. Noor But).

80 Ada yang menjadi Kadi, setengahnya Pelawat Agama; pernah seorang menjadi Imam Besar Masjid Abu Bakar, Johor Bahru, dan seorang lagi Ahli Parlimen (1959-69).

memegang jawatan-jawatan penting⁸¹ selain daripada yang bertugas sebagai ulama-ulama yang turut membuka pondok dan mengajar secara sukarela. Oleh kerana sambutan masyarakat beransur kurang mulai 1950-an, sistem pendidikan pondok di Bunut Payong yang letaknya di Kilometer 2.4, Jalan Kuala Krai, Kota Bharu, itu telah cuba dipersesuaikan dengan sistem persekolahan oleh Tuan Hj. Abdullah Tahir. Akhirnya pada tahun 1958; terbentuklah Madrasah Sulamiah⁸² yang merupakan lanjutan daripada sistem pondok. Madrasah Sulamiah telah berkembang selaras dengan lain-lain sekolah agama di Kelantan.

Pondok Lubuk Tapah⁸³ pula didirikan pada tahun 1932 oleh Tuan Guru Hj. Abdul Rahman Che Wan. Beliau telah menerima didikan dari Tok Jelapang dan Tok Kenali sebelum melanjutkan pelajarannya ke Mekah. Pondok Lubuk Tapah terus kekal sehingga sekarang walaupun terdapat persaingan hebat dari sekolah-sekolah kerajaan. Penuntutnya kini masih ramai terdiri daripada pendatang-pendatang dari Trengganu, Pahang dan Kedah selain daripada anak-anak tempatan.

Di But, Kilometer 17 Jalan Kuala Krai, terdapat dua pondok yang dibuka oleh Tuan Guru Hj. Hasbullah bin Yusoff al-Karimi⁸⁴ (1937) dan Tuan Guru Haji Mohd. Noor⁸⁵ (1946). Pondok Hj. Hasbullah cuma hidup sehingga tahun 1942 kerana beliau telah diambil oleh Majlis Agama untuk bertugas di Masjid Muhammadi Bachok. Pondok Hj. Mohd. Noor terus berjalan sehingga tahun 1970, kemudian ia mengalami kemerosotan dan ditukar mengikut sistem persekolahan iaitu dengan Madrasah Saadatul Qura mengambil tempatnya.

Tuan Guru Hj. Abdul Aziz bin Abu Bakar⁸⁶ bersama-sama dengan

⁸¹ Madrasah ini dikelolakan oleh Tuan Guru Hj. Hassan dengan kumpulan pertama murid seramai 40 orang.

⁸² Letaknya di Kilometer 4.8, Jalan Tanah Merah. Pondok ini merupakan sebuah pondok yang termaju di Jajahan Pasir Mas buat masa ini. Tuan Guru Hj. Abd. Rahman mempunyai enam orang lagi tenaga pengajar iaitu Hj. Abdullah bin Abd. Rahman (puteranya), Hj. Zainal Abidin b. Mohd. Zain, Zakaria b. Muhammad, Ghazali b. Abd. Rahman, Hj. Abd. Rahman b. Hj. Ngah dan Muhammad bin Hassan (Pahang). Hj. Abdullah bin Hj. Abd. Rahman juga merupakan anggota Majlis Ulama bagi Majlis Agama Kelantan.

⁸³ Beliau mendapat didikan daripada Tok Kenali kemudian meneruskan pengajiannya ke Pattani dan Mekah. Untuk mendirikan Pondok yang dinamakan "Roudatul Muslimin" itu beliau telah mengarang sebuah risalah yang berjudul *Ainul Radzi* dijualkan kepada orang ramai untuk mendapatkan wang bagi membangunkannya.

⁸⁴ Hj. Mohd. Noor juga merupakan seorang murid Tok Kenali dan Hj. Abdullah Tahir. Beliau adalah menantu kepada Hj. Abdullah Tahir. Kembali membuka pondok di But setelah menamatkan pengajian di Mekah selama 11 tahun. Di antara murid-muridnya yang terkenal ialah Ibrahim Baba (membuka pondok di Tanah Merah), Hj. Abd. Rahman b. Sulaiman (membuka pondok di Sg. Durian, Kuala Krai), Hj. Ibrahim (membuka pondok di Paloh Rawa), Hj. Hussain — Xadi Besar di Pasir Puteh, dan Imam Besar Masjid Machang.

⁸⁵ Hj. Abd. Aziz dan saudaranya mendapat didikan dari Tok Kenali dan Hj. Abdullah Tahir. Mereka melanjutkan pelajaran ke Mekah sebelum kembali membuka pondok. Tuan Guru Hj. Abdul Aziz juga merupakan salah seorang anggota Majlis Ulama bagi Majlis Agama Kelantan.

⁸⁶ Letaknya di Jalan Pasir Puteh, 11.2 kilometer daripada Kota Bharu.

saudaranya Tuan Hj. Mustaffa telah membuka pondok di Terusan, Pasir Tumbuh, pada tahun 1948. Pondok itu dinamakan Madrasah al-Diniyahul Bakariah.⁸⁷ Pondok ini ialah sebuah pondok yang termaju di Kelantan pada masa ini; mempunyai 700 orang penuntut yang terdiri daripada pendatang dari Kelantan dan luar negeri. Pondok ini mempunyai empat orang ulama⁸⁸ sebagai tenaga pengajar yang utama dan dibantu oleh lima puluh orang pembantu yang terdiri daripada kepala telaah dan guru-guru yang baru.

Di Kolam, Bachok, terdapat sebuah pondok Darul Ulum al Ahmadiah yang diasaskan oleh Tuan Guru Hj. Muhammad bin Abdullah,⁸⁹ pada tahun 1950. Pondok ini letaknya di kawasan pendalaman kira-kira 29 kilometer dari Kota Bharu dan kini mempunyai 300 orang penuntut yang datang dari seluruh Kelantan, Trengganu, Kedah, Pahang, Singapura dan juga Thailand. Pondok ini telah menjalankan dua sistem pengajaran iaitu cara pondok dan juga cara persekolahan.

Sebuah pondok yang maju sekali di Ulu Kelantan ialah Madrasah Muhammadiyah Sungai Durian, Kuala Krai. Pondok ini diasaskan oleh Tuan Guru Hj. Abd. Rahman bin Sulaiman pada tahun 1958. Bilangan penuntutnya kini berjumlah empat ratus orang yang datangnya dari Kelantan dan juga luar negeri termasuk Sarawak. Tuan Guru Hj. Abdul Rahman dibantu oleh beberapa orang tenaga pengajar di antaranya ialah: Ustaz Ismail Sulaiman, Ramlee Abu Bakar, Ibrahim Yakub dan Abd. Rashid Taib. Pondok ini juga menjalankan dua sistem pengajaran seperti yang dijalankan oleh Madrasah Darul Ulum al-Ahmadiyah, Kolam Bachok.

Selain daripada pondok-pondok yang tersebut terdapat banyak lagi bilangan pondok yang berselerak di setiap jajahan di dalam negeri Kelantan. Pada tahun 1967 misalnya terdapat 55 buah sekolah pondok di Kelantan. Walaupun sejak kemerdekaan (tahun 1957) lagi, pelajaran pondok telah mendapat persaingan hebat daripada pelajaran sekular. Kerana sekolah pondok tidak mempunyai sumber kewangan yang memadai untuk menjamin perkembangannya berbanding dengan sekolah-sekolah kebangsaan, kemerosotan telah berlaku. Namun demikian pada tahun 1973 masih terdapat 54 buah pondok di Kelantan yang dapat meneruskan kegiatannya dalam bidang pendidikan Islam dengan bilangan murid-murid seramai 3,152 orang.⁹⁰

⁸⁷ *Surat dan surat*

⁸⁷ Mereka ialah Hj. Abdul Aziz bin Abu Bakar, Hj. Mustaffa bin Abu Bakar, Hj. Hasyim bin Abu Bakar dan Hj. Ismail Perol.

⁸⁸ Terkenal dengan panggilan Tuan Guru Hj. Awang Padang. Berguru dengan Tok Kenali, Hj. Abdullah Tahir dan Hj. Ahmad Bangkok sebelum daripada membuka pondok di Kolam.

⁸⁹ Beliau mendapat didikan awal dari Hj. Mohd. Noor But dan pernah bertugas sebagai guru dan mengajar di pondok But sebelum melanjutkan pelajarannya ke Mekah. Beliau juga adalah salah seorang anggota jawatankuasa pengasas Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan tahun 1965.

⁹⁰ Banci oleh Majlis Agama dan Istimadat Melayu Kelantan, 1973.

LAMPIRAN

SENARAI DAN TARikh SERTA LATARBELAKANG ORANG-ORANG YANG TELAH DI TEMURAMAH:

Guru Haji Abdul Rahman bin Taib — 24 Mac, 1974.

Beliau ialah keturunan daripada Syeikh Abdul Halim. Pernah bertugas sebagai guru dan guru besar di beberapa buah sekolah kebangsaan di Kelantan. Beliau seorang ahli sejarah Kelantan dan mahir di dalam soal wayang kulit. Kini telah bersara daripada guru dan bertugas mengajar bahasa Malaysia kepada Pegawai-Pegawai Kerajaan (bukan Melayu) di Kota Bharu.

Datuk Hj. Muhammad bin Nasir — 25 Mac, 1974.

Seorang tokoh politik Kelantan yang tidak asing. Pernah memegang beberapa jawatan penting bagi kerajaan Persekutuan dan negeri. Beliau merupakan pemimpin yang dedikasi dan dihormati oleh seluruh rakyat Kelantan. Pernah menyandang jawatan sebagai Timbalan Menteri Besar Kelantan untuk beberapa tahun semenjak PAS mencapai kemenangannya di Kelantan mulai tahun 1959. Dan beliau adalah Menteri Besar Kelantan yang pertama setelah terbentuknya kerajaan Barisan Nasional. Beliaulah yang mencadangkan supaya YPTIK ditubuhkan. Beliau juga menjadi salah seorang anggota Majlis Tertinggi YPTIK.

Dra. Abdul Rahman Al-Ahmadi — 22 April, 1974.

Beliau ialah seorang tokoh pendidik, sastrawan dan ahli sejarah yang tidak asing lagi di Kelantan pada hari ini. Beliau telah banyak menyumbangkan artikel-artikelnya di majalah-majalah dan akhbar-akhbar tempatan serta telah menulis beberapa buah buku. Kini bertugas sebagai guru di Maktab Adabi, Pasir Mas.

Encik Azhari Moheidin — 17 Mei, 1974.

Berasal dari Kampung Ra, Srok Chelong, Khehib Kratier, Republik Khmer (Kampuchea) dan kini sedang menuntut di YPTIK, Nilam Puri. Beliau adalah merupakan penuntut tunggal dari Republik Khmer di Nilam Puri.

Encik Awang bin Senik — 15 Mei, 1974.

Seorang bekas Tentera British dan pernah berkhidmat selama beberapa tahun di Singapura dan Malaysia. Beliau banyak menerima pelajaran Ilmu Iki daripada beberapa orang guru semasa di dalam perkhidmatannya. Kini telah kembali mengikut ajaran Syari'at setelah bersara daripada tugasnya sebagai seorang tentera.

Encik Syukri bin Abd. Rahman — 30 April, 1974.

Seorang peniaga Bumiputera yang berkebolehan dan bertugas sebagai Pengurus kepada Hj. Hussain Sawmill, Kota, Kota Bharu, Kelantan.

Encik Muhammad bin Yaakub — 26 Mei, 1974.

Pegawai di Pejabat Nazir Guru Agama Kelantan, Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Kota Bharu.

Encik Slesmeth — 17 Mei, 1974.

Penuntut tunggal Republik Vietnam (Selatan) di YPTIK, Nilam Puri. Berasal dari Trung Hoc Cong Lap (Chau Doc), Barat Saigon. Sebelum daripada menuntut di Nilam Puri, beliau telah melanjutkan pelajarannya di Mesir.

Encik Syukri bin Abd. Rahman — 30 April, 1974.

Beliau ialah ketua penuntut di kelas Taffakuf fiddin anjuran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Sebelum daripada melanjutkan pelajarannya di sini beliau telah berjaya menamatkan pelajarannya di Maahad Muhammadi.

Sahibul Fadzilah Datuk Hj. Muhammad Nor bin Hj. Ibrahim — 20 Mac, 1974.

Beliau ialah seorang ulama yang terkemuka di Malaysia. Pernah menuntut di Madrasah Muhammadiyah MUI Kelantan dan kemudian terus melanjutkan pelajarannya ke Mekah. Beliau merupakan seorang yang banyak berjasa di lapangan pendidikan Islam di Kelantan. Beliau mula mengajar agama sebaik sahaja kembali dari menamatkan pelajarannya di Mekah. Kini beliau terus menyampaikan pengajaran agama di Masjid Penambang pada setiap pagi Jumaat dan dihadiri oleh ribuan penuntut yang terdiri dari setiap lapisan masyarakat.

Beliau ialah keturunan daripada Syeikh Abdul Halim dan putera kepada Al-Marhum Hj. Ibrahim bin Hj. Yusuff, Mufti Kelantan (1927-1945).

Beliaulah yang mengasaskan kelas agama yang dinamakan Taffakuf fiddin yang terletak di bawah MUI Kelantan dan beliau juga turut menyampaikan pengajarannya. Beliau juga mengesahkan tafsiran Al-Quran yang dilakukan oleh Ustaz Abdullah Basmeih di bawah arahan Jabatan Perdana Menteri Malaysia.

Beliau bertugas sebagai Pemangku Mufti Kelantan (1954/55) dan mulai memegang jawatan sebagai Mufti Kelantan semenjak Mei, 1968. Beliau juga menjadi Pengawas kepada Majlis Ulama bagi MUI Kelantan.

Tuan Guru Hj. Abdullah bin Hj. Abd. Rahman — 21 Mac, 1974.

Beliau telah menerima didikan agama semenjak kecil daripada ayahandanya Tuan Guru Hj. Abd. Rahman. Beliau telah berjaya khatam Al-Quran ketika berusia 8 tahun. Beliau telah melanjutkan pelajaran ke Mekah dari tahun 1952-1967.

Kini bertugas sebagai anggota Majlis Ulama Kelantan di bawah MUI Kelantan selain daripada menjadi guru di Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas. **Tuan Guru Hj. Abd. Rahman bin Sulaiman — 30 Mei, 1974.**

Beliau telah menerima pendidikan awal daripada Tuan Guru Hj. Muhammad Noor di Pondok But, Kota Bharu. Kemudian beliau telah melanjutkan pelajarannya ke Mekah. Apabila kembali ke Kelantan beliau telah menubuhkan Pondok di Sungai Durian, Kuala Krai dan turut mendirikan Madrasah Muhammadiyah di tempat yang sama pada tahun 1958. Beliau juga merupakan salah seorang daripada ahli jawatankuasa

pengasas penubuhan YPTIK di Nilam Puri pada tahun 1965.

Tuan Guru Hj. Abd. Aziz bin Abu Bakar — 13 Jun, 1974.

Beliau mendapat didikan awal di Pondok Kenali dan Bunut Payong. Kemudian beliau melanjutkan pelajarannya ke Mekah. Apabila kembali ke Kelantan pada tahun 1948 beliau telah menubuhkan Pondok Terusan Pasir Tumbuh atau dikenali juga dengan nama Madrasah al-Diniyatul Bakariah.

Beliau juga bertugas sebagai anggota Majlis Ulama Kelantan di bawah MUI Kelantan. Selain daripada itu beliau juga dilantik sebagai anggota Dewan Ulama PAS Kelantan.

Tuan Guru Hj. Ahmad Bangkok — 28 Mei, 1974.

Beliau ialah putera kepada Tok Kenali. Menerima pendidikan awal daripada Tok Kenali dan kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Mekah. Beliau telah melanjutkan usaha-usaha ayahandanya dengan meneruskan pengajaran di Pondok Kenali. Selain daripada itu beliau telah menyampaikan pengajaran-pengajarannya di beberapa tempat di seluruh Kelantan. Beliau telah berjaya melahirkan ramai ulama-ulama yang terkemuka di Kelantan di antaranya ialah Tuan Guru Hj. Abd. Aziz bin Abu Bakar, Tuan Guru Hj. Mustaffa bin Abu Bakar dan Tuan Guru Hj. Muhammad bin Abdullah.

Tuan Guru Hj. Awang Padang — 31 Mac, 1974.

Namanya yang sebenar ialah Hj. Muhammad bin Abdullah tetapi lebih terkenal dengan Hj. Awang Padang. Mendapat pendidikan awal dari Pondok Kenali dan Bunut Payong dan kemudian beliau telah melanjutkan pelajarannya ke Mekah. Beliau telah membuka Pondok Kolam, di jajahan Bacok, Kelantan pada tahun 1950. Kemudian beliau mengasaskan pendirian Madrasah Darul Ulum al-Ahmadiyah di pondoknya.

Tuan Guru Hj. Daud bin Hj. Omar — 31 Mac, 1974.

Beliau ialah seorang ulama Tasawwuf yang terkenal di Kelantan pada hari ini. Menerima pendidikan awal daripada Tok Kenali, Tok Serindit dan Maulana Khurasan, kemudian beliau telah melanjutkan pelajarannya ke Pattani dan Mekah. Beliau membuka Pondok di Bukit Abal, Pasir Puteh pada tahun 1940.

Tuan Guru Hj. Hasbullah bin Yusuff Al-Karimi — 18 Mac, 1974.

Beliau telah menerima pendidikan di Pondok Kenali dan Pondok Caak Pattani. Di antara guru-guru yang mengajarnya ialah Tok Kenali dan Tuan Guru Hj. Abdullah. Hj. Hasbullah kemudiannya telah melanjutkan pelajarannya ke Mekah. Beliau membuka Pondok di Km 17 But, Jalan Kuala Krai pada tahun 1937. Kemudian beliau telah ditugaskan oleh pihak MUI Kelantan untuk mengajar di Masjid Muhammadi, Bachok pada tahun 1942. Kemudian pada tahun 1945 beliau kembali mengajar di Pondok But. Beliau telah pergi ke Jerimbun, Ulu Kelantan untuk mengasaskan penubuhan sebuah sekolah Arab di tempat tersebut dan telah mendapat kejayaan.

Pada tahun 1949 — 1951 beliau telah pergi ke Trengganu untuk menjadi guru agama kepada pasukan polis di Kuala Trengganu. Beliau telah melibatkan diri di dalam perjuangan politik Perikatan (UMNO) dan

dilantik menjadi Pegawai Penerangan Agama UMNO 1952 — 1964. Mulai tahun 1965 beliau telah bertugas sebagai guru agama di Brunei dan Sarawak. Akhirnya beliau telah diminta oleh Tun Datu Mustaffa untuk bertugas di Masjid Sam Bulan di Kota Kinabalu sebagai guru agama. Beliau telah menetap di Sabah. Beliau diberi tambang percuma untuk kembali dan bercuti di Kelantan pada tiap-tiap tahun. Beliau adalah sahabat baik kepada Hj. Che Soh, cicit kepada Syeikh Abd. Halim.

Tuan Guru Hj. Muhammad Noh — 19 Mei, 1974.

Beliau telah menerima pendidikan agama dari Tok Kenali dan Hj. Yaakub Ligor di Masjid Muhammadi Kota Bharu sebelum daripada melanjutkan pelajarannya ke Mekah. Beliau telah mendirikan Pondok Beris Kubur Besar pada tahun 1943 dan serentak dengan itu beliau telah mendirikan Madrasah Al-Amir Indera. Beliau juga mengasaskan pembentukan Sekolah Melayu (Kebangsaan) Beris Kubur Besar. Beliau juga telah dilantik sebagai Pengurus Jemaah Pengurus Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Rendah Beris Kubur Besar, Bacok. Beliau telah banyak berjasa di dalam perkembangan pendidikan khususnya masyarakat di Beris dan sekitarnya.

Tuan Guru Hj. Muhammad Noor But — 16 Mac, 1974.

Beliau telah menerima pendidikan di Pattani, Kota Bharu, Kenali dan Mekah. Beliau telah membuka Pondok But terletak di Kilometer 16, Jalan Kuala Krai pada tahun 1946. Beliau telah berjaya melahirkan ulama-ulama yang terkenal di antaranya ialah Tuan Guru Hj. Abd. Rahman bin Sulaiman (Kuala Krai), Tuan Guru Haji Ibrahim Baba (Melaka), Tuan Guru Hj. Ibrahim (Paloh Rawa) dan Tuan Hj. Hussain kadi Pasir Puteh.

Tuan Hj. Ahmad bin Hj. Yusuff — 26 Mei, 1974.

Beliau ialah bekas penuntut di Madrasah Muhammadiyah MUI Kelantan dan Pondok Masjid Muhammadi Kota Bharu. Di antara guru-guru beliau ialah Tok Kenali, Hj. Yaakub Ligor, Hj. Abdullah Tahir dan Hj. Ali. Bertugas sebagai Imam Mukim Parit, Kota Bharu di antara tahun 1953 — 1958.

Tuan Hj. Daud Al-Ahmadi — 27 Mei, 1974.

Seorang peniaga yang terkemuka di Kota Bharu. Beliau mempunyai beberapa buah kedai buku dan sebuah percetakan (Al-Ahliyah). Beliau telah mendapat didikan di Pondok Masjid Muhammadi dan Madrasah Muhammadiyah MUI Kelantan di Kota Bharu.

Tuan Hj. Ismail bin Mohd. Yusuff — 27 Mei, 1974.

Seorang ahli perniagaan yang terkemuka dan memiliki dua buah gedong emas di Kota Bharu. Beliau adalah bekas penuntut Madrasah Muhammadiyah MUI Kelantan.

Tuan Hj. Ismail bin Yusuff — 30 Mac, 1974.

Seorang penuntut agama lepasan Kota Mekah dan merupakan ulama yang terkemuka di Kelantan pada hari ini. Pernah bertugas sebagai guru di Maahad Muhammadi dan kini menjawat jawatan Timbalan Mufti Kelantan. Beliau juga dilantik menjadi Setiausaha Majlis Ulama Kelantan

yang terletak di bawah MUI Kelantan. Di samping itu beliau juga bertugas mengajar di kelas agama Taffakuf fiddin dan mengajar di seluruh masjid-masjid bandar di Kelantan.

Tuan Hj. Omar Maarif — 16 Mac, 1974.

Beliau pernah menuntut di Pondok Nipah, Bachok dan berguru dengan Tok Seridit. Di dalam usianya yang begitu lanjut dan setelah bersara daripada kerjanya, kini beliau kembali menuntut di Pondok Sungai Durian, Kuala Krai.

Tuan Hj. Shamsuddin bin Mohd. Arshad — 8 April, 1974.

Beliau ialah cucu kepada Tok Pulai Chondong. Pernah berkhidmat sebagai Penggawa (Penghulu) daerah Pulai Chondong dan kini telah bersara dari jawatannya.

Tuan Hj. Yaakub bin Hj. Hassan — 27 Mac, 1974.

Beliau ialah Pegawai Agama bagi MUI Kelantan sejak tahun 1943 dan juga menjadi anggota Majlis Ulama Kelantan di bawah MUI Kelantan.

Ustaz Hj. Abdullah bin Hj. Abu Bakar — 26 Mei, 1974.

Beliau menerima pendidikan di Maahad Muhammadi, Kota Bharu dan Universiti Al-Azhar, Kaherah. Pernah bertugas sebagai pendidik dan kini bertugas sebagai Pegawai Siaran Agama, MUI Kelantan.

Ustaz Abdullah Nakula — 2 April, 1974.

Beliau adalah seorang guru agama dan penulis yang terkemuka. Beliau juga merupakan seorang ahli sejarah Kelantan dan pernah menerbitkan jurnal sejarah bagi negeri Kelantan. Kebanyakan buku-buku yang dikarangnya ialah mengenai keagamaan, falsafah dan sejarah. Beliau mempunyai percetakan sendiri yang dinamakan 'Percetakan Bintang Mas'.

Ustaz Hj. Abd. Rahman bin Ismail — 30 Mei, 1974.

Beliau ialah seorang penuntut lepasan Pondok Selehor dan kemudiannya telah melanjutkan pelajarannya ke Mekah. Pernah bertugas di Trengganu sebagai Pesuruhjaya Agama Negeri dan menjadi guru di Sekolah Agama Zainal Abidin. Sekarang beliau bertugas sebagai guru agama di Masjid Tumpat dan mengajar secara sukarela di beberapa tempat di Kelantan.

Ustaz Syafei — 28 Mei, 1974.

Seorang siswazah lepasan Universiti Al-Azhar dan kini bertugas di Pejabat Penyelia Agama, Kota Bharu.

Ustaz Hj. Hassan bin Idris — 19 Mac, 1974.

Beliau ialah siswazah lepasan Universiti Al-Azhar. Pernah bertugas sebagai guru dan menjadi Pemangku Pengetua di Maahad Muhammadi (1955-1968). Kini menjadi Pegawai Pelajaran di MUI Kelantan. Beliau telah menyusun sistem pelajaran yang baharu bagi sekolah-sekolah agama (Arab) di Kelantan bertujuan menyediakan penuntut-penuntut agama untuk melayakkan diri memasuki universiti-universiti di dalam dan luar negeri. Sistem itu telah berjalan dengan sepenuhnya mulai tahun 1972. Beliau juga merupakan seorang tenaga pengajar bagi kelas agama Taffakuf fiddin yang dianjurkan oleh MUI Kelantan.

Ustaz Yusuff Zaki bin Hj. Yaakub ─ 25 Mac, 1974

Beliau ialah putera kepada seorang ulama yang terkenal iaitu Tuan Guru Hj. Yaakub bin Hj. Ahmad dan merupakan seorang siswazah dari American University di Kaherah. Beliau merupakan seorang tokoh pendidik dan pengarang yang terkemuka di Kota Bharu.

Beliau pernah membuat cadangan supaya kerajaan mendirikan Maktab Perguruan Agama, khas untuk melatih bakal guru-guru agama. Beliau sendiri telah mengambil inisiatif mendirikan sebuah maktab untuk melatih guru-guru agama, Maktab itu dinamakan Maktab Perguruan Islam (swasta) terletak di Kota Bharu dan telah melahirkan guru-guru agama. Cadangannya itu telah mendapat perhatian Kerajaan Pusat dan pada tahun 1971 bakal guru-guru agama telah diberikan kursus penuh di Maktab Perguruan Ilmu Khas, Ceras, Kuala Lumpur.

Beliau pernah ditawarkan untuk berkhidmat dengan Dewan Bahasa dan Pustaka di Kuala Lumpur tetapi telah menolak tawaran itu kerana memandangkan sumbangannya kepada masyarakat akan lebih bererti lagi menerusi usaha-usaha sendiri melalui pendidikan dan karang mengarang.

Beliau mempunyai percetakan sendiri iaitu Pustaka Dian Press dan percetakannya itu adalah di antara percetakan kepunyaan Bumiputera yang terbesar di Malaysia.

Menerusi Majalah Dian beliau sering mengemukakan pendapat dan pandangan serta kritik-kritik yang membina untuk kemajuan masyarakat, agama dan negara. Majalah Dian adalah sebuah majalah 'ilmiah dan digest' yang ulung yang diterbitkan di dalam bahasa Malaysia.

Aspek-Aspek Budaya - Ekonomi Masyarakat Kelantan Sebelum 1909

Zaidi-Saidi Ibrahim*


SEJARAH sosial Kelantan, terutamanya sebelum British mengambil alih sistem pentadbiran, tidak pernah diberi perhatian teliti oleh ahli sejarah. Tajuk itu sememangnya luas dan tidak mudah dapat diperkatakan secara lengkap. Tambahan pula, kebudayaan mempunyai dua sifat — *material* dan *non-material*. Di sini hanya kebudayaan *material* yang sempat dicarakarakan. Dalam membincangkan perkara itu tumpuan diberikan kepada aspek-aspek yang tertentu supaya satu gambaran yang lebih jelas dapat dibentangkan. Aspek-aspek itu termasuklah tempat kediaman, cara penduduk Kelantan makan, pakaian mereka dan sebagainya. Selanjutnya aspek-aspek ekonomi akan diteliti.

Tempat Kediaman

Rumah dan perkampungan merupakan satu peralatan budaya yang penting dalam mengkaji sejarah sosio-kultural penduduk Kelantan. Rumah dan pembinaannya dapat menggambarkan satu bentuk budaya bagi orang-orang yang mendiaminya. Rumah orang Melayu Kelantan sebelum abad ke-20 adalah berbentuk sederhana tetapi pembinaannya mempunyai nilai-nilai seni yang tinggi.¹ Bagaimanapun, pada keseluruhannya, tidak terdapat banyak perbezaan dengan kebanyakan rumah yang masih terdapat di kebanyakan kampung pendalaman sekarang ini. Rumah-rumah didirikan di atas tiang lebih kurang 0.82 meter tingginya. Luas dan lebar

* Penulis adalah kelulusan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, tahun 1975. Makalahnya adalah sebahagian daripada Kajian Ilmiahnya yang berjodol 'Kelantan: Satu Sejarah Ringkas Politik dan Sosio-kultural Hingga 1909' (1975).

¹ Rumah golongan bangsawan dan kerabat diraja dihiasi dengan berbagai bentuk bunga-bungaan dan mempunyai seni-bina yang unik. Rumah seorang rakyat biasa lebih sederhana dan tidak terdapat nilai-nilai seni yang tinggal. (Lihat ilustrasi).



Bentuk ukiran yang terdapat pada pintu rumah penduduk Kelantan.

rumah-rumah itu tidak terhad kepada satu ukuran sahaja. Rumah orang yang berada yang terdiri daripada kerabat diraja dan golongan bangsawan ada sampai 9.14 meter panjangnya dan 4.5 meter lebarnya, ditambah pada dengan satu 'perlantaian'² lebih kurang 3.04 meter lebarnya. Rumah orang biasa kebanyakannya lebih kurang 9.14 meter panjang dan 3.04 meter lebarnya dengan satu 'perlantaian' atau 'jemuran' 1.52 meter hingga 2.134 meter lebarnya. Pada 'rumah ibu' terdapat satu bilik tidur dan satu bilik tetamu. 'Perlantaian' pula dibahagi dua, sebahagian di sebelah belakang dijadikan dapur dan bahagian hadapannya untuk tangga dan tempat basuh kaki dan menjemur pakaian.

Rumah orang yang berada biasanya dibuat daripada kayu cengal dan atapnya daripada sagu dan nipah. Menjelang akhir abad ke-19 atap rumbia juga digunakan. Dinding juga dari kayu cengal yang dipotong dengan ukuran tertentu dan dipasang dalam bentuk yang menarik. Bahagian atas dan kiri-kanan pintu diberi ukiran dalam bentuk bunga dan ayat-ayat Quran.³ Kedua-duanya mempunyai nilai seni yang tinggi dan menarik. Ada juga dinding rumah orang yang berada itu yang diperbuat dari buluh yang dianyam dengan baiknya. Berbagai bentuk awan-larat (*pattern*) dihasilkan dari anyaman buluh itu. Kesemuanya menggambarkan nilai seni dan daya cipta yang tinggi.⁴

Rumah-rumah pula biasanya dilingkungi oleh pagar buluh yang tingginya antara 1.21 hingga 2.134 meter. Pagar buluh 'sasak'⁵ agak terkenal dan banyak dipergunakan oleh penduduk Kelantan terdahulu itu. Dalam akhir abad ke-19 terdapat pagar rumah orang bangsawan yang diperbuat dari bata dan semin.


Rumah orang biasa lebih mudah dan ringkas buatannya. Tiang-tiang dan alat-alat rumah lain biasanya diperbuat daripada batang-batang kayu yang dikupas kulitnya; lantainya diperbuat dari batang pinang atau nibung dan ada juga dari batang-batang buluh yang dibelah empat dan diikat dengan rotan. Dinding pula dibuat dari buluh yang dianyam sebagaimana untuk dibuat 'pagar sasak' di atas atau dengan buatan yang lebih halus sebagaimana dinding rumah orang bangsawan di atas. Dinding dari buluh ini lebih terkenal dengan panggilan 'dinding pelupuh'. Atap rumah orang biasa diperbuat dari daun sagu dan nipah. Kebanyakan pokok dan akar untuk pembinaan rumah ini ditanam sendiri. Pokok-pokok buluh, pinang dan nibung, rotan, bemban, nipah dan sagu ditanam, boleh dikatakan oleh

2. 'Perlantaian' merupakan bangunan tambahan kepada 'rumah-ibu' atau rumah asal yang belum diberi apa-apa tambahan. Bagi rumah kecil ia boleh disamakan dengan 'jemuran'. Perkataan 'jemuran' berasal dari perkataan 'jemur'. Untuk tujuan menjemur pakaian dan lain-lain alat kegunaan harian, bahagian 'jemuran' tidak dipasang atap.

3. Untuk maklumat lanjut lihat rencana mengenai Seni dan Hiburan.

4. Lihat Ilustrasi A.

5. Pagar buluh 'sasak' atau dikenal sahaja sebagai 'pagar sasak' yang diperbuat dari buluh yang dipecah-pecahkan kemudian dianyam secara melintang dan membujur sehingga terbentuk satu bidang buluh yang didirikan sebagai pagar. Dipercayai 'pagar sasak' tidak didapati di lain negeri Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Lihat lukisan pada m.s. 36.



Contoh Awan Larat terbentuk dari anyaman buluh pada 'Dinding Pelupoh'.

siap orang untuk memenuhi keperluan sendiri. Di bawah akan kita lihat bagaimana usaha untuk menyediakan tempat kediaman ini secara tidak langsung telah memberi satu bentuk budaya dalam masyarakat orang biasa

Untuk tujuan dan keperluan di atas kita dapat di tepi-tepi atau sejuru-penjuru kebun atau dusun orang Melayu Kelantan terdahulu dapat beberapa perdu pokok buluh, nibung dan rotan. Di kawasan paya juga terdapat pokok-pokok sagu, nipah dan bemban. Hampir setiap orang mempunyai serba sedikit tanaman pokok-pokok di atas sebagai salah satu sura untuk memenuhi kehendak mereka apabila sahaja diperlui. Keadaan ini tidak pula menggambarkan anggota masyarakat yang individualistik, tapi ia lebih menggambarkan satu masyarakat yang sederhana atau *simple* di mana penanaman pokok-pokok itu lebih merupakan satu tradisi daripada kehendak ekonomi. Tidak menjadi satu kesukaran bagi mereka untuk menanam seperdu-dua buluh atau nibung di hujung kebun yang semudiannya boleh dipergunakan oleh anak-cucu mereka.⁶ Kesan-kesan penanaman pokok ini masih terdapat hingga ke hari ini. Bagaimanapun, kepentingan pokok itu tidak seperti dulu lagi. Pokok buluh, nibung dan lain-lain itu masih digunakan oleh penduduk-penduduk Kelantan di kampung-kampung untuk pembinaan 'bangsal durian',⁷ pondok-pondok di buma, bangsal-bangsal hiburan (seperti bangsal Wayang Kulit, Mak Yong, Menora) dan sebagainya.


Di dalam sesebuah kampung kita akan dapat rumah-rumah yang didirikan berhampiran antara satu dengan yang lain. Ini adalah sebagai hasil dari perkembangan keluarga.⁸ Kita juga akan dapat beberapa buah rumah (tiga hingga lima buah) dilingkungi oleh satu 'pagar sasak' yang sama. Ini adalah pengelompokan keluarga yang terdiri dari waris-waris yang terdekat.⁹ Terdapat juga penempatan yang jauh sedikit dan ini merupakan waris-waris jauh atau jiran. Didapati juga rumah yang dipagari oleh satu

6 Penanaman pokok-pokok buluh, nibung, nipah, rotan, dan sebagainya, dilakukan oleh seseorang dan hasilnya boleh dipergunakan oleh beberapa generasi yang akan datang. Buluh, nibung, nipah, rotan dan sebagainya, merupakan pokok-pokok yang dapat hidup beratus-ratus tahun lamanya. Kesan penanaman pokok-pokok ini oleh orang dahulu kala masih didapati di kampung-kampung di mana di satu-satu tempat akan kita temui seperdu buluh dan di tempat yang lain seperdu yang lain. Begitu juga dengan pokok-pokok nibung, rotan, dan lain-lain. Ini merupakan tinggalan dari orang-orang tua dahulu. Perdu-perdu buluh dan lain-lain yang kekal sehingga ke hari ini merupakan hasil tanaman mereka di hujung-hujung ladang pada masa-masa yang lampau.

7 Di kampung-kampung (masih terdapat hingga sekarang), bangsal-bangsal didirikan di tepi-tepi pokok durian untuk tempat menunggu buahnya gugur apabila buah durian itu masak. Ada kalanya ia dibuat dengan elok sekali dan disediakan tempat tidur dan tempat memasak. Tuan punya durian ada kalanya bermalam di bangsal ini untuk menjaga duriannya yang telah gugur dari dicuri orang.

8 Jarang sekali terdapat orang dari kampung lain yang menganggotai masyarakat sesebuah kampung.

9 Biasanya terdiri dari adik-beradik, bapa saudara dan anak saudara, dan yang paling jauh, sepupu.



Contoh dinding rumah dan masjid di Kelantan zaman dulu.

ar sasaknya tersendiri. Keadaan ini bukan menunjukkan sifat penduduk selain ketika itu suka hidup terasing dengan memagar rumah-rumah mereka sebagaimana menjadi tujuan anggota masyarakat abad ke-20 ini. Ia adalah dari 'kebiasaan' di mana seolah-olah menjadi satu tradisi dan memagar rumah dijadikan sebagai satu cara untuk mempergunakan masa yang terluang. Tetapi tidaklah pula bermakna setiap rumah penduduk kampung itu dilingkungi oleh pagar 'sasak' itu.

Rumah-rumah pula didirikan di tepi-tepi jalan dan di kedua tebing kiri dan kanan sungai dan anak-anak sungai.¹⁰ Di tepi-tepi jalan kampung juga dapat beberapa 'pusat perniagaan' yang merupakan bangsal-bangsal di mana hasil-hasil tempatan ditukarkan. Sejak abad ke-17 dan ke-18 lagi, penduduk Kelantan telah tahu menggunakan wang dalam kegiatan ekonomi mereka.¹¹ Menjelang akhir abad ke-19 terdapat pusat-pusat perniagaan di kampung-kampung dan bandar-bandar seperti di Kota Bharu, Pasir Mas, Pasir Putih, Kuala Krai dan lain-lain. Keadaan kampung dan bandar menjelang abad kedua puluh digambarkan oleh Laidlaw dalam lawatannya ke Kelantan dalam tahun-tahun akhir abad ke-19:

We passed along one of the main streets, a broad sandy pathway, fenced on either side with bamboo lattice-work, behind which stood the houses of the more prosperous residents, each in its own garden, with clumps of tall bamboos, palms and fruit trees. Here and there we could see the ornamental gable-end of a house, and at its intervals the line of the fence was broken by the way-side booths of fruit-sellers. Men and women in dark red sarongs saluted Wan Ismail,¹² and looked at us curiously; naked children stood and stared, at intervals a buffalo-cart creaked slowly.....¹³

Keadaan yang hampir sama wujud di beberapa abad yang lalu, kecuali sedikit-sedikit kemajuan dalam beberapa bidang tertentu.

10 Dalam abad-abad ke-17, -18 dan -19, jalan yang paling besar adalah lebih kurang 1.8 meter luasnya. Jalan ini terbentuk setelah dilalui oleh gajah yang menjadi kenderaan utama keluarga bangsawan pada masa itu. Dalam pertengahan abad ke-19 dipercayai kereta-lembu diperkenalkan oleh orang India di Kelantan, yang kemudiannya menjadi satu bentuk kenderaan yang penting bagi penduduk Melayu Kelantan sejak itu. Selain dari itu, sejak berzaman, sungai dan anak-anak sungai menjadi salah satu cara perhubungan yang penting. (Sistem perhubungan akan disentuh secara tidak langsung dalam bahagian mengenai aktiviti ekonomi di bawah).

11 Duit-duit emas purba dijumpai di beberapa tempat di Kelantan. Di antaranya di bekas tapak kota Kubang Labu yang dipercayai digunakan dalam abad-abad ke-17 atau ke-18. (Lihat W. Linehan, "Coins of Kelantan" dalam *jmras*, Vol. XII, Part II, August 1934, hal. 66).

12 Orang yang memandu Laidlaw dalam lawatannya itu. Kain sarung merah tua yang dipakai oleh orang lelaki dan perempuan disebut oleh Laidlaw itu ialah sejenis kain yang dipanggil "kain punca potong" yang akan dibincangkan di bawah "Pakaian" nanti.

13 F.F. Laidlaw, "Travels in Kelantan, Trengganu and Upper Perak — A Personal Narrative" dim. *JMRAS*, Vol. XXVI, Part 4, No. 164, 1963, hal. 149.



Pemandangan sebuah kampung Melayu tradisional sebelah kanan gambar kelihatan pagar buluh 'sasak' (lukisan berdasarkan Graham, *Kelantan, A State in the Malay Peninsula*, 1908).

Pakaian dan perhiasan yang dipakai oleh anggota sesuatu masyarakat merupakan peralatan budaya yang boleh memberi sedikit sebanyak gambaran nilai budaya dalam masyarakat ini. Di dalam masyarakat Melayu Kelantan kita dapatkan tidak ada perubahan yang ketara dari segi pakaian sejak beberapa abad yang lalu sehingga datangnya pengaruh-pengaruh Barat pada akhir-akhir abad ke-19 atau awal abad ke-20.

Pakaian lengkap yang dipakai oleh penduduk Kelantan sebelum abad ke-20 ialah sejenis kain yang tidak berjahit yang dikenal sebagai kain 'punca potong'. Selain dari itu terdapat kain 'bengkong', kain 'bersebar' dan 'semuntal' yang dipakai bersama. Cara-cara memakai kain-kain ini adalah ringkas sekali. Kain 'punca potong' merupakan pakaian utama pada tubuh seorang lelaki. Kain ini dipakai dengan melilitnya sekeliling pinggang dan diperkemaskan dengan memulasnya (mengilas, dalam bahasa tempatan) sehingga bertungkul membujur di bahagian depan perut. Bahagian bawahnya (labuh kain yang dipakai) biasanya terkebawah sedikit daripada lutut; ada juga yang memakai sehingga sampai ke atas lutut. Ikatan kain ini diperkemaskan dengan sehelai kain 'bengkung' yang diikat sekeliling pinggang. Bahagian puncanya disimpul di atas 'kilas' kain punca potong dan dibiarkan punca itu berjuntai ke bawah. Ikatan kain 'bengkung' ini dapat menyediakan tempat-tempat untuk mengisi kopi rokok daun, sirih, pinang, gambir, kapur dan sebagainya. Tempat rokok daun sirih ini terletak di bahagian depan atau rusuk kiri atau kanan dan dikenal sebagai 'kendung'. Kain 'bengkung' juga digunakan untuk menyelit keris, sabit atau parang. Alat-alat ini merupakan senjata dan alat-alat pekerjaan. Di dalam perjalanan untuk mengembala atau ke tempat kerja alat-alat ini diselitkan di pinggang.¹⁴

Kain 'bersebar' pula disangkut pada bahu di waktu berjalan atau membuat pekerjaan. Ia digunakan untuk mengesat peluh yang keluar sewaktu bekerja dan dalam perjalanan itu. Kain 'semuntal' merupakan sehelai kain yang melilit di kepala untuk menahan panas matahari.¹⁵

Pakaian-pakaian di atas dan cara-cara memakai yang digambarkan adalah merupakan pakaian lengkap orang Melayu Kelantan dalam masa sebelum abad ke-20 dan masih popular pada tahun-tahun awal abad ke-20. Pada kebanyakan penduduk kampung, pakaian yang selalu dipakai ialah sehelai kain 'punca potong' yang menutupi bahagian tubuh dari atas pusat

14. Keadaan seumpama ini masih dapat kita lihat hingga ke hari ini kalau kita lawati kampung-kampung pendalam di beberapa daerah terpencil di Kelantan. Penulis telah melawat kampung Bongor, Pasir Mas, pada 28 Februari, 1974, dan tinggal beberapa hari di sana. Penulis dapat ramai penduduk di sini masih memakai kain mereka dengan cara ini. Sedikit perbezaan ialah kain yang dipakai bukan kain 'punca potong' tetapi kain kapas biasa, dan keris tidak dipakai kecuali sabit (atau 'sadat' dalam bahasa tempatan), kapak dan parang.

15. Dalam masyarakat nelayan, pemakaian 'terendak', sejenis alat penutup kepala, merupakan tambahan kepada pakaian-pakaian yang lain itu.

hingga ke bawah lutut, dan sehelai kain 'lepas'¹⁶ yang digunakan sama ada sebagai kain 'bengkung' atau 'kain semuntal'. Pakaian ini dipakai sama sahaja tidak kira pada musim hujan atau musim kemarau. Baju jarang dipakai oleh penduduk kampung di masa itu. Mereka juga tidak memakai apa-apa alas kaki, kasut atau selipar dalam masa perjalanan atau ketika membuat pekerjaan. Satu catatan dari Graham yang dibuat dalam tahun 1908 agak menarik:

Wet or fine, his costume is the same. He has no boots to be spoilt by mud, and no coat to be injured by rain; with shirts and collars he is unacquainted¹⁷

Terdapat beberapa pengecualian pada pakaian-pakaian golongan bangsawan dan mereka-mereka yang hidup di lingkungan istana, juga ahli-ahli perniagaan Melayu Kelantan yang belseyari ke luar negeri.¹⁸ Budak-budak raja, misalnya, selain dari memakai kain 'punca potong' dan 'kain sebar', 'kain bengkung' atau 'semuntal', mereka juga memakai sejenis baju yang dikenal sebagai baju 'potong Siam'.¹⁹ Baju ini berlengan pendek dengan lehernya berbentuk empat persegi dan terbuka luas. Ia biasanya dibuat dari kain kapas yang berwarna putih. Sejenis lagi baju yang dipakai oleh kebanyakan golongan istana, terutamanya golongan bangsawan, ialah sejenis baju yang berleher bulat dan bertali. Baju ini mempunyai dua warna utama, iaitu sama ada putih atau hitam. Kain berwarna hitam yang dibuat baju atau dipakai sebagai sarung dikenal sebagai kain 'hitam dagang'. Golongan bangsawan juga diperkenalkan dengan sejenis seluar panjang berkaki singkat dan kain samping.²⁰ Tetapi pakaian ini tidak sebegitu popular pada peringkat awal pengenalannya, di kalangan golongan bangsawan itu sendiri. Memakai kain 'punca potong', baju 'potong Siam', 'bersebar', 'berbengkung' juga 'bersemuntal' merupakan pakaian utama bagi golongan-golongan bangsawan itu. Pada awal-awal abad ke-19,

16 Kain yang tidak berjahir hujung atau punca dan tepinya.

17 W.A. Graham, *Kelantan. A State of the Malay Peninsula*, Glasgow, 1908, hal. 22-23.

18 Belseyari keluar negeri untuk bermiaga, merupakan sesuatu yang pernah diamalkan oleh penduduk-penduduk Melayu Kelantan sejak beberapa abad lamanya. Pelayaran dibuat ke negeri-negeri sebelah Timur seperti Pulau Borneo, Filipina, Campa, Yunan, China, dll. Di sebelah barat orang-orang Melayu Kelantan pernah sampai ke India, Ceylon, Afrika, Timur Tengah dll, untuk bermiaga (dari wawancara). Ahli-ahli peniaga dan pelayaran Melayu Kelantan inilah yang memperkenalkan beberapa jenis pakaian dari luar. Bagaimanapun jenis-jenis pakaian itu tidak sebegitu penting untuk dibentangkan di sini dengan ianya tidak sebegitu popular di kalangan rakyat Melayu Kelantan umumnya, kecuali ahli-ahli pelayaran itu sendiri.

19 Baju jenis ini dipersempit diperkenalkan kepada penduduk Kelantan dari negeri Siam. Terdapat baju-baju jenis ini yang masih dipakai oleh orang Siam hingga ke masa ini. Dari namanya sudah meyakinkan bahawa baju ini berasal dari Siam atau sekurang-kurangnya mendapat pengaruh Siam.

20 Dipercaya diperkenalkan di Kelantan sejak pertengahan abad ke-15 setelah Seri Maharaja Melaka menyerang Kelantan dalam tahun 1477. Lihat W.G. Shellabear (ed.), *Sejarah Melayu*, Singapore, 1960, hal. 168-9.



Pakaian tradisional lelaki Melayu Kelantan yang lengkap.

pakaian seorang anak raja dan seorang rakyat biasa ada kalanya sukar sekali hendak dibezakan. Ketika melawat Kelantan dalam 1830-an, Abdullah Munsyi membuat pemerhatian:

Kemudian, maka bertemu lah pula sahaya dengan seorang muda hitam manis dan rambutnya panjang, tiada berbaju dan dipakainya satu kain selindang; dibuatnya kain sampai di atas lututnya. Maka suatu keris di pinggangnya. Maka kata anak Sayid Abu itu kepada sahaya, "Ini suatu anak raja besar juga, adik raja yang kita pergi ke rumahnya tadi."²¹

Gambaran yang dibuat oleh Abdullah Munsyi menunjukkan bahawa pakaian seorang anak raja dalam 1830-an itu tidak mempunyai perbezaannya dengan pakaian orang biasa di masa itu. Perbezaan yang agak ketara antara pakaian penduduk kampung biasa dengan keluarga bangsawan ialah setelah datangnya pengaruh Barat dalam awal abad ke-20. Dari kedudukan ekonomi mereka yang lebih tinggi dan dari kemampuan yang ada pada mereka, golongan bangsawan telah dapat meniru berbagai bentuk pakaian yang dibawa dari luar seperti berseluar panjang, bersamping, berdastar, memakai selipar atau kasut dan sebagainya. Pada anggota masyarakat kampung biasa tidak terdapat perubahan yang ketara, malah keadaannya seperti dahulu juga. Keadaan hidup yang sederhana atau *simple* dan kedudukan ekonomi yang rendah membuat mereka tidak sebegitu berminat untuk mengikuti perkembangan baru yang dibawa dari luar itu.

Pakaian-pakaian wanita Kelantan pada masa yang sama terdiri daripada tiga jenis pakaian utama iaitu kain sarung 'punca potong', 'kain berkemban' dan 'kain kelubung'. Kain sarung 'punca potong' adalah sama jenisnya dengan yang dipakai oleh kaum lelaki, cuma cara memakainya agak berbeza. Kain sarung ini dipakai dengan mengikatnya pada pinggang, dan dibiarkan berlabuh ke bawah sampai ke buku lali. Bahagian atas pula dibaluti oleh 'kain berkemban' yang dililit dari bawah ketiak dan puncanya di bahagian atas disimpulkan di tengah dada dengan bahagian bawahnya dibiarkan melabuh sampai ke bawah pinggang. 'Kain kelubung' pula dijadikan kain penutup kepala atau bahu semasa berjalan atau dalam membuat sesuatu pekerjaan. Kaum wanita tidak juga memakai baju, selipar dan sebagainya selain dari pakaian-pakaian di atas. Hanya dalam 1910-an, setelah Sultan Muhammad IV menitahkan supaya semua rakyatnya lelaki dan perempuan memakai baju,²² barulah sejenis baju yang dikenal sebagai baju kebaya dan baju kurung dipakai oleh wanita-wanita di Kelantan.

Tidak terdapat banyak perbezaan dalam bentuk pakaian antara wanita

21 Abdullah Munsyi, *Kisah Pelayaran Abdullah*, Kuala Lumpur, 1966, hal. 81.

22 Saad Shukri Hj. Muda, (*Sejarah Kelantan*, Kota Bharu, 1962, hal. 82) mencatat, "Untuk melaksanakan perubahan itu hulubalang-hulubalang diperintah menunggu di pekan pesara dengan sebuah baldi di dalamnya belakin (cat hitam) serta sebilah kayu. Apabila seorang melalui di hadapannya dengan tiada memakai baju ... maka tubuh orang itu dicat dengan belakin hitam begitu juga perempuan."



Pakaian tradisional wanita Melayu Kelantan.

istana dengan wanita biasa. Kalaupun ada, itu mungkin dari segi mutu kain yang dipakai oleh mereka. Kebanyakan wanita dari golongan bangsawan memakai kain-kain yang lebih halus buatan dan jenisnya, iaitu kain kapas yang halus dan sutera. Pakaian wanita biasa terdiri dari kain-kain kapas yang kasar dan kasar pula buatarinya. Kain jenis halus yang dipakai oleh wanita golongan bangsawan dikenal sebagai kain 'pelangi' dan yang dipakai oleh wanita biasa dikenal sebagai 'kain pereng'. Bagaimanapun kain 'punca potong' masih popular sehingga 1930-an.

Mengikut catatan *China Sui-shu*, dalam awal abad ke-7, penduduk Kelantan ketika itu sudahpun pandai membuat kain jenis secorak, iaitu sejenis kain yang mempunyai satu warna, sama ada merah tua atau biru tua, dan sebagainya.²³ Tentang cara-cara memakainya tidak pula diterangkan. Pada akhir abad ke-13 pula catatan raja-raja Ming menggambarkan bahawa kaum lelaki dan perempuan Kelantan masa itu memakai sarung berwarna hitam.²⁴ Dalam suku pertama abad ke-18 pula, sebagaimana dicatatkan oleh Abdullah Munsyi, orang Melayu Kelantan memakai selindang, 'dikilas' sekeliling pinggangnya berlabuh sampai ke lutut.²⁵ Pada awal abad ke-20, kain 'punca potong', 'kain bengkung', 'semuntal' dan 'kain bersebar' masih merupakan pakaian utama penduduk Kelantan. Dari catatan-catatan di atas kita dapat sejak abad ke-7 lagi hingga awal abad ke-20, pada keseluruhannya tidak terdapat banyak perbezaan dalam jenis dan bentuk pakaian penduduk Kelantan. Di sini dapat dirumuskan bahawa penduduk Kelantan secara umumnya tidak asing dengan beberapa bentuk pakaian untuk menutup tubuh mereka sejak sebelum abad ke-7 lagi. Dari masa itu hingga ke akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, tidak terdapat perubahan yang nyata dalam bentuk pakaian utama mereka. Hanya dengan kedatangan British yang bermula dalam tahun 1909 itu, berbagai bentuk pakaian baru diperkenalkan kepada penduduk Kelantan. Menjelang akhir suku-pertama abad ke-20, telah didapati ramai penduduk Kelantan yang sudah pandai bergaya dengan seluar dan kemeja, kasut dan stoking, dan bagi orang perempuan, *skirt*, *gown* dan sebagainya.

Makanan

Sebagaimana tidak adanya perubahan yang besar dalam bentuk pakaian penduduk Kelantan dalam masa sebelum abad ke-20, demikian juga keadaannya dengan jenis dan bentuk makanan mereka pada masa yang sama. Jenis makanan dan cara-cara memakannya juga dapat memperlihatkan satu bentuk budaya penduduk Kelantan di masa itu.

23 Harus diperhatikan di sini bahawa kebanyakannya, malah boleh dikatakan semua, kain yang dipakai adalah ditenun sendiri. Kain 'punca potong' yang dipakai adalah ditenun sendiri. (P. Wheatley, *The Golden Khersonese*, Kuala Lumpur, 1966, hal. 28).

24 Ibid., hal. 79.

25 Lihat catatan 21.

Makanan utama penduduk Kelantan sejak berzaman ialah nasi, diikuti oleh keledek dan ubi kayu. Nasi merupakan makanan tengahari dan malam manakala keledek dan ubi-kayu merupakan makanan pagi bersama kopi 'o' sebelum turun ke bendang, ke laut atau sebelum memulakan sesuatu perjalanan. Kopi 'o' biasanya dibuat dengan merebus daun kopi dan airnya diminum. Keledek dan ubi kayu untuk makan pagi biasanya direbus begitu sahaja dan dicecah dengan kelapa. Makan tengahari dan malam biasanya dihidangi dengan nasi dan beberapa perkara lauk dan sayur. Tidak terdapat perbezaan lauk dan sayur yang dimakan sehingga hari ini selain daripada cara-cara memasaknya. Ikan kembung, gelama, tenggiri, kikik dan sebagainya pernah menjadi makanan utama bagi penduduk Kelantan di masa yang lampau. Biasanya ikan yang didapati dikeringkan supaya ia dapat disimpan lama. Kecuali mereka di tepi pantai, mereka di kawasan pendalaman jarang sekali dapat makan ikan basah (atau 'ikan hidup' mengikut bahasa tempatan). Perhubungan antara kawasan pantai dengan kawasan pendalaman kadang kala memakan masa berminggu-minggu lamanya. Ikan basah sukar dibawa ke kawasan pendalaman kerana mudah menjadi busuk dan tidak boleh dimakan. Ikan kering sudah cukup untuk dijadikan alat penjamu selera penduduk di kawasan pendalaman itu.²⁶ Sayur dan ulam merupakan hasil-hasil yang ditanam sendiri. Ini termasuk kangkong, mentimun, kacang, terung dan sebagainya. Ulam juga didapati dari pucuk-pucuk kayu yang tumbuh seperti pucuk serai, kandis dan sebagainya. Petai dan jering juga merupakan jenis-jenis ulam yang diminati. Makanan yang dimasak secara mudah sudah cukup untuk menjamu anggota-anggota sesuatu keluarga itu. Tidak pula dimaksudkan bahawa penduduk kampung di Kelantan tidak pernah menikmati makanan seperti telur, daging, dan sebagainya yang dianggap sebagai makanan-makanan 'mulia' oleh Abdullah Munsyi.²⁷ Telur juga menjadi lauk pada ketika-ketika tertentu. Penduduk kampung di masa itu tidak perlu ke pasar untuk mendapat telur atau daging untuk dimakan atau dijadikan lauk. Petani juga merupakan penternak ayam, itik, kambing, biri-biri, lembu, dan sebagainya. Tidak terdapat dalam sesebuah rumah di sesuatu kampung itu yang tidak menternak sekurang-kurangnya seekor daripada binatang-binatang ternakan itu. Dengan kata lain, hampir setiap keluarga di dalam sesebuah kampung sekurang-kurangnya mempunyai beberapa ekor itik atau ayam, seekor biri-biri, kambing atau lembu. Soal kekurangan bahan makanan yang 'mulia' itu tidak timbul.

Kemewahan yang terdapat dalam masyarakat Melayu tradisional dari segi ini dapat dilihat dari budi atau *courtesy* yang diberi terhadap seorang tetamu. Dalam menyambut tetamu, sudah menjadi kebiasaan bagi penduduk kampung di Kelantan untuk mengorbankan seekor daripada ayam atau itik ternakan mereka. Hingga ke hari ini masih terdapat

26. Satu-satu daerah yang terletak lebih kurang enambelas hingga dua puluh empat kilometer dari kawasan pantai dianggap sebagai satu kawasan pendalaman.

27. Abdullah Munsyi, op. cit., hal. 78.

unsur-unsur tradisional ini. Apabila seorang tetamu dari jauh datang mengunjung ke rumahnya (tidak semestinya keluarga sendiri) tuan rumah itu tidak lengah-lengah lagi akan mengorbankan saekor ayam atau itik untuk dihidangkan kepada tetamu yang datang itu. Ini merupakan salah satu daripada cara menyambut dan menghormati tetamu oleh penduduk Kelantan pada masa yang lalu.

Sebagaimana mereka mewah dengan hidangan-hidangan gulai ayam, itik atau telur untuk tetamu, mereka juga tidak sayang untuk mengorbankan binatang-binatang ternakan pada hari-hari tertentu, iaitu pada masa kenduri di mana jamuan-jamuan diadakan.²⁸ Walaupun kenduri-kenduri yang diadakan itu tidak mempunyai tujuan dan matlamat yang sama, sudah pasti jamuan-jamuan yang besar diadakan. Sesuatu keluarga biasanya tidak menghadapi apa-apa kesukaran dalam mengadakan sesuatu kenduri itu. Padi, mereka tanam sendiri dan dengan itu mereka tidak menghadapi kesukaran menyediakan beras untuk sesuatu kenduri. Lembu-lembu juga mereka pelihara sendiri, dan dengan itu mereka tidak menemui apa-apa kesukaran mengadakan lauk untuk sesuatu jamuan itu. Mereka yang kurang berada biasanya dibantu.²⁹ Persiapan dan alat juga tenaga untuk sesuatu kenduri yang akan diadakan oleh sesorang yang tidak berada itu, sama-sama dibantu dan disumbangkan oleh keluarga dan jiran-jiran. Keadaan ini secara sepantas lalu dapat menggambarkan 'kemewahan' yang wujud dalam masyarakat kampung pada masa-masa yang lalu itu.³⁰

Dari segi 'makanan' ini kita dapat kebudayaan asing juga mempengaruhi benda-benda yang dimakan dan cara-cara memakannya. Misalnya kebudayaan orang India telah memperkenalkan masak kari pedas, pulut kuning dan sebagainya, kepada suri rumahtangga Melayu Kelantan. Kebudayaan orang Cina telah memperkenalkan masakan kobis masak air, pekasam dan sebagainya. Kebudayaan Arab pula telah memperkenalkan

28 Di dalam masyarakat Melayu tradisional, dan masih juga terdapat dalam masyarakat Kelantan sekarang, kenduri merupakan satu daripada upacara yang diamalkan dalam kehidupan mereka sehari-hari. Kenduri-kenduri ini termasuk kenduri bercukur, tamat mengaji Quran, bersunat, kenduri kahwin, dan sebagainya. Setiap kenduri memerlukan perbelanjaan yang besar.

29 Kerjasama seperti ini lebih mudah berlaku dalam masyarakat kecil di mana setiap orang dalam masyarakat dikenali oleh orang lain.

30 Keadaan 'mewah' seumpama ini mungkin tidak lagi terdapat dalam masyarakat Kelantan yang materialistik sekarang ini. Dalam masyarakat tradisional boleh dikatakan pada setiap Hari Raya korban hampir setiap keluarga mengambil bahagian dalam upacara pengorbanan yang diadakan. Di dalam sesebuah kampung yang mempunyai tiga puluh keluarga, lebih dari sepuluh ekor lembu dikorbankan. Keadaan amat berbeza pada masa ini, di mana dalam sesebuah kampung yang mempunyai lebih dari lima puluh keluarga hanya beberapa ekor lembu sahaja dikorbankan. Keadaan ini menggambarkan 'tidak mewahnya' penduduk Kelantan dalam abad ke-20 ini, di samping pertumbangan materialistik yang lebih diutamakan.

makanan roti cecah bubur kacang, dan sebagainya.³¹ Budaya asing juga telah memperkenalkan berbagai cara tertentu dalam menghadapi makanan. Kebudayaan India, juga Islam, mengajar masyarakat Melayu Kelantan bahawa seorang bapa harus mendahului menyentuh hidangan daripada anak-anaknya. Juga menjadi adat bahawa seseorang itu harus membasuh tangannya sebelum menjamah sesuatu makanan. Islam memperkenalkan bacaan "Bismillah" sebelum makanan disuap. Sudah menjadi satu adat bahawa seorang lelaki harus makan bersila dan orang perempuan makan suntoppoh. Semua ini, pengaruh-pengaruh budaya mendatang dan budaya tempatan dan asli, telah membentuk satu budaya yang tersendiri yang menjadi amalan setiap golongan masyarakat tradisional Kelantan sebelum abad ke-20 itu.

Masyarakat Melayu feudal lebih merupakan masyarakat pertanian dari masyarakat perindustrian. Istilah 'perindustrian' di sini dimaksudkan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu seperti dalam membuat perahu, kerienun, membuat barang-barang dari perak dan emas, dan sebagainya. Dalam bidang pertanian pula penanaman padi merupakan jenis pertanian yang utama di samping penanaman pokok kelapa, pinang, sayur-sayuran, dan sebagainya. Dalam kontek ini pula, pertanian dan perindustrian di Kelantan sebelum abad ke-20 ini akan lebih dititikberatkan dari segi kepentingan sosio-kultural daripada kepentingan ekonominya.

Pertanian

Pada awal abad ke-7 catatan China mengenai Kelantan menyebut bahawa:

It is constantly warm in winter and summer. Rainy days are numerous, fine days few Conditions allow the cultivation of padi, *chi*, white beans and black hemp.³²

Itu merupakan satu gambaran ringkas tentang jenis-jenis tanaman di beberapa tempat di Kelantan dalam awal abad ke-7 itu. Pada awal-awal abad ke-14 pula *Tao-i Chih-loh* mencatatkan:

Indigenous products include high quality *chen* and *su*, varieties of gharuwood, coarse lakewood, bees wax, turtle carapaces, hornbill casques and betelnuts.³³

Ini pula merupakan hasil tempatan yang dieksport melalui perdagangan dengan negara-negara lain dalam awal 1800-an. Menjelang

³¹ Kenyataan ini dibuat berdasarkan pendapat orang-orang tua, dan didasarkan pada kenyataan di mana makanan tersebut di atas merupakan makanan utama oleh orang-orang yang dikatakan memperkenalkannya. Misainya, gulai pedas merupakan satu masakan yang digemari oleh kebanyakan orang India. Di sini tidak pula bermakna tidak ada unsur-unsur asli dalam cara-cara memasak dan memakan bahan-bahan makanan di atas. Pengaruh asing merupakan satu tambahan kepada resepi masakan yang sudah ada.

³² P. Wheatley, op. cit., hal. 26.

³³ Ibid., hal. 79.

akhirnya abad ke-19 dan awal abad ke-20, dua daripada jenis-jenis tanaman yang tersebut di atas masih ditanam dengan meluasnya. Tanaman-tanaman itu ialah padi dan pinang. Bagaimanapun, dalam kedua petikan di atas kita tidak diberi gambaran yang jelas tentang bagaimana kegiatan-kegiatan ekonomi telah membentuk kehidupan sosio-kultural ketika itu. Dalam abad-abad ke-17, ke-18 dan akhir abad ke-19, kita telah dapat mengumpul dan merumuskan berbagai kegiatan ekonomi yang dapat memberi bentuk sosio-kultural pada zaman-zaman itu.

Dalam kegiatan ekonomi pertanian penduduk Kelantan, baik dalam penanaman padi, pokok-pokok pinang, kelapa, sayur-sayuran dan sebagainya, konsep kerjasama berdasarkan gotong-royong telah diamalkan. Sebagai contoh kita ambil kerja-kerja penanaman padi yang merupakan satu hasil pertanian lama penduduk Kelantan sejak berzaman.³⁴

Ketika musim menanam hampir tiba penduduk kampung masing-masing sibuk menyiapkan alat-alat dan binatang-binatang untuk mengerjakan sawah. Alat-alat pertanian terdiri daripada cangkul, tajak, sabit, parang dan sebagainya.³⁵ Binatang untuk mengerjakan sawah terdiri dari lembu dan kerbau. Langkah pertama yang dibuat oleh penduduk kampung itu ialah memutuskan tanah siapakah yang harus dikerja dan ditajakkan terlebih dahulu. Setelah keputusan dibuat mereka bersama-sama ke bendang orang yang sama-sama disetujui dikerjakan dahulu itu.³⁶ Setelah tanah atau bendang orang yang pertama itu selesai ditajak, tanah orang yang kedua pula dikerjakan, diikuti pula oleh tanah penduduk kampung seterusnya sehingga semuanya selesai dikerjakan. Kerja secara beramai-ramai ini lebih dikenal sebagai 'pinjaman' dan orang yang diminta bekerja di tanah orang lain itu dikatakan 'makan pinjaman'. Setiap 'pinjaman' itu diakhiri dengan jamuan makan tengahari yang disediakan oleh tuan tanah itu. Sekiranya kerja itu sampai ke sebelah petang, orang yang 'dipinjam' harus sekali lagi dijamu dengan makanan dan minuman

-
- 34 Tentang bila penduduk Kelantan tahu menanam padi sukar sekali ditentukan. Berdasarkan penggalian di Gua Cha, Ulu Kelantan, M.W.F. Tweedie (*op. cit.*, hal. 22) merumuskan bahawa penanaman padi oleh penduduk Kelantan khasnya, Tenggara Asia umumnya, bermula sejak zaman neolitik lagi. Untuk mengetahui secara terperinci tentang cara-cara menanam padi di Kelantan, sila lihat A.H. Hill, "Kelantan Padi Planting" *JMBRAS*, Part I, February, 1956, hal. 56-63.
- 35 Alat-alat ini diperkenalkan kepada penduduk Kelantan dalam Zaman Logam Besi yang, mengikut M.W.F. Tweedie, mungkin bermula dari pengaruh kebudayaan Hindu yang menempatkan diri di Asia Tenggara pada awal-awal abad Masih. (M.W.F. Tweedie, "An Early Chinese Account of Kelantan" *JMBRAS*, Vol. XXVI, Pt. 1, 1953, hal. 33).
- 36 Biasanya tanah Tok Nebeng (Penghulu atau Ketua Kampung) yang dikerjakan terlebih dahulu, kemudiannya diikuti oleh orang-orang yang lebih berpengaruh terkemudian darinya. Orang yang kurang pengaruh, biasanya kerana kedudukan ekonominya rendah dan tidak mempunyai banyak tanah, selalunya dikemudiankan. Dalam masyarakat pertanian feudal Kelantan, kepunyaan tanah, sedikit banyak, merupakan satu faktor yang menentukan kedudukan ekonomi seseorang. Dengan itu seseorang yang mempunyai banyak tanah dianggap 'kaya' dan dihormati. Orang yang mempunyai kedudukan seumpama ini biasanya dipilih sebagai Ketua Kampung.

seperti ubi rebus, tapai, 'tepungbungkus', kopi dan sebagainya.

Setelah tiba waktu mencedung (menanam anak-anak padi dalam sawah yang berair) atau menugal (menabur biji-biji padi di tanah yang kering yang sudah ditajak) gotong-royong berdasarkan 'pinjaman' itu diteruskan mula. Tanah orang yang mula-mula ditajak terdahulu itu dikerjakan mula diikuti oleh tanah orang yang terkemudiannya. 'Makan pinjaman' teruskan sehingga seluruh tanah penduduk kampung itu siap ditanam dengan padi. Dalam kerja-kerja yang lebih ringan (seperti membaja, membuang rumput dan sebagainya) biasanya dikerjakan oleh tuan tanah sendiri dengan dibantu oleh anak-anak atau isterinya. Bagaimanapun, orang yang mempunyai tanah yang luas dan tidak mampu untuk dikerjakan keluarga, sistem 'pinjaman' diadakan lagi diikuti oleh jamuan-jamuan selanjutnya.

Dalam sistem kerjasama 'makan pinjaman' ini, boleh dikatakan seluruh penduduk kampung itu keluar untuk menyertai gotong-royong yang diadakan itu.³⁷ Sesaorang yang selalu tidak keluar untuk bergotong-royong biasanya akan menemui kesukaran apabila ia sendiri 'memadah'³⁸ orang lain untuk mengerjakan tanah atau sawahnya. Orang yang tidak mempunyai tanah juga turut sama dalam kerja gotong-royong ini. Kerjanya telak akan dibalas dengan upah sama ada dalam bentuk pemberian hasil tanah itu dari tuannya atau dalam bentuk kebendaan lainnya. Pemberian ini mungkin juga dalam bentuk 'zakat' di mana sesaorang Islam harus mengeluarkan sebahagian dari hasil pendapatannya untuk membantu orang-orang miskin.³⁹

Sistem 'pinjaman' seumpama itu dipraktikkan juga dalam bidang pertanian dan penanaman jenis tanaman-tanaman lain seperti sirih, kelapa, pinang, ubi dan sebagainya. Juga berlaku pertukaran dalam bentuk 'pinjaman' itu, misalnya, Awang yang telah 'dipinjam' untuk mengerjakan sawah Mahmud, boleh membala 'pinjaman' itu apabila Mahmud memintanya mencuci ladang kelapanya dari semak-samun dan anak-anak kayu. 'Membala pinjaman' pula tidaklah berdasarkan sesuatu perjanjian atau kontrek; ia lebih merupakan satu daripada amalan konsep bantu-membantu atau tolong menolong dan sebagainya. Konsep *mutual obligation* memainkan peranan penting dalam wujudnya gotong-royong ini.

37. Di sini sekali lagi harus diperhatikan bahawa dalam masyarakat lama Kelantan itu penduduk dalam sesebuah kampung biasanya terdiri dari beberapa keluarga sahaja. Misalnya, ada kampung yang hanya mempunyai sepuluh hingga dua puluh keluarga sahaja.

38. Istilah 'memadah' biasanya digunakan untuk memanggil orang-orang lain mengerjakan tanah seseorang itu.

39. Orang yang tidak mempunyai tanah dianggap 'miskin'. Mereka biasanya menyewa tanah untuk dikerjakan. Sistem 'pinjaman' diamalkan sama sebagaimana orang yang mengerjakan tanah sendiri. Orang yang tidak mempunyai tanah dan tidak menyewakan tanah (ini jarang berlaku dalam masyarakat tradisional itu) akan hanya membantu orang-orang lain bergotong-royong sama dan dari itu mengharapkan apa-apa bentuk upah dari tuan tanah yang ia kerjakan itu.

Istilah "berderai" juga digunakan di Kelantan untuk gotong-royong jenis ini. Sistem pertanian dalam masyarakat Melayu tradisional agak kurang maju. Tetapi tidak kurang juga orang Kelantan pada abad-abad yang silam itu yang mempunyai idea saintifik dan teknologinya yang tersendiri. Dalam penanaman padi mereka telah tahu untuk membina satu sistem taliair yang baik. Parit-parit kecil digali untuk membawa air dari anak-anak sungai, kolam, dan sebagainya, ke dalam sawah mereka. Alat dan cara untuk menimba air direka oleh mereka.⁴⁰ Kerja mengairi sawah bukan hanya dilakukan pada siang hari sahaja tetapi ada kalanya pada waktu malam juga. Pelita minyak tanah dibawa turun ke bendang untuk menerangi kawasan tempat menimba itu. Waktu bulan terang biasanya didapati hampir setiap anggota petani akan turun ke sawah untuk menjalankan kerja menimba itu. Menimba biasanya dilakukan pada bendang masing-masing. Suasana malam seumpama ini, dengan pelita ayam bertaburan di setiap hujung sawah, memperlihatkan seolah-olah satu pesta sedang diadakan di kampung itu.⁴¹

Dalam bidang pertanian ini juga kita dapat berbagai alat lagi dicipta dan ditiru untuk kerja-kerja pertanian. Kita dapat adanya alat-alat untuk membajak (tenggala), alat-alat menuai termasuk ketam dan sabit, alat-alat untuk meleraikan padi dari batangnya (alat pemukul padi), alat menumbuk padi (lesung-tangan dan lesung 'indik'), cangkul, parang, kapak, kandaran, 'cagak'⁴² dan sebagainya. Semua alat ini bukan sahaja memperlihatkan cara-cara mereka menjalankan sesuatu kerja, penggunaan alat-alat itu juga memperlihatkan satu bentuk budaya yang diamalkan oleh penduduk Kelantan tradisional itu.

Di sini juga penulis akan menyentuh dengan serba ringkas tentang usaha menangkap ikan di Kelantan pada zaman tradisional itu. Menangkap ikan merupakan aktiviti ekonomi yang kedua pentingnya selepas pertanian. Ia merupakan mata pencarian yang utama bagi penduduk di kawasan pesisiran Kelantan dan kawasan tebing sungai.

Menangkap ikan, sebagaimana dalam pertanian, merupakan satu usaha semata-mata untuk memenuhi keperluan sendiri-sendiri. Oleh kerana wujudnya keadaan seumpama ini kita dapat di samping menangkap ikan nelayan-nelayan juga merupakan petani-petani sambilan. Di samping

40 Di antara cara yang paling popular untuk mengairi sawah ialah dengan membuat satu timba dari upih pinang yang kemudiannya diikat pada satu batang kayu. Pada waktu menimba kayu itu dijadikan 'pemegang'. Alat ini dikenal sebagai 'temalong' atau 'long'.

41 Melalui wawancara dengan orang tua-tua, penulis diberitahu juga bahawa pada masim menuai, keadaan meriah dan kegembiraan yang dialami secara tidak langsung dari kerja-kerja seumpama ini, jelas sekali terlihat. Musim 'bulan cerah' (iaitu ketika bulan terang) hampir setiap anggota sesuatu keluarga akan turun ke sawah untuk membantu menuai dan 'memukul' padi. Keadaan riang lebih jelas terlihat pada anak-anak petani di sesuatu kampung itu, di mana longkokan jerami (batang-batang padi kering) dijadikan tempat mereka berhibur dan bersukaria dengan mengadakan berbagai jenis permainan di atas dan sekelilingnya.

42 Sejenis alat kandaran.

mengkap ikan, nelayan juga bercucuk tanam dengan tanaman-tanaman seperti kelapa, padi, ubi, sagu, nipah dan sebagainya. Setelah muncul sistem *barter* pengkhususan dalam kerja mula wujud. Dianggarkan dalam pertengahan abad ke-19 penduduk Kelantan telah pandai membuat barang-barang bagi jenis makanan dari hasil laut seperti ikan kering, belacan, udang kering, budu dan sebagainya. Bahan-bahan ini dipertukarkan untuk mendapat barang-barang keperluan lain seperti beras, sayur-sayuran dan sebagainya.

Alat-alat penangkapan mereka juga kurang maju. Perahu yang digunakan adalah sekadar cukup untuk membolehkan mereka ke laut 3 atau 4 km saji dari pantai. Jala, pukat dan serampang adalah sekadar cukup bagi mereka mendapatkan beberapa ekor ikan untuk sarapan mereka dan keluarga. Menjelang akhir-akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, tidak dapat perubahan yang besar dalam cara-cara menangkap ikan dan penggunaan alat-alatnya berbanding dengan zaman awal-awal abad Masihi itu — perahu yang dikorek dari batang kayu dan serampang dari buluh digunakan. Tetapi pada akhir-akhir abad ke-19 keadaannya tidak mempunyai banyak perbezaan. Yang berbeza mungkin dari perahu-perahu yang digunakan yang tidak lagi ditebuk dari batang-batang kayu dan serampang tidak lagi dari buluh. Bagaimanapun, kerendahan nilai ekonomi nelayan-nelayan di pesisir Kelantan itu tidak pula kurang pentingnya nilai budaya yang terbentuk dari aktiviti-aktiviti mereka sehari-hari itu.

Perindustrian Kampung

Dalam bidang pertanian yang dibincangkan di atas kita telah melihat kerjasama yang erat wujud di kalangan penduduk-penduduk kampung dalam sesuatu kerja pertanian itu. Dalam bidang perusahaan kampung, kerjasama atau gotong-royong itu tidak sebegitu ketara. Kemahiran tempatan tidak memerlukan kerjasama yang meluas dari masyarakat kampung seluruhnya. Pertolongan keluarga, isteri dan anak-anak sudah cukup untuk menjayakan satu-satu perusahaan. Dalam bidang industri desa perusahaan adalah seperti membuat tikar dari mengkuang, bakul dan raga dari buluh dan rotan, bertenun, membuat pisau dan parang ('menempa'), membuat kapur (untuk dimakan dengan sirih), membuat barang-barang perhiasan dari emas dan perak, membuat budu dan belacan, ikan kering dan sebagainya. Perusahaan-perusahaan ini pada mulanya lebih merupakan perusahaan di kalangan keluarga dan hasilnya untuk kegunaan keluarga itu sendiri. Dari keadaan ini hampir setiap anggota keluarga mempunyai kemahiran dalam satu-satu bidang tertentu sebagaimana terdapat dalam sesuatu keluarga yang lain. Sebagai contoh, Si A mempunyai kepandaian untuk membuat alat penenun kain. Si B juga boleh membuat alat penenun yang sama. Demikian juga dengan Si C, D, E dan orang-orang lain. Di samping itu, isteri-isteri Si A, B, C dan lain-lain didapati semuanya pandai

bertenun.⁴³ Dalam masyarakat yang sederhana (*simple*) pengkhususan kerja dalam sesuatu bidang tidak wujud. Setiap orang dapat membuat sesuatu pekerjaan yang difikirkan perlu untuk keluarganya. Pengkhususan yang ada hanya di kalangan keluarga itu sendiri. Misalnya, si suami khusus dalam menyediakan alat-alat untuk bertenun dan si isteri khusus dalam kerja bertenun itu. Dengan ringkasnya, perusahaan tempatan tidak merupakan satu perusahaan untuk mengeluarkan hasil yang berlebihan (*surplus*) dari apa yang diperlukan oleh keluarga dan jiran-jiran. Kepentingan ekonomi secara menyeluruh tidak pernah terfikir oleh anggota masyarakat Melayu tradisional itu.

Bagaimanapun, harus diperhatikan bahawa penduduk-penduduk Kelantan sedar tentang ada baiknya untuk mengeluarkan hasil perusahaan mereka secara berlebihan. Ini dapat dilihat dari amalan pertukaran barang yang akhir-akhirnya berubah menjadi pertukaran melalui media matawang. Kewujudan sistem *barter* ini menunjukkan adanya perkembangan kegiatan ekonomi penduduk Kelantan zaman dahulu.⁴⁴ Dengan munculnya penggunaan matawang emas dan perak dalam abad-abad ke-17 dan ke-18,⁴⁵ sistem *barter* telah bertukar corak dan ekonomi pertukaran barang telah menjadi pertukaran melalui media matawang. Dari itu satu bentuk kegiatan ekonomi yang baru wujud, iaitu ekonomi perdagangan, yang mana di Kelantan ianya memperlihatkan satu bentuk budaya yang unik di dalam masyarakat Melayu tradisional itu.

Perdagangan

Di sini penulis akan menyentuh sepintas lalu apa yang dimaksudkan dengan perdagangan dalam masyarakat Kelantan tradisional itu. Sebagaimana diperkatakan di atas, perdagangan bermula dari cara tukar barang. Hanya dalam abad ke-17 dan ke-18, dipercayai penduduk Kelantan telahpun menggunakan wang sebagai alat pertukaran.⁴⁶ Bagaimanapun, pertukaran tidak sebeginu popular dan menyeluruh. Hingga akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 masih terdapat sistem *barter* diamalkan.

43 Perusahaan bertenun merupakan salah satu perusahaan yang popular di Kelantan dan kekal hingga ke hari ini. Tenaga utama dalam perusahaan ini ialah kaum wanita. Kain 'punca potong' yang menjadi pakaian utama penduduk Kelantan tradisional itu adalah ditenun sendiri.

44 Sukar sekali untuk menentukan bila bermula pengalaman sistem *barter* oleh penduduk Kelantan. Pada umumnya, sistem *barter* merupakan lanjutan dari amalan-amalan tradisional, iaitu satu perkembangan dari konsep tolong-menolong dan membantu mereka yang memerlukan sesuatu keperluan. Apabila masyarakat menuju ke arah yang lebih mewah, tujuan 'membantu yang tiada' itu telah bertukar kepada konsep 'bantu membantu sesama kita'. Pengeluaran diperlebihkan dari yang diperlui dan dipertukarkan. Bagaimanapun, konsep 'membantu yang tiada' tetap diamalkan di mana pemberian dibuat tanpa mengharap apa-apa balasan.

45 Lihat catatan 11.

46 Ibid.

didapati penduduk pesisir membawa hasil-hasil laut seperti ikan kering, udang kering, ikan asin dan sebagainya, dijunjung berbatu-batu ke kawasan pendalaman untuk menukar barang-barang itu dengan beras, sayur-sayuran, petai, jering dan sebagainya. Mereka berjalan mencari pelanggan hingga lebih dari 16 kilometer ke kawasan pendalaman, turun pagi-pagi dan lewat petang baru pulang. Hingga akhir abad ke-19, jalan-jalan yang ada hanyalah denai-denai lorong-lorong kecil atau jalan-jalan kenderaan gajah, kereta-lembu dan sebagainya.

Dalam menjalankan perdagangan itu seorang peniaga harus berjalan berpuluhan-puluhan meter jauhnya untuk menjaja barang-barang yang hendak ditukar dan dijualkannya. Dalam 1930-an masih terdapat wanita-wanita yang tinggal di Pantai Cinta Berahi, satu daerah pesisir 10 kilometer ke utara Kota Bharu, menjunjung bakul ikan kering, udang, dan sebagainya ke daerah pendalaman hingga ke Salor, lebih kurang 8 kilometer ke selatan Kota Bharu. Di sini dapat kita lihat bahawa hingga 1930-an penduduk Kelantan masih giat menjalankan perdagangan dengan berjalan kaki sahaja.⁴⁶

Perdagangan juga dilakukan dengan penggunaan perahu-perahu melalui sungai dan anak-anak sungai. Dalam 1930-an juga masih didapati ada perahu-perahu yang penuh berisi tempayan budu, ikan kering, dan sebagainya, dikayuh mudik ke hulu sungai menuju ke daerah pendalaman untuk mencari pelanggan bagi barang-barang yang dibawa itu. Di atas perahu itu biasanya disediakan tempat tidur yang bertutup dengan kajang dan tempat masak. Ada kalanya peniaga-peniaga itu tinggal sampai berbulan lamanya di atas perahunya itu. Setelah barang-barang yang dibawa habis dijual barulah mereka pulang untuk mengambil bekalan-bekalan yang baru.

Selain daripada menjaja ke kawasan pendalaman terdapat juga peniaga-peniaga yang berniaga secara menetap. Di sesebuah bandar atau kampung terdapat 'kedai' dan bangsal-bangsal untuk peniaga-peniaga itu mempamirkan barang-barang yang ingin dijualnya. Ketika melawat Kelantan dalam tahun 1838, Abdullah Munsyi pernah membuat catatan tentang barang-barang yang dijual di kebanyakan pasar Melayu Kelantan itu; kata beliau:

Maka saya lihat dalam pasar itu adalah segala jenis hulam dan sayur dan sambal dan nasi gulai yang sudah sedia; tetapi yang sahaya lihat dalam pasar itu kebanyakannya perkara makanan yang busuk-busuk seperti pekasam dan tempoyak dan ikan asin dan siput asin dan jering dan petai dan banyak-banyak jenis sambal-sambal belacan dan ikan dan segala kerangan laut dan pucuk-pucuk kayu.⁴⁷

Itulah di antara barang-barang yang dilihat oleh Abdullah Munsyi yang dijual di pasar Kota Bharu dalam lawatannya itu. Barang-barang itu,

47 Abdullah Munsyi, *op. cit.*, hal. 78.

walaupun tidak 'mulia' dipandang oleh Abdullah Munsyi, adalah barang-barang keperluan asas bagi penduduk Kelantan di masa itu dan mungkin beberapa abad sebelum itu. Aktiviti ekonomi dan perdagangan yang agak unik ini telah memperlihatkan satu bentuk budaya yang juga agak unik.

Hubungan sosial dan *way of life* dalam masyarakat Melayu merupakan perkara-perkara yang telah lama diabaikan dalam penulisan sejarah. Bahkan dalam persejarahan Melayu tradisional pun hampir tidak terdapat maklumat tentang masyarakat bawahan. Oleh yang demikian bahan-bahan lisan adalah menjadi sumber terpenting dalam penulisan sejarah masyarakat Melayu sebagaimana telah dilakukan dalam makalah ini. Gambaran yang diberikan bukan hanya tidak semestinya lengkap, ketepatanpun dapat diperbaiki juga jika sekiranya mereka yang membaca kajian ini sanggup memberikan maklumat selanjutnya.

Sejarah dan kebudayaan bukan dua bidang pengkajian yang berasingan. Sejarah memberi tumpuan kepada masa yang telah berlepas, tetapi tiada sebarang perkara yang tidak relevan pada sejarah. Pada masa sekarang, sejarah sosial semakin menarik perhatian sejarawan. Tidak seperti sejarah politik yang lebih memberi tumpuan kepada *power* dan persaingan untuk merebut *power*, sejarah sosial memperkatakan tentang hubungan di antara golongan dengan golongan, golongan dengan individu dan individu dengan individu; juga cara dan gaya kehidupan penduduk dalam satu-satu masyarakat.

Makalah yang *modest* ini merupakan satu percubaan untuk merakamkan cara dan gaya hidup penduduk Kelantan dalam zaman sebelum datangnya pengaruh British. Jika sekiranya makalah ini dapat membawa kepada perbincangan dan pengkajian yang lebih mendalam lagi tentang sejarah sosial Kelantan khususnya dan sejarah masyarakat Melayu amnya, tujuan utama penulisan makalah ini memang telah tercapai.

ting baik bagi memenuhi masa lapang dan memberi kerihatan yang benar-benarnya adalah dengan mengambil bahagian dalam permainan.¹ Fungsi lain hiburan tradisi ialah untuk pertandingan. William MacDougal mengatakan kecenderungan bermain adalah timbul dari naluri ingin berlawn; oleh sebab itulah kebanyakan unsur permainan itu dijalankan dengan cara pertandingan.²

Maka kebanyakan hiburan yang bercorak permainan dijalankan dengan cara bertanding. Menerusi pertandingan dapat dilihat beberapa fungsi unsur-unsur permainan pada diri pemain-pemain seperti kebebasan, mematuhi undang-undang atau peraturan, menambah kekuatan jasmani, meninggikan perasaan sabar, sanggup menerima tolak ansur dan kekalahan, percaya pada diri sendiri dan dapat berhubung antara satu dengan lain.³ Sesungguhnya permainan yang dijalankan dengan cara bertanding sangat menyeronokan. Sebagaimana biasa berlaku bila ada pertandingan sudah tentu ada tepuk sorak dan sebagainya; ini benar-benar dapat memberi hiburan kepada masyarakat dulu. Pertandingan biasa dilakukan antara individu dengan individu, pasukan dengan pasukan atau binatang dengan binatang. Permainan boleh membentuk peribadi yang elok. Rousseau mengatakan "... the training of the body though much neglected is... the most important part of education not only for making children healthy and robust, but even more for the moral effect."⁴

Unsur-unsur hiburan ini juga dapat mengadakan atau memberi satu jaringan hubungan. Jaringan hubungan itu adalah di antara individu dengan individu atau individu dengan kumpulan dan di antara kumpulan dengan kumpulan. Mengapa dikatakan ada satu jaringan? Kerana individu-individu dan kumpulan-kumpulan ini bermain atau membuat pertunjukan bersama-sama. Mereka bersatu untuk bermain atau membuat pertunjukan. Keadaan inilah yang melahirkan perpaduan di kalangan masyarakat dan mereka boleh bersatu untuk menghadapi keadaan yang mencabar.

Menerusi unsur-unsur hiburan ini juga sifat-sifat kepimpinan dapat ditimbulkan, umpamanya dari segi pentadbiran, pengawasan, penilaian, pengumuman dan penyusunan serta pengendalian persembahan atau pertunjukan. Bakat-bakat yang timbul itu menjadi bantuan yang beharga kepada pembinaan watak seseorang yang bakal menjadi pemimpin. Di kalangan rakyat umpamanya orang-orang yang berbakat ini dapat menjadi pemimpin. Sebenarnya fungsi-fungsi yang disebutkan di atas adalah berkait antara satu sama lain. Antara fungsi-fungsi itu agak sukar untuk dipisahkan.

1 S. Koeing, *Sociology: An Introduction to the Science of Society*, Barnes and Noble Inc., 1969, hal. 167.

2 Ibid, hal. 165.

3 Salleh Mohd. Akib, *Unsur-unsur Bermainan Masyarakat Melayu Kelantan*, Kajian Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1971, hal. 25.

4 McIntosh, *Sport in Society*, London, 1963, hal. 54.

Jenis Hiburan Tradisional

Pada keseluruhannya terdapat tiga jenis hiburan tradisional Melayu di Kelantan:

- (1) terdiri daripada manusia,
- (2) manusia dengan benda, dan
- (3) terdiri daripada binatang.

Dalam hiburan jenis pertama itu, pemain atau pelakunya semuanya terdiri daripada manusia. Dalam persembahan jenis ini tidak digunakan binatang atau benda lain. Walau bagaimanapun ada alat muzik yang digunakan untuk mengiringi persembahan begini. Kalau tidak ada alat muzik sudah tentu tidak mendatangkan keseronokan dan pemain susah hendak bergaya tanpa alat muzik.

Contoh-contoh hiburan jenis ini ialah Mak Yong, tarian, silat dan Dikir Barat. Dalam semua hiburan ini pemain-pemainnya terdiri daripada manusia. Dalam Mak Yong, umpamanya, pemainnya terdiri daripada orang perempuan kecuali dua orang lelaki kelakar. Tarian pula sudah tentu terdiri daripada manusia; begitu juga dengan silat dan berdikir.

Hiburan jenis kedua pula persembahannya terdiri daripada manusia dan benda-benda atau alat. Kedua-dua manusia dan benda ini sama penting. Tanpa salah satu daripadanya permainan akan rosak atau tidak menjadi. Hiburan jenis ini lebih bercorak permainan yang dimainkan untuk mengisi masa lapang oleh masyarakat dulu. Benda-benda atau alat-alat yang digunakan dalam permainan jenis ini dicipta oleh masyarakat itu sendiri atau, dengan kata lain, daya kreatif masyarakat itu sendiri.

Sebagai contoh untuk hiburan jenis ini ialah rebana, kertok, wayang kulit, layang-layang, gasing dan selampit. Rebana dan kertok umpamanya mesti ada orang yang menjadi pemalunya supaya mengeluarkan bunyi. Bunyi dari kedua-dua permainan inilah yang dapat memberi hiburan kepada masyarakat dulu. Dalam wayang kulit, Tok Dalang memainkan peranan penting untuk menggerak patung-patung yang dibuat dari belulang kering. Layang-layang pula memerlukan orang untuk menghayunkannya. Begitulah juga dengan gasing dan selampit. Jadi dalam hiburan jenis ini, manusia dan benda sama penting untuk menghidupkan permainan itu.

Hiburan jenis ketiga pula ialah perlawanan sesama binatang. Untuk jenis ini manusia hanya bertindak sebagai peminat atau tuan punya binatang; sebagai contoh, belaga lembu-kerbau, pertandingan burung merbok dan menyabung ayam.

Asal-usul dan Cara Persembahan

(a) Mak Yong

Mak Yong sangat terkenal di Kelantan. Buat masa sekarang ia dipertunjukkan pada masa pesta, keramaian, temasya atau upacara yang



(Gambar Muzium Negara)

Mak Yong

besar dan majlis kenduri. Dari segi sejarahnya, Mak Yong terdapat di istana raja Melayu Pattani di Selatan Siam lebih kurang 400 tahun dulu dan berkembang ke Kelantan selepas itu. Di Kelantan pula permainan Mak Yong telah ada sejak lebih 200 tahun yang lalu dan, menurut orang tua-tua, permainan ini telah ada sejak sebelum Long Yunus memerintah negeri Kelantan lagi. Shepperd mengatakan "Mak Yong is the oldest form of Malay Drama and has been performed in Pattani and Kelantan for hundreds of years".⁵

Ada satu cerita bagaimana timbulnya permainan Mak Yong ini. Ada seorang raja di Siam dan baginda telah berkahwin. Hasil dari perkongsian hidup baginda dengan permalsurinya telah dikurniakan seorang anak perempuan. Anaknya ini sukaan anjing, lalu diberi patung anjing untuk dibuat permainan. Setelah besar, puteri itu mahu anjing betul bukan lagi patung anjing dan kehendak ini dikabul oleh ayahandanya. Tidak berapa lama terdengar khabar bahawa puteri itu telah hamil dan mengikut ceritanya ini adalah hasil perbuatan puteri itu dengan anjing. Setelah raja mendengar hal ini lalu diperintah membunuh anjing itu. Setelah dibunuh anjing itu ditanam di satu tempat. Tetapi bila puteri dapat tahu, dia telah menggali kubur anjing itu dan mengambilnya semula. Kerana kasihan pada anaknya itu raja telah membuat satu alat bunyian daripada kepala anjing itu untuk menghiburkan hati anaknya. Kemudiannya dikenali sebagai rebab — satu alat yang penting dalam Mak Yong. Puteri amat gembira beroleh alat

⁵ M.C. ff Sheppard, "Makyong", *The Straits Times Annual For 1960*, Singapore, hal. 15.

bunyian itu. Semasa alat itu dibunyikan diiringi oleh nyanyian dan tarian dayang-dayangnya. Dan dari situdah bermulaunya apa yang dipanggil Mak Yong. Barangkali kemudiannya permainan ini telah berkembang pula ke Kelantan dan ini adalah tidak menghairankan kerana Kelantan amat dekat dengan Siam.⁶ Kita tidak dapat menentukan di bahagian mana negeri Siam cerita ini terjadi; mungkin juga di istana raja Melayu di Pattani memandangkan di situ juga ada permainan Mak Yong sejak dulu lagi.

Persembahan Mak Yong meliputi drama, tarian, nyanyian dan unsur-unsur komidi. Ceritanya penuh dengan dewa-dewi. Ceritanya disampaikan melalui mulut, hanya menggunakan ingatan tanpa dialog tertulis. Pertunjukannya tidak menggunakan tirai dan memerlukan kawasan seluas 11.5 meter. Pertunjukan Mak Yong tidak dapat disudahi satu malam saja malah bersambung-sambung hingga tujuh malam.

Mak Yong asalnya dipertunjukkan sebahagian besar di istana, biasanya di balai. Raja dan golongan atasan mampu membayai kumpulan-kumpulan Mak Yong. Pasukan Mak Yong dulu tinggal di bangunan yang dibuat oleh raja dan kadang-kadang diberi tanah sawah untuk bertanam. "The Mak Yong ... was originally performed mainly in rajas houses and the actresses were given food and costumes by the raja."⁷ Abad ke-19 dulu Mak Yong merupakan hiburan yang sangat disukai oleh golongan atasan. Menurut Sheppard "In nineteenth century Pattani and Kelantan the Mak Yong was the dominant form of Malay upper-class entertainment and was presented four or five nights a week in a ruler's or noblemen's audience hall".⁸

Semua bahagian penting dalam cerita Mak Yong dilakukan oleh perempuan. Hanya dua orang lelaki mengambil bahagian dalam cerita itu, iaitu yang menjadi orang kelakar, biasanya sebagai hamba raja. Pemain-pemain muzik pula semuanya terdiri daripada orang lelaki.

Biasanya 11 atau 12 orang yang ambil bahagian dalam perkumpulan Mak Yong. Mereka itu terdiri daripada 5 orang ahli muzik, seorang wanita yang menjadi Pak Yong (memakai pakaian seperti seorang raja lelaki), dua orang kelakar lelaki yang biasa dipanggil oleh orang Kelantan sebagai 'orang lawak', seorang kelakar perempuan (disebut inang) dan dua atau tiga orang wanita lagi untuk mengambil bahagian sebagai puteri dan lain-lainnya, semuanya tergantunglah kepada cerita yang dimainkan.

Alatan bunyi-bunyian dalam permainan Mak Yong ialah 1 rebab, 2 gendang, 2 tetawak (gong) dan 1 serunai. Rebab amat penting dalam persembahan Mak Yong. Ia bertindak sebagai ketua muzik.

Pakaian wanita yang menjadi Pak Yong ialah sebuah mahkota. Satu abad lalu Pak Yong memakai setangan batek. Pak Yong memakai sehelai baju baldu yang bewarna (biasanya hitam atau biru) berlengan pendek dan

6 Untuk lebih jelas rujuk kepada Hurai Perak, "Konon Asalnya Mak Yong" *Mastika*, Oktober, 1956, hal. 13.

7 M.C. ff Sheppard, op. cit., hal. 13.

8 Mubin Sheppard, *Taman Indra*, Kuala Lumpur, 1972, hal. 59.

tidak berkolar, juga memakai seluar Melayu bertindan kain songket di atasnya (samping) dan di pinggangnya tersisip sebilah keris dalam bulatan selukar atau ikatan bengkong serta di bahagian dadanya di tempelkan atau diletak dengan rambu-rambu yang berkilat-kilat yang khas dibuat kerana-sya. Di tangan kanan, terdapat 'pemiat' yang terdiri dari tujuh batang rotan halus 47 cm panjang, digunakan untuk memukul orang lawak.

Pakaian Mak Yong dan juga puteri ialah baju sutera berlengan panjang dan di bahagian depannya disemat dengan kerosang. Sebelum 1890, mereka hanya berkemban (dada tidak ditutup), kain sarung sampai ke kaki. Di pinggang diikat 'pending' dan di bawahnya terdapat kain 'sibar'. Mak Yong juga memakai mahkota, gelang tangan dan kaki serta cincin. Orang kelakar memakai kain sarung tapi tidak berbaju. Di pinggang diikat sehelai kain yang mungkin pula digunakan di kepala atau dada. Ahli muzik memakai kain dan baju tangan pendek serta kain ikat kepala.

Pertunjukan Mak Yong dimulai dengan upacara mengadap. Masa ini semua orang mengambil bahagian kecuali dua orang lelaki kelakar. Setibanya di tempat permainan, Pak Yong duduk berhadapan dengan pemain rebab dan di belakangnya diikuti oleh wanita lain. Di depan pemain rebab itulah Pak Yong menyanyi suatu nyanyian yang meriwayatkan lakunan-lakunan yang akan dimainkan. Seketika kemudian, nyanyian itu diikuti pula dengan tarian-tarian yang beransur-ansur kepada bangun sehingga berdiri tegak wanita-wanita itu dan kemudian barulah lakunan itu dimulakan. Pada tiap-tiap rangkap nyanyi Pak Yong tadi disahuti pula oleh suara latar atau nyanyian beramai-ramai pelakun wanita lain.

Tiap-tiap lakunan yang hendak dimulakan sudah menjadi suatu adat bagi Pak Yong yang terlebih dulu memanggil seorang daripada dua orang ahli lawak lelaki. Panggilan kepada orang lawak itu ialah 'awang' dan orang lawak itu sebelum keluar atau bangun menemui Pak Yong ianya lebih dahulu membuat jenaka yang mentertawakan orang yang melihat. Setelah berdepan maka Pak Yong bercerita sebab dia memanggil. Lepas bercerita Pak Yong duduk. Orang lawak itu kemudiannya memanggil kawannya untuk berunding. Sesuatu cerita dalam pertunjukan Mak Yong dapat difahami daripada gerak-geri dan nyanyian.

Terdapat 12 cerita yang asal dalam permainan Mak Yong ini. Cerita-cerita yang popular adalah *Dewa Muda*, *Anak Raja Gondang*, *Bongsu Sakti*, *Gading Bertimang*, *Puteri Timun Muda*, *Raja Tangkai Hati*, *Raja Muda Laleng*, *Hijau-hijau Intan Permata*, *Raja Muda Lembek*, *Raja Dua Serupa* dan *Indera Dewa*, *Dewa Indera*. Di antara cerita-cerita yang disebut ini, cerita *Dewa Muda* dan *Anak Raja Gondang* yang paling popular.

Rasanya tidak lengkap kalau tidak dibuat ringkasan mengenai satu atau dua cerita Mak Yong. Pertamanya berkenaan cerita *Dewa Muda*. Cerita ini mengenai seorang Raja Muda (Pak Yong) yang mendapat sekuntum bunga yang dilemparkan oleh Dewi Kayangan. Di bunga itu tertulis satu jemputan kepada orang yang menjumpai bunga itu untuk datang ber-

kahwin dengan puteri itu. Dengan layang-layang ajaib Raja Muda dan Awang terbang ke tempat dewi. Mereka dapat masuk ke taman dengan menyamar sebagai kucing dan tikus. Raja Muda berjumpa puteri (puteri Mak Yong) dan menyamar sebagai sekuntum bunga masuk ke bilik puteri. Tapi kehadirannya itu diketahui oleh Inang dan masa hendak keluar melalui tingkap ia telah terkena panah yang dibuat oleh Inang. Awang bawa balek Raja Muda ke dunia. Tetapi masa upacara pengkebumian, puteri datang ke dunia menyamar sebagai bomoh dan mengubat Raja Muda. Akhirnya kedua-duanya naik semula ke kayangan.

Cerita *Anak Raja Gondang* mengenai Mak Yong (anak Raja Naga Laut) melahirkan sebuah gondang besar (bentuknya seperti siput). Kerana itu Pak Yong tua telah menghalauinya. Tapi dari gondang itu keluar seorang budak (Pak Yong muda). Dia bermain bersama kanak-kanak lain dipadang luas dan sebagai ketua telah menyeksa penjerat ayam hutan raja. Penjerat mengadu pada raja dan raja menghantar pengawal untuk menangkap budak ganjil itu. Pak Yong muda tahu raja itu ayahnya. Raja suruh pancung Pak Yong muda tapi pedang tidak dapat melukainya. Bila ia dilempar ke dalam laut telah diselamatkan oleh datuknya, Raja Naga Laut, dan dihantar ke tempat Raja Gergasi. Gergasi mati bila ia memecahkan mangkuk kaca tempat nyawa Gergasi. Dia jumpa kulit beruk dan dengan ini ia boleh terbang.

Dia terbang ke satu negeri dan jumpa tujuh orang puteri sedang mengutip bunga untuk hari pertunangan mereka. Dia membuat dirinya tidak kelihatan kecuali kepada puteri yang bongsu dan mereka bersetuju untuk berkahwin. Dengan menyamar sebagai beruk memberi amaran kepada raja (bapa puteri) kalau perkahwinan mereka tidak disetujui, negeri itu akan dilanggar oleh binatang dari hutan. Kerana itu raja bersetuju tapi raja suruh melawan tujuh orang bakal menantunya dengan harapan beruk itu kalah. Tetapi sebaliknya Pak Yong yang menang dan menjadi raja dengan rupa yang elok.

(b) Tarlan

Berkenaan dengan tarian ini, dua tarian yang paling popular di Kelantan pada masa dulu akan diketengahkan. Pertamanya 'Tarian Impian Asyek' dan kedua 'Tarian Joget Melayu Kelantan'. Kedua-dua tarian ini adalah tarian istana.

Tarian Impian Asyek

Tarian ini mula dicipta oleh satu perkumpulan seniman-seniman di sebuah kampung bernama Kampung Serendah Sekebun Bunga di Kelantan. Keinginan untuk mencipta tarian ini khabarnya timbul kerana ingin menjadikannya sebagai satu sumbangan hiburan baru kepada



Tarian Asyek.

raja-raja Melayu yang pada ketika itu sudah mulai merasai jemu dengan tarian-tarian yang telah sedia ada.

Tarian Impian Asyek ini telah mulai malap sejak tahun 1910 iaitu ketika negeri Kelantan diperintah oleh Sultan Muhamad ke-IV. Tarian ini akhir sekali dilihat sebagai sebahagian upacara diraja di Kota Bharu pada tahun 1909. Tetapi telah dihidupkan semula oleh kumpulan kebudayaan Kelantan sejak 1957. Walau bagaimanapun tarian ini telah mengalami perubahan dari bentuk asalnya.

Tarian ini sebenarnya khas dipertunjukkan untuk raja-raja belaka. Pada asalnya ia dipertunjukkan di dalam anjung surung — tempat raja-raja berihat atau pun di tempat-tempat yang dikhaskan bagi dituntun oleh raja-raja yang memerlukan hiburan. Pemain-pemain yang mengambil bahagian dalam tarian ini terdiri dari anak gadis sama ada berdarah raja atau dari kalangan orang besar atau rakyat biasa. Gadis-gadis yang menjadi penari ini dipilih sejak berumur 6 — 7 tahun (ada juga yang mengatakan 7 — 8 tahun) untuk dilatih menari di istana. Latihan menari berjalan 4 — 5 tahun lamanya. Penari-penari juga diajar cara-cara mengadap raja dan adat istiadat diraja lain. Gadis-gadis ini dijaga dengan baik, iaitu dari segi kesihatannya dan makanan.

Pada mulanya tarian itu hanya ditarikan dengan tiga orang penari yang penting. Penari utama dipanggil *penari asyek*, sementara dua orang penari lagi yang menari di sebelah kiri dan kanan penari utama itu masing-masing dipanggil *puteri inai* dan *puteri sasang*.



Tarian Asyek.

Tarian itu selalunya dimulai dengan satu gurindam yang dinyanyikan dengan irungan tabuh. Setelah tabuh dipalu keluarlah puteri-puteri penari itu dengan menyujud raja. Setelah itu barulah penari-penari tersebut melayangkan tangannya ke pinggang lalu menghayun tangan dengan lengkokan badan. Mereka kemudiannya melutut ke lantai dan dengan serentak menuju ke depan. Hanya sesudah saat itu sajalah baru puteri utama itu keluar lalu menyanyikan pantun mengikut irama lagunya. Dan puteri-puteri yang lainnya pun ikutlah menari bersama.

Tarian itu mencontohi beberapa gaya gerakan seperti gaya gerakan itik berenang, burung merpati, anak bugit, gajah gulung belalai dan burung terbang sehingga tiap-tiap bahagian gerakan itu dinamakan mengikut nama itu, umpamanya gaya burung merpati dan sebagainya. Bunyian yang mengiringi tarian ini ialah 11 geduk asyek, 1 rebab dan 1 gendang. Dulu alat-alat ini semuanya dimainkan oleh kaum wanita kecuali rebab.

Tarian Joget Melayu Kelantan

Tarian ini mengikut sejarahnya dilakukan sebagai menunjukkan kelemahan orang yang kena zalm dan sebagai bertimbang rasa kepada orang yang kena aninya itu untuk menghilangkan kerunsingannya iaitu dengan menari lemah gemalai dan dengan gerak gaya yang menghilangkan runsing dan juga 'mendapatkan' rahsia-rahsia untuk membalas dendam kepada orang yang zalm itu.

Tarian ini asalnya dibawa masuk ke negeri Kelantan oleh Raja Banggol yang bernama Long Jenal, anak ketiga kepada Long Yunus, kira-kira 200 tahun dulu. Lenyap tarian ini sejak bertukar pemerintahan raja-raja yang berikutnya kerana kuat tekanan pemerintah luar dan desakan baru dari Barat. Sekarang dihidupkan semula oleh Hj. Nik Abd. Rahman bin Hj. Nik Abd. Kadir dengan kerjasama Suara Muda Kelab di Kelantan.

Tarian ini hampir sama dengan 'Tarian Impian Asyek'. Tapi 'Impian Asyek' tiada termasuk sejenis tarian yang bernama 'Setukar Benang'. Selain dari itu, semua serupa sama ada gaya atau gerak geri badan, cuma langkahnya sedikit. Dan dalam tarian ini termasuk sekali tiga jenis tarian iaitu:

1. penari itu keluar seorang diri dengan cara tarian 'sasang' atau tarian gila yang mengharukan,
2. menari tarian gajah gulung belalai, dan
3. menari tarian gelombang.

Terdapat rangkapan pantun yang dinyanyi oleh penari. Penari-penari terdiri dari anak gadis rupawan termasuk inang terpilih, anak raja, anak orang besar dan terkadang-kadang isteri raja.

(c) Silat

Silat sebenarnya seni untuk mempertahankan diri. Jika beginilah



(Gambar Muzium Negara)

Silat.

keadaannya ia bukan merupakan suatu hiburan. Tetapi silat itu banyak jenis dan sebahagian daripada jenis-jenis itu ada yang berunsur hiburan. Jadi apa yang dititikberatkan ialah silat yang berunsur hiburan.

Silat dipercayai berasal dari Minangkabau, di timur Sumatera dan timbul pada abad ke-14. Ia telah dibawa ke Semenanjung pada tahun-tahun permulaan Kesultanan Melaka. Mengikut Sheppard terdapat dua jenis silat iaitu *Silat Medan* atau *Silat Pulut* (bahagian inilah yang kita anggap berunsur hiburan) dan *Silat Buah*. Katanya, "There are two varieties of silat, the ornamental or garden party style, known as Silat Medan or more colloquially, Silat Pulut, and the authentic art of self-defence, which when mastered will protect its protagonist from physical violence, known by the general term Silat Buah."⁹ Walau bagaimana pun kita lihat pula cara pembahagian yang lain.

Silat terbahagi kepada empat jenis, iaitu *Silat Randai* atau *Gelombang*, *Silat Medan* atau *Silat Sembah*, *Silat Songsong* dan *Silat Asli*. Selain daripada silat asli, jenis-jenis silat yang lain adalah lebih berunsur hiburan, sebab ia diadakan bukan untuk mempertahan diri tapi biasanya untuk pertunjukan.

(i) *Silat Randai atau Gelombang*

Biasanya silat ini dilakukan beramai-ramai dengan enam orang

⁹ M.C. ff Sheppard, "Silat", *The Straits Times Annual For 1958*, Singapore, hal. 12.

kesemuanya. Caranya bersilat dengan melengkong bulat dan jarak antara seorang ke seorang lain *satu depa*. Biasa *Silat Randai* dilaku beserta dengan nyanyian oleh ahli-ahli lain. *Silat Randai* harus dibungai dengan tarian cantek serta gerak geri yang perlahan. Kegunaannya untuk memahir langkah dan tangan.

(ii) *Silat Medan atau Silat Sembah*

Silat ini dilakukan sebagai satu pertunjukan dan persembahan dalam upacara keramaian seperti di pesta budaya, di masa nikah-kahwin dan majlis-majlis keramaian seumpamanya. Cara lakunan *Silat Medan* sangatlah jauh bezanya dengan cara lakunan silat yang asli. Ada setengah orang menganggap *Silat Medan* merupakan tarian pahlawan. *Silat Medan* ini lazim dilakukan dengan dua orang saja secara berlawan. Dalam *Silat Medan* biasa juga digunakan bunyian sebagai latar belakang. Alat-alat terdiri daripada sebuah gong dan sebuah rebana.

(iii) *Silat Songsong*

Silat Songsong dilakukan untuk menyambut kedatangan pengantin baru iaitu pengantin laki-laki.

(iv) *Silat Asli*

Silat yang sebenarnya digunakan untuk mempertahankan diri dalam sebarang perlawanan atau perkelahian.

(d) *Dikir Barat*

Pasukan Dikir Barat mengandungi 15 orang dan muziknya terdiri dari gedombak, rebana kecil, tetawak dan serunai. Irama lagunya rancak dan sederhana, sesuailah untuk menarik perhatian petani-petani yang hendak melepaskan leihnya setelah sehari suntuk mereka menuai padi di sawah.

Terdapat dua orang yang penting berhubung dengan Dikir Barat. Pertamanya, ketua Dikir Barat yang disebut 'juara'. Seorang lagi 'tukang karut' yang biasanya bukan ahli satu-satu pasukan. Satu-satu pasukan boleh memanggil siapa saja untuk menjadi 'tukang karut' bagi pasukannya dengan syarat orang itu berkebolehan dalam hal itu.

Pantun yang dinyanyikan itu tidak dikarang atau disediakan terlebih dahulu. Ketua Dikir Barat atau 'juara' itu dapat mengeluarkan pantun-pantun dengan serta-merta dengan mengambil segala pemandangan di sekelilingnya sebagai bahan rangkap atau baris pertama dan kedua. Di Kelantan selalu diadakan pertandingan untuk memilih johan. Masa menyanyi pengikut atau kawan-kawan yang lain hanya bertindak sebagai suara latar yang menyanyi satu perenggan atau satu baris lagu yang dinyanyikan oleh 'juara' pada permulaannya. Semasa 'mengarut' pula, kawan-kawan yang di sekeliling 'tukang karut' itu akan menyanyi atau turut bersama-sama mengulangi tiap-tiap patah perkataan yang dikeluarkan oleh 'tukang karut'.



(Gambar Muzium Negara)

Wayang Kulit.

(e) Wayang Kulit

Mengikut setengah pendapat, wayang kulit berasal dari sebuah kerajaan Melayu dipercayai wujudnya di Jambi, Sumatera, beratus-ratus tahun sebelum Masihi. Tetapi menurut pendapat lain, wayang kulit berasal dari Pulau Jawa. Ada juga yang menyebut bahawa wayang kulit itu sebenarnya berasal dari negeri China dan India. Ada pula yang mengatakan wayang kulit di Kelantan itu berasal dari Siam. Ini disebabkan wayang kulit di Siam mengenai cerita Seri Rama dan begitu juga dengan yang di Kelantan. Sebaliknya wayang kulit Jawa adalah mengenai cerita panji yang tidak terdapat di Kelantan. Saya rasa pendapat ini agak boleh diterima.

Walau bagaimanapun ada pendapat lain yang mengatakan "wayang kulit di Kelantan adalah dijangka telah dibawa masuk dari Pulau Jawa oleh pengembara-pengembara atau kaum pelayaran atau pun kaum perniagaan. Ini ialah kerana terdapat unsur-unsur pengaruh Jawa di dalamnya. Selain dari itu terdapat juga wayang kulit yang dibawa masuk dari negeri Thai tapi tidak berapa terkenal sebagaimana wayang kulit Jawa itu".¹⁰ Pendapat ini pun boleh diterima.

Sungguh pun wayang kulit di Kelantan itu berasal dari Jawa atau sebagainya, beberapa perubahan telah berlaku. Cara permainan, patung-

10 Mustafa Abd. Rahim, "Wayang Kulit Melayu Kelantan", *Mastika*, Ogos 1966, hal. 22.

gasingnya berpusing lebih lama. Dalam perlawanan jenis ini juga tiap-tiap pasukan ada Jung Cokok. Selepas ketukan habis dilakukan, gasing diambil dan diletakkan atas lopok seperti pertandingan gasing uri. Jika salah satu gasing dari sebelah pihak memangkah berpusing lebih lama, mereka diberi mata (markah) dan masih lagi menjadi pemangkah. Jika salah satu gasing dari pasukan menanti berpusing lebih lama, mereka tidak diberi markah tetapi bertukar menjadi pemangkah dan pasukan memangkah tadi menjadi pasukan menanti pula.

Permainan gasing diadakan lepas musim menuai dan ini amat sesuai kerana petani Melayu mempunyai masa lapang dan perlu hiburan setelah penat bekerja dibendang.

(h) (Rebana

Terdapat dua jenis rebana. Yang paling besar dan tertua ialah Rebana Besar yang dimainkan dalam perayaan tertentu di luar istana sultan atau berhampiran rumah kediaman Penghulu Kampung di Kelantan, sejak turun-temurun dan mungkin berkurun-kurun lamanya.

Rebana Besar sama saja saiznya. Beratnya 108 kilogrem, berukuran 42.5 cm dari kepala ke kaki. Muka Rebana Besar ini 90 cm garis pusatnya di kepala dan 67.5 cm garis pusat di kaki. Permukaannya dibuat dari belulang. Semasa bermain Rebana Besar, ia digantung dan dipukul dengan tangan oleh satu orang saja, manakala seorang lagi menunggu giliran untuk



(Gambar Muzium Negara)

memukul atau memalu bila orang pertama letih. Rebana Besar biasa dipukul sepasang pada malam hari dan kadang-kadang mengiringi penyanyi lelaki yang melagukan ayat-ayat suci yang dipanggil 'berzikir'. Rebana Besar juga dipertandingkan; menurut seorang penulis, "teams compete against each other (frequently to considerable betting) and are judged according to their dexterity with the high tones, not the low, which seems so characteristic of the drum."¹¹

Jenis rebana yang kedua ialah Rebana Ubi. Dicipta tahun 1898. Sama bentuk dengan Rebana Besar tetapi lebih kecil. Dicipta bertujuan untuk pertandingan bergendang antara kampung dalam majlis perkahwinan dan selepas menuai.

Rebana Ubi saiznya tidak sama. Yang terbesar garis pusatnya 67.5 cm dan yang terkecil 50 cm. Tingginya pula antara 43 cm hingga 50 cm. Permukaannya dibuat dari belulang. Rebana ini tidak digantung masa bermain tetapi diletakkan atas tanah. Ia dipukul dengan kayu, bukan dengan tangan. Tiap-tiap Rebana Ubi dipukul oleh 2 orang pada satu masa.

Dalam pertandingan bergendang antara kampung-kampung di Kelantan, satu pasukan memukul 4 atau 5 buah rebana ubi, memperdengarkan berbagai rentak dan ragam, dimainkan berterusan selama setengah jam. Selepas itu pasukan lain pula mengambil giliran dengan memperdengarkan permainan mereka pula. Dikatakan bahawa "The points on which matches are judged appear to be endurance, intricate rhythm, variety of tunes and tone."¹²

✓ (i) Kertok

Kertok dimainkan selepas musim menuai ditepi bendang padi. Kertok dibuat dari buah kelapa yang besar dan cukup tua, diparas (potong) bahagian atas, dibuang isinya dan tinggalah lubang yang luas itu. Di atas lubang itu diletakkan papan yang dikenal dengan sebutan 'belira' atau 'daun'. Belira ini biasanya dibuat dari kayu nibong dan bahagian inilah yang mengeluarkan bunyi. Belira itu kecil sedikit daripada muka lubang parasan kelapa itu dan panjangnya pula adalah lebih panjang sedikit daripada buah kelapa itu.

Pada pangkal belira itu ditebuk lubang untuk dimasukkan kayu bulat yang terpanjang pada muka kelapa itu supaya bila dipalu nanti kedudukan belira itu tetap dan tidak jatuh. Di hujung belira itu pula dipancang 2 batang kayu pada atas kelapa itu, di antara 2 batang kayu inilah terletaknya hujung belira itu.

Pemalu kertok dibuat daripada kayu yang berbalut getah di hujungnya. Bahagian hujung berlilit getah itulah yang dipukulkan ke atas belira atau

11 Kathleen Clark, "The Great Drums of Kelantan", *The Straits Times Annual For 1963*, Singapore, hal. 79.

12 Ibid.



(Gambar Muzium Negara)

Kertok.

daun kertok itu untuk mengeluarkan suara nyaring kertok tersebut. Belira atau daun itu ada tiga beradik (3 jenis nada suara), tinggi, rendah dan ubal (rendah sekali). Sekarang kertok dibuat daripada kayu dan besi.

Kertok dimainkan berpasukan, antara 8 — 10 buah pada satu-satu pasukan. Permainan kertok selalu diadakan pertandingan. Bila bertanding tiap-tiap pasukan diberi giliran memalu kertok pasukan masing-masing, mula-mula mengikut daun pertama, kemudian daun kedua dan ketiga. Menerusi bunyi, mengikut daun-daun itu, dapat ditentukan berdasarkan nada yang tinggi, dengong dan sama rentaknya pasukan mana yang menang. Penentuan kalah menang berdasarkan pendapat peminat-peminatnya yang turut mendengar atau orang ramai yang datang mendengar itu memberi pendapat masing-masing pasukan mana yang lebih baik.

(j) Selampit

Selampit ialah bentuk bercerita yang tertua dan masih ada di Kelantan. Penyanyi yang menyatakan cerita itu diiringi oleh rebab iaitu seperti viola. Rebab namanya datang dari perkataan Arab iaitu *rebeck*. Walau bagaimana pun gaya menyanyi condong kepada gaya India. Oleh itu susah hendak ditentukan pengaruh Arab atau pengaruh India lebih besar dalam Selampit.

(k) Belaga lembu-kerbau

Belaga lembu ialah antara dua ekor lembu bukan antara manusia dengan lembu. Ia telah menjadi kebudayaan bangsa Melayu yang dipelihara zaman berzaman. Mengikut C.C. Brown perlawan lembu ini berasal dari Siam.¹³ Pada zaman Sultan Muhamad ke-IV memerintah Kelantan, baginda memberi kebebasan pada rakyat mendirikan bong (gelanggang) permainan dan membenarkan permainan itu diadakan di seluruh negeri Kelantan. Pada tahun 1917 kebebasan tersebut telah dibatalkan. Hanya Sultan dan Raja Muda saja yang berhak mempunyai bong. Bong Sultan di Merbau dan bong Raja Muda di Kubang Kerian.


Dalam masa pemerintahan Sultan Ismail, bong Raja Muda telah ditutup dan kemudian pada tahun 1919 bong Sultan di Merbau pula ditutup. Sebagai ganti baginda membuka sebuah bong di Nilam Puri yang masyhur dengan panggilan bong Lubuk Nilam, tapi tidak lama kemudian bong ini ditutup juga. Sementara itu sebuah bong telah dibuka oleh Datuk Kaya Budi di Tumpat, bertempat dalam Lanas. Bong di Lanas akhirnya ditutup berikutan dengan satu kejadian bila lembu naik gila dan penuntun bertempiaran lari.

13 C.C. Brown, "Kelantan Bull-Fighting", *JMBRAS*, Vol. 6, 1928, hal. 74.



(Gambar Dewan Bahasa dan Pustaka)

Selampit.



"Pelagaan Lembu" di Kota Bharu, Kelantan dalam tahun 1902.

Semenjak itu satu peraturan telah dikeluarkan — sesiapa yang hendak mendirikan bong mestilah mempunyai kawasan yang luas dan sekurang-kurangnya 3.2 kilometer dari bandar. Dengan peraturan tersebut temasya pelagaan lembu-kerbau di Kelantan semakin bertambah kurang dan beberapa tahun sebelum pecah Perang Dunia II temasya itu boleh dikatakan telah berhenti langsung.

Tetapi dalam zaman pemerintahan Jepun, permainan tersebut dihidupkan kembali dengan meriahnya. Sebuah bong didirikan di Wakaf Siku. Bagaimana pun bong itu telah ditutup juga bila perang selesai. Dan sekarang hanya sekali-sekala saja diadakan sebagai pertunjukan istimewa untuk pelawat-pelawat luar negeri.

Bong atau gelanggang itu sebesar padang bola sepak biasa. Ditengahnya dikhaskan satu kawasan yang dipagar dengan kukuhnya bagi tempat pelagaan itu dijalankan. Orang yang mengurus pelagaan itu terdiri dari tuan punya binatang (unar), gembala (terinar), pengadil (ketua bong), 12 orang juara (juara pengadu) dan beberapa orang bomoh.

Pagi-pagi pada hari perlawanan itu, satu istiadat memuja binatang yang akan dipertandingan itu akan dilakukan oleh bomoh masing-masing dalam satu majlis istimewa disebut 'kembang' yang diadakan oleh tuan punya itu sendiri. Binatang itu kemudian akan dimandikkan dengan bedak langir atau berlimau. Binatang tersebut sekali lagi akan dipuja sebelum dibawa ke gelanggang.

Sebelum pelagaan dimulakan ketua bong dan juara lebih dulu

melakukan kewajipannya memilih dan menetapkan tiap-tiap seekor binatang yang akan mengambil bahagian dalam satu-satu perlawanan. Setelah penetapan tiap-tiap pertandingan itu diputuskan, maka tuan punya binatang pula akan dibenarkan memeriksa binatang lawannya dengan menyapu tengkok, kepala dan tanduk dengan kain basah, kerana menghilangkan syak wasangka kalau-kalau ada di antaranya yang cuba menyapu ubat pemedith atau lemak harimau yang memang ditegah.

Masa atau lamanya tiap-tiap satu pelagaan itu ialah diantara 30 — 45 minit bagi pasangan binatang yang baik. Tetapi bagi yang kurang baik seperti lembu dogol (lembu tiada tanduk) maka perlawanannya kadang-kadang mengambil masa sehari suntuk. Kerana biasanya lembu dogol selalu berhenti-henti dan keputusannya pun kebanyakannya sama belaka.

Kalah menang dalam perlagaan itu selalunya ditentukan bila salah seekor di antara yang berlaga itu berkali-kali mlarikan diri dari perlawanan. Biasanya binatang tersebut 2 — 3 kali diuji supaya meneruskan perlawanan semula sebelum ditetapkan kekalahan. Dalam pelagaan lembu ini ada unsur perjudian tapi sikit saja di mana penonton-penonton bertaruh wang sesama mereka. Permainan ini diadakan selepas musim menuai padi dan ini tidaklah dapat disamakan dengan permainan lumba kuda yang hanya digunakan untuk berjudi semata-mata.

(I) Menyabung ayam

Menyabung ayam dianggap permainan judi dan menganiaya binatang. Kerana itu permainan menyabung ayam telah diharamkan oleh pemerintah sekarang, walau pun ia adalah permainan pusaka nenek moyang. Dipercayai bahawa "permainan yang sebenarnya adalah berasal dari istana — ertinya dari kalangan bangsawan, anak raja-raja atau orang besar-besar pada masa dulu bersenang-lenang, tidak bekerja apa-apa dan mereka menghabiskan masa dengan menyabung ayam, bertaruh dan bersukaria di gelanggang-gelanggang sabung kadang-kadang kalau kalah ada taruhan-nya. ertinya kerana malu maka keris pun dicabut dan langkah pun dibuka."¹⁴

Contohnya dapat dibaca daripada cerita Raja Chulan yang menyabung ayam di Trengganu hingga akhirnya bahteranya karam dan seluruh negeri Trengganu terbakar. Sampai sekarang permainan menyabung ayam ini dianggap permainan asli orang Melayu.

Ayam sabung di bawah jagaan pawang. Tiap-tiap saekor ayam mempunyai seorang pawang yang dipanggil 'juara ayam'. Juara inilah yang mengetahui selok belok ayam dan perlawanan tersebut. Juara tahu hal mata, kaki, bulu dan penyakit ayam. Dari segala-gala ini ia meramalkan atau menawar jampi sesuatu. Juara juga boleh meramalkan alah-menang ayam.

14 Baharuldin Araf, "Menyabung Ayam", *Musika*, Jun 1956, hal. 10.



(Gambar Muzium Negara)

Menyabung Ayam.

Ayam itu sebelum disabung dipelihara dengan baik. Setiap hari diurut, dimandikan, diberi makan barang-barang mengandung zat seperti padi, telur dan daging cincang. Pada malam sebelum perlawaan diadakan ayam itu dimandi sintuk-limau dan pawang berjaga takut dikhianati oleh lawan dengan menghantar hantu untuk menyusup candu ke mulut ayam. Di gelanggang yang dinamakan bong ayam terdapat ramai penonton. Mereka membuat taruhan sebelum perlawaan bermula dan kadang-kadang hingga beribu ringgit.


Masa menyabung 15 minit satu perlawaan atau satu pusingan. Masa 15 minit ini menurut istilah orang Kelantan satu jam. Masa 15 minit ini juga disebut 'satu kali air'. 'Satu kali air' maknanya satu kali ayam dimandikan. Selepas 15 minit (sejam menurut mereka) perlawaan dihentikan dan ayam dimandi dan diurut oleh juara. Kemudian perlawaan dimulakan kembali. Demikian berturut-turut dilakukan hingga salah saekor daripada ayam itu kalah. Kekalahan ayam itu ditentukan apabila ia lari, pengsan atau mati.

Hitungan jam tidak mengikut jam moden dalam hal menyabung ayam. Sebaliknya digunakan tempurung 'jantan' ditebus sehalus jarum dan diletakkan atas air. Tempurung 'jantan' ialah tempurung yang tidak ada lubang. Saat diletakkan tempurung atas air dimulakan perlawaan dan bila tenggelam maka perlawaan dihentikan sementara kerana demikian bererti sejam bagi mereka.

(m) Pertandingan burung merbok

Di Kelantan ramai orang memelihara burung merbok. Tetapi orang Kelantan menyebutnya burung ketitir. Burung merbok atau mengikut orang Kelantan burung ketitir tidak semata-mata dipelihara. Ia merupakan satu hiburan dan permainan bagi orang yang memeliharanya itu. Di Kelantan umpamanya orang menggunakan burung merbok ini untuk 'mengangguk' atau mengadukan suara burung-burung itu. Burung-burung merbok yang diadukan suaranya itu diberi nama yang baik-baik seperti anak naga, anak merak, anak ular, anak tetawak, emas sepuluh emas kuning dan lain-lain.

Untuk mengadakan peraduan mengangguk itu ada caranya. Orang yang hendak mengadukan burung itu memasukkan burungnya ke dalam sangkar yang dibuat khas dan digantungkannya tinggi lebih kurang 6 meter kepada tiang buluh yang dinamakan 'tiang angguk'. Ini biasanya dilakukan di tempat rehat dan tempat lapang hanya ada sedikit-sedikit bayang pokok. Dan penggemar-penggemar peraduan pun duduklah mengelilingi tiang-tiang angguk itu tadi. Juara atau tuan punya burung masing-masing akan mengagahkan burung masing-masing supaya berkuku misalnya dengan memetik jari atau lain-lain cara yang tersendiri. Dari irama dan suara kukuan burung itulah ditimbang atau diadilkan suara burung manakah yang paling merdu dan burung yang bersuara merdu itulah yang menang. Di Kelantan mengangguk burung sudah menjadi satu temasya yang indah. Hingga sekarang temasya ini masih diadakan.



Burung Merbok (Ketitir).

Kedatangan Barat Dan Kesannya

Inggeris mula masuk dan memerintah Kelantan pada tahun 1910.¹⁵ Pada tahun 1909 Perjanjian Bangkok telah ditandatangani oleh Siam dan Inggeris di mana salah satu syaratnya negeri-negeri Kelantan, Kedah, Perlis dan Trengganu diserahkan kepada Inggeris. Dengan perjanjian ini juga penasihat Siam telah diganti dengan penasihat Inggeris di negeri-negeri tersebut kecuali Trengganu. Bermula dari saat ini Inggeris dengan secara langsung dapat campurtangan dalam pemerintahan negeri Kelantan.

Istana sebagai pusat perkembangan unsur-unsur budaya khususnya yang bersifat hiburan telah mengalami kelemahan dengan kedatangan Inggeris. Ini disebabkan corak pentadbiran baru yang diperkenalkan oleh Inggeris menyebabkan istana itu tidak dapat lagi berfungsi sebagaimana dalam masyarakat Melayu tradisi. Misalnya kedudukan kewangan golongan yang memerintah terhad kerana mereka diberi gaji yang tetap oleh pihak Inggeris. Hasil dari ini mereka tidak mampu lagi membaiayai kumpulan-kumpulan hiburan (kumpulan seni dan mainan) di istana.

Pertambahan bandar-bandar dengan pesat berasaskan perkembangan ekonomi secara besar-besaran telah mengambil alih peranan istana sebagai pusat perkembangan budaya yang baru; bandar-bandar muncul sebagai pusat penerimaan dan penyesuaian pengaruh-pengaruh budaya luar terutama yang diresapi dari Barat. Unsur-unsur seni dan mainan yang menjadi hiburan yang berkembang di pusat-pusat bandar ini rata-ratanya berorientasikan kebendaan kerana dipengaruhi oleh Barat. Matlamat sekarang ialah keuntungan. Penghasilan unsur-unsur hiburan telah menjadi sebahagian dari aktiviti ekonomi orang perseorangan atau kumpulan. Bila tujuan hiburan (seni atau mainan) itu mencari keuntungan bermakna terdapat percubaan untuk menarik seberapa ramai peminat. Jadi untuk menarik seberapa ramai peminat ini mestilah mengikut kehendak-kehendak atau kemauan selera peminat-peminat itu sendiri, sehingga kadang-kadang nilai-nilai seni kurang dipertimbangkan.

Satu corak perkembangan baru di bandar-bandar ini ialah hiburan yang lebih bercorak massa dan dengan perkembangan sains terdapat alat-alat atau media seperti filem, radio, televisyen, dan majalah. Alat-alat ini mengambil peranan utama dalam penyebaran unsur-unsur hiburan yang bercorak popular ini.

Unsur-unsur hiburan tradisi itu masih terdapat di kampung tetapi telah berkurangan. Penciptaannya dipengaruhi oleh unsur-unsur baru yang dibawa oleh Barat. Misalnya, kumpulan-kumpulan drama tradisional di kampung cuba mencari keuntungan. Jadi kalau dahulunya kumpulan atau orang-orang perseorangan hanya merupakan amatir saja atau secara sambilan, sekarang mereka menjadi profesional.

15 Lihat Ong Su-Ming, "Kelantan and Trengganu 1909 — 1939" *JMBRAS*, Vol. XXXVIII, Pt. 1, 1965.

Sebagai contoh permainan wayang kulit cuba dipopularkan dengan tujuan mencari keuntungan. Soal tema cerita itu telah diselitkan dengan berbagai unsur baru, misalnya, muzik moden, seperti rentak Hindustan. Penganjur-penganjur hari ini ialah mereka yang mencari keuntungan juga. Penuntun dikenakan tiket. Masa dulu raja merupakan penganjur; mereka tidak mencari keuntungan cuma hiburan. Tetapi dengan adanya persaingan daripada wayang gambar, radio dan televisyen, maka unsur-unsur hiburan tradisional yang telah sedia ada dalam masyarakat Melayu Kelantan seperti Mak Yong, wayang kulit dan wau, tidak lagi mendapat perhatian yang sewajarnya terutamanya bagi golongan muda. Sebab itulah Anker Rentse, dalam 1930-an lagi, berkata "the wayang kulit is dying, killed by western ideas and especially by the cinemas".¹⁶

Dengan pengenalan pelajaran, sikap dan nilai masyarakat juga berubah. Di samping pelajaran di dalam darjah murid-murid diajar pelajaran jasmani. Dalam bahagian ini diperkenalkan permainan baru seperti bola sepak, badminton, bola keranjang, bola jaring dan sebagainya. Permainan-permainan ini mula diterima oleh masyarakat umum. Jadi permainan tradisi yang memberi hiburan kepada masyarakat dulu telah diganti oleh permainan baru.

Masalah-masalah yang selama ini tidak terjawab mengenai alam sekeling sudah mulai jelas dan terang kerana proses pemodenan dalam masyarakat. Umpamanya kalau padi tidak mengeluarkan hasil yang banyak, itu bukan kerana semangat padi merajuk tetapi tanah kekurangan baja atau terdapat penyakit pokok. Cara mengatasinya ialah dengan membubuh baja dan mencari ubat tanaman. Fikiran orang ramai telah mulai berjejak di bumi nyata. Soal kuasa ghaib dan metos atau dongeng telah mulai hilang. Cerita-cerita selampit, wayang kulit, Mak Yong, merupakan cerita dewa-dewi yang sukar diterima oleh akal khususnya oleh golongan muda kerana penuh khayalan.¹⁷ Kerana itu mereka lebih suka menikmati hiburan yang dibawa oleh Barat.

16 Anker Rentse, "The Kelantan Shadow Play (Wayang Kulit)", *JMBRAS*, Vol. 14, Pt. 3, 1936, hal. 300.

17 Salleh bin Mohd. Akib, op. cit, hal. 83.

LAMPIRAN

ORANG-ORANG YANG DITEMURAMAH

1. Che' Minah bt. Che' Omar, umur 50 tahun; tinggal di Kampung Jakar, Temangan, Kelantan. Ahli pasukan Mak Yong dan telah menceburkan diri dalam lapangan ini sejak beliau berumur 20 tahun lagi.
2. Hamzah bin Taib, umur 45 tahun; beralamat di Kampung Merbau Labi, Temangan, Kelantan. Pernah menjadi Dalang wayang kulit lebih daripada 10 tahun.
3. Idris bin Muda, berumur 46 tahun; tinggal di Kampung Pangkal Jenereh, Temangan, Kelantan. Ahli dalam permainan wau dan pernah beberapa kali mewakili Kelantan dalam pertandingan wau di peringkat kebangsaan seperti di Kedah pada tahun 1974.
4. Imam Che' Mud bin Haji Imam Che' Cob, berusia 50 tahun; bertempat di Kampung Surau Kemuncut, Temangan, Kelantan. Mempunyai keahlian dalam permainan wau dan pernah mewakili Kelantan dalam pertandingan wau di Kedah pada tahun 1974.
5. Ismail bin Awang, guru tari inai dan tinggal di Tanah Merah, Kelantan.
6. Ismail bin Sulaiman, umur 48 tahun; tinggal di Kampung Jakar, Temangan, Kelantan. Menjadi juara (bomoh) ayam sejak berumur 18 tahun lagi.
7. Mamat bin Abdullah, tinggal di Kampung Jakar, Temangan, Kelantan. Tahu berkenaan hal Selampit.
8. Mohd. Nor bin Yunus, berusia 37 tahun; tinggal di Kampung Pangkal Pulai, Tanah Merah, Kelantan. Pernah menjadi Dalang wayang kulit sejak berumur 18 tahun lagi. Juga mempunyai keahlian dalam permainan kertok.
9. Mustafa bin Idris, menjadi juara Dikir Barat dan anak murid Ariffin Ana juara yang masyhur di Kelantan.
10. Tuan Jenal bin Engku Nik. Berpengetahuan tentang permainan burung ketitir.
11. Wan Hamat bin Wan Yunus, umur 58 tahun; beralamat di Kampung Pangkal Chuit, Temangan, Kelantan. Guru silat.
12. Zakaria bin Seman, umur 65 tahun; tinggal di Kampung Pangkal Chuit, Temangan, Kelantan. Berpengalaman dalam membuat rebana; menjadi pengadil dalam pertandingan rebana dan juga menjadi bomoh rebana.

Perkembangan Seni Ukir

Mustapha bin Mohammad*

Pendahuluan

MASYARAKAT moden hari ini telah melupakan segala bentuk kecantikan dan keunikan benda-benda yang sangat tinggi nilai seninya. Satu-satu peralatan yang agak pelik dan bersejarah pandangannya hanya akan disimpan dan digelar sebagai barang-barang 'antik' tanpa orang ramai mengetahui asal usul serta kedudukannya di masa yang lalu. Walau pun ada golongan masyarakat yang benar-benar sedar dan ingin mengetahui perkembangan bahan-bahan tersebut, akibat kurangnya pengkajian dalam bidang itu, maka ia akan tetap tinggal seperti sediakala tanpa kesedaran yang sungguh-sungguh. Siapakah yang harus dipersalahkan dalam soal ini?

Sejarah Seni Ukir

Pada keseluruhannya, seni ukir dapat dilihat dalam berbagai bentuk dan penghasilan. Tetapi untuk pengkajian ini, penulis lebih suka membuat pembahagian kepada dua penjenisan:—

- (i) Seni Ukir Kayu
- (ii) Seni Ukir Perak

Sepertimana yang diketahui dan diakui umum, seni ukir yang wujud pada hari ini mempunyai sejarah yang panjang sejak berabad-abad yang lalu. Seperti seni-seni yang lain, ia tidak dapat ditentukan dari mana asalnya, siapa yang memulakannya dan bila ianya dicipta. Seorang pengukir kayu yang terkenal di Kelantan berkata: "Mengkaji sejarah perkembangan seni ukir bukanlah satu perkara yang mudah, kerana kita tidak mempunyai bahan-bahan rujukan, serta seni ini hanya terdapat di tiga negeri sahaja di Malaysia ia itu Kelantan, Trengganu dan sedikit sekali kedapatan di Pahang. Sampai sekarang pun para pengkaji tidak dapat meneka bilakah ia dimulakan."¹

* Penulis adalah kelulusan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, tahun 1979.

1. Temuramah dengan Encik Abdul Latif, seorang pengukir kayu yang terkenal di Kota Bharu pada 25 Ogos, 1978.

Memandang kepada kesulitan-kesulitan ini serta ketiadaan sumber-sumber yang jelas berkenaan dengannya, maka pendekatan yang diambil hanya melalui hipotesis berdasarkan tinggalan-tinggalan dahulu kala seperti kapak, batu atau beliong,² perkakas-perkakas dari logam, tembikar dan tulang-tulang binatang.

Dari kajian Sosiologi dan Antropologi pula, kita dapat perkembangan ketamadunan manusia mengalami beberapa peringkat. Sifat-sifat atau ciri-ciri yang terdapat pada setiap peringkat itu ialah alat-alat ciptaan manusia dalam memenuhi keperluan hidupnya.³ Kita dapat perhatikan perkembangan tamadun manusia dengan melihat perubahan daripada penghasilan peralatan-peralatan dari yang bersifat *simple* kepada yang lebih kompleks atau dari yang berbentuk biasa kepada yang lebih istimewa. Dari semasa ke semasa manusia mencantikkan alat-alat ciptaan mereka itu dengan ukiran-ukiran berdasarkan selera masing-masing.⁴

Dalam usaha menghasil dan mencipta serta mencantikkan alat-alat tersebut, mereka juga mempercayai bahawa alat-alat yang mereka buat itu mempunyai kuasa-kuasa *supernatural*. Selalunya ukiran-ukiran dipahat dalam rupa bentuk patong atau binatang-binatang, yang sudah tentunya membawa makna tersendiri. Selain dari itu, ukiran-ukiran yang mereka hasilkan itu juga merupakan lambang pemikiran. Ukiran-ukiran seperti ini masih lagi kedapatan pada masyarakat primitif di dunia ini.

Pada zaman neolithik di Asia Tenggara, bukti-bukti artifek jelas menunjukkan bahawa manusia sudah pandai mencipta alat-alat yang mempunyai mutu penciptaan yang tinggi dan halus buatannya.⁵ Hal ini didasarkan pada tinggalan-tinggalan arkeologi iaitu penciptaan peralatan bagi kegunaan harian seperti pinggan mangkuk, tempat-tempat mengisi air, gelang, kendi dan sebagainya, yang sudah mempunyai hiasan dan ukiran-ukiran tertentu. Zaman ini menunjukkan masyarakat telah pun mempunyai cara hidup yang lebih baik terutama dalam hasil-hasil kerja tangan, pertanian dan kepercayaan. Segala-galanya ini menjadi hak bagi sesebuah masyarakat itu dan menjadi satu cara kehidupan yang berkembang. Dengan itu, kebudayaan ini dilanjutkan dari satu jennerasi kepada satu jennerasi yang berikutnya di dalam tradisi, kebiasaan dan organisasi sosialnya.⁶

2. Sejenis alat yang menyerupai mata cangkul tetapi ia lebih kecil. Ia digunakan untuk melicinkan tiang-tiang dengan digunakan secara menggunakan cangkul. Ia juga berguna untuk membuat perahu dari batang kayu yang besar (perahu tebuk). Adalah dipercayai bahawa beliong ini sejenis alat yang terpenting dan paling awal sekali dijumpai selain daripada kapak batu. Bahagian atas matanya diikat pada kayu bulat yang menyerupai bentuk huruf 'L'. Panjangnya lebih kurang 45 cm, atau lebih sedikit. (*Ibid.*)

3. Lihat Lewis Henry Morgan, *Ancient Society*, Cleveland and New York, 1963.

4. Lihat *The Book Of Art. How To Look At Art*, Vol. 10, The Grolier Society of Canada Limited, 1965.

5. Lihat, *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia-Suatu pengenalan latar belakang dan Sejarah Ringkas*, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Aziz Deraman, 1975.

6. Lihat "New Light On A Forgotten Past", *Geographical Society Magazine*, Vol. 139, No. 3 (March), 1971.

Melalui penyelidikan dan pembuktian oleh ahli-ahli sejarah, ada yang menganggap bahawa Asia Tenggaralah merupakan tempat mula-mula tercipta peradaban manusia bagi seluruh Asia, di mana masa itu masih belum lengkap lagi, sebelum menerima sebarang pengaruh dari luar. Namun begitu ciri-cirinya masih ada dan dapat dilihat dalam kehidupan masyarakat rantau ini sebagai sesuatu yang diperturunkan.

Kalau dipandang kepada kedudukan seni ukir di Semenanjung Tanah Melayu, kita dapat iaitu sudah wujud sejak zaman neolithik lagi. Ini didasarkan pada penemuan tembikar-tembikar yang mempunyai ukiran yang *simple*. Mengikut R.O. Winstedt "Their chief interest lies in their diversity of form ... simple incised patterns."⁷ Selain daripada mempunyai "simple incised patterns," terdapat juga ukiran-ukiran pada tembikar-tembikar yang berupa bunga teratai telah dijumpai dalam Sungai Johor di Kota Tinggi.

Dari bukti-bukti yang didapati, nyata sekali bahawa seni ukir tersebut telah menduduki satu tempat yang istimewa pada masa lampau, dan berkembang sebagai satu corak kegemaran masyarakat tradisional di negara ini.

Taburan Perusahaan Seni Ukir di Malaysia

Seni Ukir merupakan *cottage industry* bagi orang Melayu pada zaman tradisional. Namun begitu taburannya tidaklah begitu meluas. Ia hanya meliputi negeri Kelantan, Trengganu, dan sedikit sebanyak Pahang. Corak ukiran yang terdapat pada tiap-tiap negeri ini adalah berbeza-beza di antara satu sama lain. Mengikut Nik Rashidin, perbezaan ini adalah disebabkan oleh ilham pengukir itu sendiri serta pengaruh alam terutama sekali *flora* dan *fauna*. Corak-corak ukiran ini telah diwarisi daripada satu jenerasi kepada satu jenerasi dan dapat dikekalkan keasliannya tetapi berbeza, di antara satu negeri dengan negeri yang lain.⁸ Inilah juga salah satu daripada ciri-ciri dalam penghasilan seni ukir tradisional, di mana satu-satu penghasilan ukiran itu dapat dikenali berdasarkan corak, bentuk dan keasliannya.

Kalau kita perhatikan, ketiga-tiga negeri (Kelantan, Trengganu dan Pahang) itu merupakan negeri di bawah naungan kerajaan Siam di utara Semenanjung Tanah Melayu. Dengan itu tidak hairanlah kalau dikatakan bahawa seni ukir ini didatangi dari selatan Siam terutama dari Pattani. Ini didasarkan kepada corak ukiran pada masjid, wakaf, istana, rumah dan sebagainya yang mempunyai banyak persamaan dengan yang terdapat di negeri Siam itu.

Walau pun ketiga-tiga negeri (Kelantan, Trengganu dan Pahang) itu mempunyai perusahaan seni ukir masing-masing yang tersendiri, namun

7. Lihat Richard O. Winstedt, *The Malays — A Cultural History*, London, 1961.

8. Temuramah dengan Nik Rasyidin, seorang pengukir di Kota Bharu, pada 28 Ogos, 1978.

coraknya memperlihatkan pengaruh mempengaruhi di antara satu sama lain. Malah ada yang berpendapat, seni ukir yang wujud di Trengganu dan Pahang pada asalnya diperkembangkan oleh pengukir-pengukir dari negeri Kelantan.⁹ Menurut Abdul Latif, yang mendengar daripada arwah ayahnya, juga seorang pengukir kayu di istana raja dan rumah pembesar-pembesar negeri, pada masa dahulu di Trengganu dan Pahang tidak kedapatan pengukir-pengukir kayu yang mahir. Oleh kerana golongan istana susah untuk mendapatkan pengukir-pengukir kayu bagi mencantikkan istana kayu mereka, maka diutuskan orang untuk mencari pengukir kayu dari Kelantan supaya bekerja buat sementara waktu bagi menyudahkan beberapa bahagian istana.

Akibat tidak ada kenderaan-kenderaan sepetimana hari ini, maka perjalanan dari negeri-negeri berkenaan memakan masa yang sangat lama dengan berjalan kaki. Keadaan ini menyebabkan pengukir-pengukir tadi mengambil keputusan untuk tinggal menetap di tempat baru serta berkahwin dengan gadis-gadis tempatan. Hal ini berterusan dan ilmu ukiran tersebut kemudiannya diperturunkan kepada jenerasi demi jenerasi.

Seni Ukir Di Kalangan Orang Kelantan

Orang Melayu pada zaman dahulu mempunyai masa lapang yang banyak terutama sekali setelah mengerjakan sawah padi, berladang atau pun mengumpul makanan.¹⁰ Kerja-kerja yang dijalankan oleh orang Melayu dahulu tidak dapat dilakukan sepanjang tahun. Sebagai contoh, seseorang petani yang menanam padi dan seseorang nelayan yang turun ke laut, dalam menjalankan kerja harian ini untuk kehidupan harian sekeluarga, tidak dapat dilangsungkan sepanjang tahun. Dengan menanam padi sekali setahun itu, mereka mempunyai masa panjang selepas menuai menunggu musim yang berikutnya. Begitu juga halnya seorang nelayan; mereka akan kehilangan punca pencarian apabila tiba musim ombak besar khasnya pada musim tengkujuh (di pantai timur).

Dalam masa rehat yang panjang beginilah biasanya mereka menggunakan masa itu untuk membuat peralatan-peralatan rumah sendiri seperti gayung, rehal Quran, pengukur kelapa dan sebagainya. Dalam masa menyiapkan penghasilan tersebut itu jugalah timbul minat untuk menghiaskan benda-benda tadi dengan mengukir corak yang agak *simple* pada permulaannya.

Alat yang digunakan untuk mengukir di peringkat awal ini adalah terdiri daripada senjata-senjata biasa seperti pisau, parang, kapak dan sebagainya. Hasil ukirannya juga berbentuk biasa seperti bentuk gerakan turun naik umpamakan alunan ombak di laut.

Lama kelamaan melalui pengalaman, mereka dapat mengkompleks-

9. Abdul Latif, op. cit.

10. Senu Abdul Rahman (ed.), *Revolusi Mental*, Kuala Lumpur, 1971, hal. 8.

kan lagi ukiran pada peralatan-peralatan rumah mereka dengan ukiran-ukiran bunga, daun, pohon-pohon yang tumbuh menjalar dan lain-lain lagi. Pengaruh alam telah memberi ilham kepada mereka dalam menghasilkan corak ukiran yang bermutu. Malah dalam menjalankan usaha-usaha ukiran secara tidak langsung ini juga, mereka telah dapat mencipta perkakas-perkakas (alat-alat yang digunakan untuk mengukir) yang tertentu bagi tujuan mengukir.

Perkakas-perkakas mengukir yang dicipta itu adalah *ideal*. Sampai sekarang pun perkakas-perkakas tradisional seni ukir tersebut tidak dapat diganti dengan perkakas-perkakas moden. Walau bagaimana pun perkakas-perkakas itu telah diperbaharui bentuknya bagi memudahkan mengukir; namun begitu keaslian bentuknya (mata-mata perkakas itu) tetap dipertahankan.¹¹ Di antara perkakas-perkakas yang digunakan bagi kegunaan mengukir (masa ini) ialah:

1. Gergaji: (i) gergaji mata belah,
(ii) gergaji belalang,
(iii) gergaji penggerat.
2. Anak tangga: (i) bulat,
(ii) kecil bulat,
(iii) tiga segi.
3. Cela.
4. Tukul kayu.
5. Beliong.
6. Pahat persegi: (i) kecil,
(ii) sederhana,
(iii) besar.
7. Pahat kuku.
8. Kikir: (i) kakas,
(ii) halus.
9. Ketam: (i) pengasar,
(ii) pelincin.
10. Geridi.

11. Abdul Latif, op. cit.

11. Ekor pari.

12. Batu asah.

Kerja-kerja mengukir ini dianggap sebagai suatu kerja sambilan kerana dilakukan untuk peralatan rumah-rumah sendiri sahaja, kecuali bagi pengukir-pengukir di istana raja. Kegiatan tersebut dijalankan tidak lebih daripada memenuhi masa lapang yang terbiar. Pekerjaan ini tidak menjamin kehidupan seseorang, kerana ukiran-ukiran yang telah siap tidak menerima permintaan atau pasaran dari masyarakat tempatan malah akan di simpan dengan cara yang tidak terjaga di mana-mana saja di rumah sendiri.

Apabila terdapat pekerjaan lain yang lebih mendatangkan hasil atau kerja lama boleh dimulai kembali maka kegiatan mengukir yang sementara tadi akan ditinggalkan begitu saja. Jika kedapatan masa lapang yang lain di masa depan, mungkin ukiran tersebut akan disambung kembali, kalau tidak pun akan terus tinggal begitu saja terus menerus. (Sebab itu kerap kali kita jumpai tinggalan ukiran lama yang berada dalam keadaan separuh siap). Tambahan pula corak ukiran yang diilhamkan itu lahir secara spontan setelah benda-benda yang mereka hasilkan itu siap dikerjakan.

Satu perkara jelas dalam perbezaan ukiran pada rumah biasa dan istana raja pada zaman dahulu ialah dari segi bentuk dan corak. Apa yang terdapat di istana raja tidak akan terdapat pada kebanyakan rumah rakyat biasa. Ini disebabkan oleh adat resam zaman itu yang membezakan milik raja dengan hamba rakyatnya. Kalau tidak akan dicap sebagai penderhaka.

Mengukir juga dibuat oleh penduduk-penduduk sesebuah negeri dengan tujuan-tujuan yang tertentu. Misalnya jika diadakan pertunjukan atau pertandingan pada hari-hari kebesaran seperti hari keputeraan sultan (pada masa yang lalu, hari keputeraan raja diadakan secara besar-besaran) berbagai-bagai permainan dan pertunjukan diadakan disertai dan disaksikan oleh seluruh rakyat jelata. Di masa inilah juga terdapat 'puak-puak' (kumpulan-kumpulan yang biasanya mewakili daerah atau kawasan-kawasan tertentu) yang cuba menunjukkan kebolehan, kepandaian dan kegagahan mereka dalam sesuatu pertunjukan atau perlawanan yang diadakan.

Dalam keadaan ini, mereka akan berusaha sedaya mungkin untuk menaikkan nama puak masing-masing dengan membuat sesuatu yang istimewa dari yang lain, supaya dipuji atau mendapat hadiah-hadiah kemenangan. Yang jelas sekali dapat diperhatikan ialah 'pesta air' di Kelantan pada setiap kali menyambut perayaan hari 'Puja Umur' Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan.¹²

12 Temurah dengan Daud bin Awang, berumur 85 tahun, anak tempatan Kampung Sireh, Kota Bharu, Kelantan.

Dengan adanya 'pesta air' yang berlangsung sepanjang sungai di pinggir bandar Kota Bharu itu, maka rakyat jelata akan dapat melihat satu pertunjukan *perahu cantik* (perahu yang didasarkan kepada reka corak dan hiasan) dan *perahu laju* (perahu yang didasarkan kepada kelajuan). Semua perahu yang dibawa kepertunjukan ini adalah terdiri daripada perahu-perahu yang terkenal dengan kecantikan dan keistimewaan tertentu. Semuanya dipenuhi dengan ukiran-ukiran yang mengagumkan beserta dengan nama-nama yang tersendiri pula.

Kerja *menyobek* perahu ini memakan masa yang begitu lama dan memerlukan keahlian yang sangat tinggi, hingga berjaya menghasilkan satu bentuk kesenian yang halus serta bermutu tinggi. Kadangkala pada kepala sesebuah perahu itu diukir dengan rupa bentuk sesuatu lambang seperti kepala burung bangau, kepala naga, ular, kepala burung raja wali, helang, garuda dan seribu macam yang lain. Ini semua membawa pengertian yang tersendiri pada puak-puak yang menghasilkannya, seperti lambang kegagahannya, moga-moga akan berjaya dalam pertunjukan atau pertandingan yang mereka sertai itu.



(Gambar Muzium Negara)

Ukirian kepala burung Petala Indera Sri Kelantan yang terdapat diperahu kenaikan Diraja Kelantan.

Upacara dan keramaian yang seperti ini berterusan dari setahun ke setahun pada masa dulu. Dengan itu juga perkembangan seni ukir makin bertambah hebat dan keahlian dalam bidang itu juga bertambah tinggi secara tidak langsung. Mana-mana orang yang berjaya menghasilkan ukiran yang paling istimewa akan mendapat perhatian dari pihak istana, dan besar kemungkinan akan menjadi pengukir istana atau 'orang raja'. Dengan cara ini akan berubah nasib seorang pengukir yang bijak itu daripada pengukir biasa secara sambilan kepada seorang pengukir profesional di istana.

Kedudukan Ahli Ukir Pada Zaman Tradisional

Pengukir-pengukir Melayu pada zaman dahulu merupakan orang yang paling miskin hidupnya. Mereka dipaksa bekerja atau mengambil upah di istana raja. Dengan itu kehidupan mereka bergantung pada bayaran yang diberikan oleh raja pada setiap keping ukiran yang telah siap dibuat. Satu-satu keping ukiran itu mengambil masa dua tiga bulan lamanya untuk disiapkan. Dalam jangka waktu itu mereka sukar hendak mencari kerja yang lain bagi menanggung kehidupan keluarga, hingga menjadikan keadaannya bertambah derita dan terhimpit. Kadang-kadang juga berlaku peristiwa di mana upahan mereka tidak dibayar atau pun dianjanjikan untuk dibayarnya kemudian. Inilah yang pernah dialami oleh arwah bapa seorang pengukir.¹³

Apabila seseorang itu telah menjadi ahli ukir istana, ia tidak lagi berpeluang untuk mengukir atau menghiasi kepunyaan sendiri. Tenaganya diperlui pada bila-bila masa sahaja oleh raja serta pembesar-pembesar negeri, dengan disediakan segala keperluan yang minima bagi kehidupan anak dan isteri. Rumah pengukir-pengukir ini ditempatkan di sekitar istana atau rumah-rumah pembesar supaya senang dijemput jika raja dan pembesar memerlukan tenaga mereka.¹⁴

Biasanya golongan pengukir istana ini juga tidak diam setempat. Mereka terpaksa berpindah dari satu tempat ke satu tempat lain terutama sekali apabila *patron* mereka berpindah. Istana Tengku Sri Akar yang didirikan berhampiran dengan Sungai Kelantan, yang dihiasi dengan ukiran-ukiran tumbuhan yang menarik, dipercayai terukir oleh pengukir dari Pattani.

Mengikut Pak Su Lah, Tengku Sri Akar adalah keturunan dari raja Pattani yang telah lari ke Kelantan setelah ditewaskan oleh tentera Siam. Adalah dipercayai bahawa baginda telah membawa bersama-sama pengukir-pengukir kayu (dari sana) lari ke Kelantan.¹⁵

13. Abdul Latif, op. cit.

14. Lihat Mubin Sheppard, *Taman Indera, Malay Decorative Arts And Pastimes*, Kuala Lumpur, 1972, hal. 149.

15. Temuramah dengan Pak Su Lah, berumur 80 tahun, dari Kampung Pasir Panjang, berhampiran Kuala Besar, Kelantan pada 29 Ogos, 1978.

Di samping berbakti kepada raja dengan mempersembahkan ilham ciptaan pada ukiran-ukiran yang dihasilkan, pengukir-pengukir kayu Melayu juga tidak ketinggalan membuat kebaikan terhadap masyarakat umum. Ini dapat dilihat melalui penghasilan ukiran ayat-ayat suci Al-Quran pada mimbar-mimbar, tiang, pintu dan sebagainya di masjid-masjid lama di Kelantan. Selain daripada ayat Quran, kita juga dapat melihat ukiran dalam bentuk 'berbunga' sepertimana yang terdapat di antara 'sutok tiang' (persimpangan antara palang atas dan tiang bawah pada sesebuah bangunan kayu) pada Masjid Kampung Laut, sebuah masjid tertua dan masih baik lagi, terletak di tebing Sungai Kelantan.¹⁶

Selain daripada itu, pengukir-pengukir kayu Melayu bersama-sama dengan penduduk-penduduk tempatan banyak mendirikan wakaf, di mana khidmat ukirannya akan dapat diperhatikan pada serambi atau bumbung wakaf-wakaf tersebut. Sesuai dengan masyarakat Kelantan waktu itu yang dikenali dengan sifat keislaman yang kuat maka segala bentuk ukiran yang dihasilkan adalah berunsur keislaman. Penghasilan dalam bentuk-bentuk itu wujud dalam corak yang dikenali hari ini sebagai 'Tulisan Khat'.



(Gambar Muzium Negara)

Ukiran yang terdapat di salah satu dari tiang Masjid Kampung Laut.

16. Masjid Kampung Laut ini telah pun dialih dari tempat asalnya akibat ancaman banjir. Sekarang ianya didirikan kembali dalam bentuknya yang asal di Nilam Puri, berhampiran Pusat Pengajian Tinggi Islam Kelantan. Masjid ini dipercayai berumur lebih dari 300 tahun.

Kenapa ukiran dibuat pada tempat-tempat tertentu dalam sesebuah masjid? Ini berkemungkinan untuk menyenangkan pandangan raja, pembesar serta jemaah-jemaah yang lain ketika menghadiri khutbah-khutbah, khususnya pada hari jumaat. Dengan ini akan menarik para pengikut Islam untuk mendekati dirinya kepada rumah ibadat.

Kemahiran pada seseorang pengukir adalah diperolehi secara semula jadi, yang diperturunkan dari satu jenerasi kepada satu jenerasi.¹⁷ Semakin mahir dan lama seseorang pengukir itu mengukir, maka semakin banyak dapat mengilhamkan corak-corak ukirannya. Kadang-kadang amat sukar diberi nama pada hasil-hasil ciptaan mereka sendiri, hinggakan ada pengukir menamakan hasil ukirannya dengan nama-nama asing seperti 'Bunga Belanda'.¹⁸

Sebagaimana yang telah dinyatakan awal-awal lagi, ukiran yang dipahat oleh pengukir-pengukir dahulukala terdapat dalam bermacam-macam benda. Bagi nelayan yang mempunyai perahu untuk menangkap ikan di laut atau sungai, maka ukiran akan dapat dibuat pada kepala-kepala perahu dalam bentuk kepala burung bangau atau lain-lainnya. Bagi golongan-golongan ini, ukiran burung bangau atau lain-lain ukiran bukan bertujuan untuk menarik hati raja, tetapi sebagai satu cita-rasa yang *esthetic*.¹⁹

Corak Atau Jenis Ukiran Tradisional

Corak tradisional yang paling terkenal dan selalu diukir oleh pengukir-pengukir Melayu Kelantan, sama ada pada kayu atau logam (perak) ialah bentuk bunga-bungaan atau tumbuh-tumbuhan. Corak ukiran ini pada asalnya dihasilkan oleh pengukir-pengukir kayu, kemudiannya telah ditiru oleh pengukir-pengukir logam. Corak-corak ukiran ini juga di dapati di negeri-negeri Thai, India, China dan Jawa, tetapi jika dibandingkan betul-betul, akan didapati perbezaan-perbezaan yang khusus.

Reka bentuk ukiran daun yang terkenal sekali, tapi jarang terdapat, ialah jenis 'daun teratai'. Ukiran daun teratai ini adalah dikatakan peniruan dari ukiran-ukiran India Purba semasa perkembangan agama Budha di Ligor dan Langkasuka.²⁰ Lebih masyhor dari itu ialah 'Awan

17. Abdul Latif, op. cit. Adik-adiknya yang lain yang terdiri daripada laki-laki telah memperolehi kemahiran mengenai seni ukir daripada ayahnya, seorang pengukir yang terkenal pada suatu ketika dahulu. Mengikut Abdul Latif, semasa ia berumur tujuh tahun lagi ayahnya telah mengasuhnya mengukir. Ketika ayahnya meninggal, Abdul Latif telah dapat menguasai keseluruhan ilmu berkenaan. Hingga kini dia telah mendapat perhatian dari segenap lapisan masyarakat dari dalam dan luar negeri, serta berjaya membuka sebuah bengkel untuk memenuhi permintaan pelanggannya.

18. Munib Sheppard, op. cit., hal. 148.

19. Munib Sheppard, op. cit. hal. 154.

20. Ibid., hal. 154.

'Larat' yang merupakan salah satu corak ukiran yang paling tradisional dan asas bagi melahirkan corak ukiran berdasarkan tumbuh-tumbuhan yang melata.²¹

Selain dari jenis ukiran bungaan dan tumbuhan, satu lagi jenis ukiran tradisional yang popular ialah 'ukiran Khat' atau ukiran ayat-ayat Quran. Ukiran khat ini dipercayai berasal dari Arab atau Parsi dalam bentuk sulaman pada kain-kain tertentu, kemudiannya telah diukir pada kayu-kayu oleh pengukir-pengukir kayu Melayu. Ianya banyak sekali terdapat pada rumah-rumah lama yang didiami oleh para alim ulama.²²

Pengaruh Pada Seni Ukir Tradisional

Seperti yang telah diakui oleh para pengkaji, seni ukir di pantai timur Semenanjung Malaysia tidak dapat ditentukan dari mana asal usulnya. Tetapi setengah-setengah ahli sejarah berpendapat ianya didatangi dari tanah Jawa sejak berabad-abad yang lalu. Kenyataan ini didasarkan pada motif-motif ukiran bunga dan daun, yang juga ada terdapat di krator-krator dan Candi Borobudur.²³

Pendapat yang lain pula seni ukir yang terdapat di Jawa itu adalah ditiru dari Tanah Melayu.²⁴ Hal ini pula didasarkan pada ukiran-ukiran bunga serta tumbuhan-tumbuhan yang terdapat di Tanah Melayu itu lebih lembut serta halus buatannya dari ukiran yang terdapat di Jawa sendiri. Namun begitu perusahaan seni ukir di Jawa adalah lebih meliputi keseluruhan pulau tersebut sedangkan di Malaysia ianya tertumpu pada kawasan pantai timur sahaja. Dengan alasan-alasan ini, maka kedua-dua pendapat yang dikemukakan itu dapat diperdebat dan dipersoalkan lagi malah memerlukan pengkajian yang berterusan untuk mencari satu jawapan yang lebih repat.

-
21. Nik Rasyidin, op. cit. Ilham yang diambil bagi menghasilkan Awan Larat dipercayai dari 'lingkar telapak jari ibu'.
 22. Pak Su Lah, op. cit. Penulis telah pergi ke Pasir Panjang, berhampiran dengan Muka Kuala (Kelantan), di mana terdapat dua buah rumah lama yang banyak terdapat ukiran khat. Mengikut Pak Sul Lah, kedua-dua rumah itu adalah dimiliki oleh seorang *Mualim* yang terkenal pada masa dahulu. Rumah itu dipenuhi dengan ukiran-ukiran khat pada kiri kanan serta dinding depannya. Mualim tersebut adalah seorang guru agama yang terkenal dan kaya. Rumah ini dianggarkan berumur lebih 100 tahun. Kini rumah itu terbiasa begitu saja dan tidak dijaga; tambahan pula letaknya terpencil dari rumah-rumah lain. Keseluruhan rumah itu diperbuat dari kayu cenggal; tiang-tiang dan dindingnya masih baik lagi.
 23. Abdul Latif, op. cit. Beliau mendapat keterangan ini dari Tan Sri Mubin Sheppard, kawan baiknya yang ketika itu sedang menyiapkan bukunya bertajuk *Tamn Indera Malay Decorative And Pastime*.
 24. Ibid. Juga diterima dari seorang sarjana Barat yang kebetulan melawat bengkelnya pada tahun 1973 di mana beliau sedang membuat kajian dalam bidang itu.

Seni Ukir Masa Sekarang

Walau pun seni ukir merupakan sesuatu hasil ciptaan yang sangat tinggi nilai seninya, tetapi akibat daripada pengaruh-pengaruh dan masalah-masalah tertentu, maka kita dapatkan perkembangannya di zaman moden ini sangat menyedihkan.

Faktor penting yang menghalang perkembangan seni ukir ialah soal kekurangan pasaran dan sambutan orang ramai. Akibat dari bayaran serta pendapatan yang kurang memuaskan ini, satu-satu hasil kraftangan tidak dapat dihasilkan dengan banyak oleh para pengukir. Justru itu pengukir atau pencipta kraftangan yang lain kurang menumpukan perhatian penuh apabila mereka merasakan tenaga yang dicurahkan tidak mendatangkan untung.²⁵

Pengukir-pengukir di Kelantan sekarang lebih suka mencari kerja-kerja yang lain seperti bertani atau turun ke laut sebagai punca pendapatan sekeluarga. Ini semua memperlihatkan satu pergerakan menuju ke zaman 'kegelapan' dalam bidang seni ukir Kelantan. Belia-belia Melayu memandang sepi kepada perusahaan ini, menganggapnya sebagai satu kegiatan yang tidak lebih dari memenuhi masa lapang, jauh sekali untuk menggantungkan kehidupan yang terjamin di masa depan.

Kehidupan masyarakat moden sekarang yang terlalu memuja-muja pelajaran sains dan teknologi telah menjauhkan lagi pandangan jenerasi baru dari perusahaan seni ukir. Segala macam peralatan yang diimport dari Barat telah menjadi pilihan utama golongan elit hari ini, walau pun benda-benda itu diperbuat daripada mesin-mesin yang sedikit pun tidak mempunyai nilai seni yang halus sepetimana hasil kerja tangan Melayu asli.


Mempelajari ukiran supaya mencapai taraf kemahiran yang setanding dengan pengukir-pengukir yang masyhor memerlukan ketekunan, minat serta jangkamasa yang lama. Melihat kepada kurangnya usaha 'menurunkan' kepandaian seni ini kepada jenerasi-jenerasi yang baru hari ini, tidak syak lagi bidang tersebut akan mati tak berkubur dalam tempoh tak sampai lima puluh tahun yang akan datang.

Masalah Yang Dihadapai Oleh Perusahaan Seni Ukir

Memang tidak dapat dinafikan hasil kraftangan (ukiran) ciptaan dari Kelantan benar-benar menarik dan melambangkan keperibadian bangsa hingga menawan hati peminat-peminat bukan saja di negara kita sendiri tetapi juga pelancong dari negara luar.²⁶ Kenapakah perusahaan ini bertambah kurang dihasilkan hari ini?


25. Hambali Abdul Latif, "Ahli-ahli Ukiran Kita Perlu Sambutan Dan Pemasaran," *Berita Harian*, 28 Mac, 1975.

26. Ibid.



(Gambar Muzium Negara)

Ukiran-ukiran yang terdapat dari istana-istana dan rumah-rumah lama di negeri Kelantan. Ukiran seperti ini selalu di letak atau di pasang di dinding-dinding supaya angin dan udara dapat menyejukkan bilek.



(Gambar Muzium Negara)

Adang-adang lipat empat berukir,* yang telah disiapkan oleh Pahatan Jurukir Traditional, Kota Bharu Kelantan. Biasa digunakan didalam rumah untuk memisahkan bilik tetamu dari bilik makan.

* menggunakan kayu cengal.



(Gambar Muzium Negara)

Katil kelamin berukir menggunakan kayu sena dan telah disediakan oleh Pakatan Jurukir Traditional, Kota Bharu, Kelantan.

Untuk menyudahkan sesuatu ciptaan, terutamanya ukiran yang baik dan bermutu di atas kayu yang keras, akan memakan masa berminggu-minggu, malah ada yang berbulan-bulan. Jika bayarannya tidak berpadanan, sudah tentu pengukir itu tidak sanggup untuk mencurahkan kemahirannya dengan sepenuh hati. Dalam keadaan ini, mereka tidak lagi menganggap kraftangan itu sebagai satu kerajinan yang serius, tetapi sekadar untuk menambah pendapatan.²⁷

Dalam soal menentukan harga juga menjadi satu masalah kepada pengukir-pengukir Kelantan hari ini. "Kalau rendah, tidak berpadanan dengan tenaga yang telah dicurah, kalau mahal kurang pula pembeli".²⁸ Hal ini menjadi satu dilema kepada pengukir-pengukir, sedangkan ukiran itu sendiri merupakan satu lapangan rumit dan perlu dikerjakan dengan sepenuh hati.²⁹

Melihat kepada adanya pertandingan yang hebat antara hasil kraftangan (ukiran) dengan hasil perabut moden hari ini maka pengukir-pengukir tempatan terpaksa berhati-hati dalam meletakkan harga ke atas bahan-bahan ukirannya. Soal ini juga akan menentukan kewujudan perusahaan seni ukir yang berpanjangan di masa yang akan datang.

Masadepan Perusahaan Seni

Akibat adanya kajian dan kesedaran yang objektif pada masa ini, perusahaan seni ukir telah mulai mendapat perhatian dari institusi-institusi kewangan, pusat-pusat pengajian tinggi, badan-badan pelancongan, ahli-ahli perniagaan serta orang-orang kaya dari seluruh negara. Justru itu, banyak tempahan telah dibuat kepada pengukir-pengukir tempatan yang berupa ukiran-ukiran pada pintu-pintu, alat-alat perhiasan dan sebagainya. Keadaan ini telah memberi peluang kepada pengukir-pengukir kayu khasnya untuk memperluaskan lagi perusahaan mereka dengan melatih lebih ramai kakitangan bagi memenuhi permintaan yang kian bertambah.

Memiliki benda-benda yang berukir tangan terutama perabut-perabut rumah seperti almari, kerusi meja, katil dan lain-lain telah menjadi satu kemegahan golongan elit sekarang. Ini merupakan satu petanda baik bagi kemajuan dalam bidang seni ukir tersebut. Kementerian Kebudayaaan, Belia Dan Sukan telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk memajukan seni ukiran kayu dengan jalan mengadakan pamiran-pamiran serta pertandingan bagi pengukir-pengukir kayu Melayu. Inisiatif ini bertujuan menghidupkan kembali kemahiran orang Melayu yang sungguh masyhor pada suatu ketika dahulu.³⁰

27. Ibid.


28. Abdul Latif, op. cit.

29. Ibid.

30. Lihat Majalah *Seni Ukiran Kayu Tradisional Semenanjung Malaysia*. Keluaran Muzium Negara, April 1972, hal. 17.

MARA juga telah mengambil langkah-langkah yang sama dalam usaha untuk memajukan perkembangan seni ukir. Antaranya termasuklah pemberian bantuan serta pinjaman kewangan kepada individu-individu yang berkemahiran dalam bidang tersebut supaya memulih dan membesarkan lagi perusahaan seni ukir masing-masing. Malah lebih jauh dari itu, MARA telah membuka bengkel-bengkelnya di merata tempat di negara ini bagi memberi latihan kepada belia-belia tempatan yang berminat. Ini dilakukan dalam kedua-dua bidang seni, samaada ukiran kayu atau logam (perak).

Pada hari ini perusahaan seni ukir Kelantan telah memasuki satu era baru. Pengukir-pengukir sekarang tidak lagi menghasilkan ukiran mengikut ilham dan corak mereka, tetapi ditentukan oleh pihak pembeli. Kadang-kadang seseorang yang ingin membuat tempahan itu akan membawa contoh-contoh khas yang dilukiskan di atas kertas atau membawa gambar-gambar yang tertentu. Apa yang jelas ialah hasil seni ukir sekarang telah mendapat satu kedudukan yang setaraf dengan lain-lain penciptaan luar negeri seperti dari Itali, Taiwan, Amerika, Thailand dan sebagainya. Ini adalah disebabkan oleh kebolehan pengukir-pengukir itu sendiri yang mampu mengubahsuai hasil ciptaannya selari dengan kemahuan masyarakat hari ini.



(Gambar Muzium Negara)

'Pending Perak' yang berukir endah digunakan oleh orang besar negeri Kelantan.

LAMPIRAN

ORANG-ORANG YANG TELAH DITEMURAMAH

1. Encik Abdul Latif, Kilometer 4, Jalan Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan. Beliau merupakan seorang pengukir kayu yang terkenal di Kelantan khasnya dan Malaysia amnya. Temuramah pada 25 Ogos 1978.
2. Encik Nik Rasyidin, Kilometer 3, Jalan Pasir Putih, Kota Bharu, Kelantan. Beliau seorang yang lama berkecimpung dalam bidang seni ukir. Temuramah pada 28 Ogos 1978.
3. Encik Daud bin Awang, seorang tua berumur 85 tahun, tinggal di Kampung Sireh, 2.4 kilometer dari bandar Kota Bharu. Beliau mendakwa dirinya terlibat secara langsung dengan pesta-pesta Puja Umur Kelantan di masa-masa yang lalu. Temuramah pada 2 September 1978.
4. Pak Su Lah, seorang tua berumur 80 tahun, berasal dari Kampung Pasir Panjang, Kuala Besar, Kelantan. Salah seorang penduduk yang tertua di kampung itu dan mengetahui cerita-cerita lama sekitar tempatnya. Temuramah pada 29 Ogos 1978.

Main Peteri: Satu Cara Perubatan Tradisi

Zahari bin Daud*

Pengenalan

MAIN PETERI adalah satu cara perubatan yang terdapat dalam masyarakat Melayu tradisi di Kelantan. Sehingga sekarang ia masih tetap diamalkan oleh segolongan Melayu, khasnya di kawasan-kawasan luar bandar dan di beberapa daerah yang berdekatan dengannya seperti di Trengganu dan di negeri Thai Selatan. S. Othman Kelantan pernah menegaskan bahawa, "Peteri mempunyai kedudukan yang konstan dalam masyarakat Melayu, khususnya di desa-desa yang agak terpencil."¹

Cara perubatan ini berkait rapat dengan kepercayaan animisme, yang telah bertapak teguh dalam masyarakat Melayu hasil dari pengaruh Hindu. Mereka mempercayai sesuatu penyakit adalah disebabkan oleh kuasa-kuasa ghaib seperti hantu, jembalang, jin, iblis, penunggu dan sebagainya. Berhubung dengan penyakit yang diakibatkan oleh unsur-unsur halus itu, mereka mempercayai ia hanya dapat diubati oleh orang-orang tertentu yang ada hubungan langsung dengan anasir-anasir halus tadi. Jadi 'Tok Peteri', melalui *Main Peteri* yang mengandungi unsur magis dapat menyembuhkan penyakit seperti itu. Malah Tok Peteri, "dianggap mempunyai kewibawaan yang luar biasa terhadap orang-orang halus tadi."²

Dengan itu, kita dapat *Main Peteri* selalu digunakan untuk mengubati penyakit dalam masyarakat Melayu di Kelantan pada masa dahulu. Tok Peteri selalu diketengahkan dalam bidang ini, selain daripada Tok Bomoh dan Dukun. Pendeknya dapat dikatakan Tok Peteri memainkan peranan yang kedua pentingnya selepas Tok Bomoh dalam bidang perubatan. Memandangkan pentingnya peranan itu, tidak hairanlah bila kita dapat *Main Peteri* mendapat sambutan dan Tok Peteri pula dihormati sama seperti alim ulama dan Tok Bomoh.

* Penulis adalah kelulusan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, tahun 1977.

1. S. Othman Kelantan, "Peteri: Jampi Puitis Yang Ritualistik", *Dewan Sastra*, Jil. 6, Bil. 10, Oktober 1976, hal. 15.

2. Ibid.

Asal-usulnya

Untuk memudahkan kita dalam mengenali *Main Peteri* dengan lebih dekat, eloklah kita mengetahui serba sedikit tentang asal-usulnya. Sebenarnya dari apa yang saya tinjau, susah untuk ditentukan dari mana asalnya *Main Peteri* ini. Walau bagaimanapun bagi setengah orang, *Main Peteri* ini berasal dari Kampuchea. Tapi bagi Derasa bin Yakub,³ kenyataan ini tidak dapat diterima. Di sebaliknya ia mengatakan *Main Peteri* bermula pada zaman Puteri Sa'adong.⁴ Mengikutnya, pada zaman Puteri Sa'adong terdapat seorang anak raja yang sakit mata. Anak raja itu kemudiannya telah diubat oleh Puteri Sa'adong dan didapati penyakit tersebut telah dapat disembuhkan. Cara yang digunakan oleh Puteri Sa'adong itu diteruskan hingga sekarang. Oleh sebab cara-cara yang dilakukan sama dengan apa yang pernah dibuat oleh Puteri Sa'adong, maka ia dinamakan *Main Peteri*.⁵ Manakala ketuanya diberi nama Tok Peteri.

Namun, apa yang diceritakan oleh Derasa itu tidak semestinya tepat kerana Tok Peteri-Tok Peteri lain pula mempunyai pendapat yang berlainan. Umpamanya, menurut Awang bin Kechik,⁶ *Main Peteri* dimulakan oleh dua orang adik beradik iaitu Putera (abang) dan Puteri (adik) dengan tujuan untuk mencari ayahnya yang telah hilang. Sungguh pun begitu, dapat disimpulkan bahawa *Main Peteri* bermula di istana dan kemudiannya berkembang di kalangan rakyat jelata.

Jenis-jenisnya

Main Peteri adalah dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu:

- (i) *Main Peteri Biasa*, dan
- (ii) *Main Peteri Mak Yong*.

Sebenarnya tiada perbezaan yang jelas di antara kedua-dua jenis itu, kecuali pada alat-alat bunyi-bunyiannya sahaja. Jenis yang pertama adalah bertujuan untuk mengubat orang sakit yang disebabkan oleh kuasa-kuasa ghaib. Ia biasanya menggunakan alat-alat muzik seperti rebab, redad dan

3 Temuramah dengan Derasa bin Yakub, seorang Tok Peteri yang terkenal di Kampung Slow Machang, Pasir Mas, Kelantan. Temuramah itu dibuat pada 26 Ogos 1976.

Beliau telah berkecimpung dalam bidang 'Main Peteri' ini selama lebih kurang 25 tahun.

4 Ariffin Abd. Rashid (*Sejarah Kelantan*, Kota Bharu, 1962, hal. 20-21) menerangkan "Puteri Sa'adong adalah anak Raja Luyor yang memerintah Jembal pada tahun 1149. Ia telah dikahwinkan dengan Raja Abdullah, setelah pemimpinan dari Raja Siam ditolak oleh Cik Siti yang memeliharanya. Tetapi apabila Cik Siti mati, Puteri Sa'adong dirampas dan dijadikan isteri oleh Raja Siam. Tetapi Puteri Sa'adong dapat melepaskan diri dan membunuh Raja Abdullah setelah didapati Raja Abdullah telah berkahwin lain." Lihat juga Mohamad Noordin bin Awang, "Puteri Sa'adong: kaitannya dengan Sejarah Kota Jelasin" dalam monograf ini.

5 Akan dibincangkan kemudiannya.

6 Temuramah dengan Awang bin Kechik, seorang Tok Peteri yang selalu bermain Peteri di Kampung Landar, Pasir Mas, Kelantan. Temuramah itu dibuat pada 2 September 1976. Beliau telah berkecimpung dalam bidang ini lebih kurang selama 20 tahun.



(Gambar Muzium Negara)

Tok Peteri sedang menari-nari memanggil semua hantu yang menggoda pesakit.

hingga sahaja manakala *Main Peteri Mak Yong* adalah untuk upacara seperti persembahan, puja pantai dan kadangkala untuk mengubat orang sakit. Alat-alat muzik yang digunakan adalah lebih banyak seperti rebab, dua buah gendang, dua buah gong, canang dan kinsi.

Di dalam perbincangan ini, kita lebih menekankan kepada *Main Peteri Biasa* sebab ia sering kali dilakukan untuk mengubat orang sakit. Sungguhpun jenis kedua juga boleh digunakan untuk mengubat, tetapi ia lebih diutamakan dalam hal-hal bersabit dengan upacara pemujaan, untuk membayar niat atau sebagai hiburan. Walau bagaimanapun kedua-duanya membawa kesan ke atas ekonomi dan sosial masyarakat Melayu di Kelantan pada zaman tradisi.

Bagaimana Ia Dimainkan dan Peralatannya

Mengikut Tok Peteri yang saya temuramah, *Main Peteri* ini dimainkan oleh kumpulan tertentu yang besarnya terdiri dari 6 hingga 8 orang ahli. Lazimnya kumpulan ini diberi nama tertentu mengikut nama ketuanya. Ia diketuai oleh seorang yang lebih pakar dalam kumpulan itu dan dikenali sebagai Tok Peteri. Beliaulah yang bertugas untuk mengubat orang sakit. Tok Peteri ini dibantu oleh 'Tok Mindok' yang bertugas sebagai pemain rebab. Beliau juga berlagak sebagai pembantu Tok Peteri dan berfungsi sebagai jurucakap yang berbicara dengan hantu, roh atau gawa,⁷ yang telah diseru menjelma dalam jasad Tok Peteri sewaktu beliau tidak sedarkan diri.

Di sini jelas bahawa Tok Peteri dan Tok Mindok adalah penting seperti tata Evelyn Ang-Truckey iaitu "Two intermediaries are needed — the bomoh, who goes into a trance and is possessed by a series of spirits, and the mindok, or interrogator."⁸ Manakala yang lainnya dianggap pembantu yang mengikut istilah *Main Peteri* dikenali dengan nama 'Panjak'.

Semua *Main Peteri* sama ada *Main Peteri Biasa* atau *Main Peteri Mak Yong* mempunyai cara persembahan yang sama. Ia didahului dengan 'istiadat kenduri' dan diikuti pula oleh 'istiadat buka panggung'. Selesai upacara itu, Tok Mindok akan muncul untuk membaca jampi guna menghalau hantu syaitan serta jembalang dan berdoa agar semasa *Main Peteri* dijalankan, tiada diturunkan bahaya.

Selepas itu baharulah upacara mengubat orang sakit dijalankan. Tok Peteri akan memainkan cerita yang sesuai dengan jiwa orang sakit sama ada cerita *Dewa Muda* atau *Raja Jembal*. Semasa mengubat orang sakit, Tok Peteri 'lupa'⁹ iaitu menggelengkan kepala dengan perlahan-lahan dan

⁷'Gawa' adalah semangat bomoh yang diseru untuk menolong Tok Peteri semasa mengubat orang sakit. Ia menjelma ke dalam jasad Tok Peteri ketika Tok Peteri tidak sedarkan diri. Evelyn Ang-Truckey dlm. artikelnya "Exorcising Malaysian Spirits", *The Asia Magazine*, November 30, 1975, hal. 17.

⁸'Lupa' dalam *Main Peteri* adalah keadaan di mana Tok Peteri tidak lagi berada dalam keadaan normal. Ia dikatakan berada di alam lain dan di masa itu roh-roh hantu dan sebagainya meresap ke jiwanya.



(Gambar Muzium Negara)

Tok Peteri sedang menari diiringi banyian alat-alat muzik.



(Gambar Muzium Negara)

Tok Peteri beraksi di hadapan minduk (penggesek rebab) dan permainan muzik untuk memulakan upacara memanggil hantu-hantu.

kemudiannya cepat. Tok Peteri akan rebahkan badan dan membangunkannya semula. Pada masa inilah dikatakan yang roh, hantu, gawa atau jembalang akan masuk ke dalam jasad Tok Peteri. Masa inilah Tok Mindok akan berbicara dengan roh-roh yang menjelma dalam jasad Tok Peteri untuk mengubat orang sakit. Pada masa ini Tok Mindok dan Tok Peteri akan bersoal-jawab mengenai cara untuk mengubat orang yang sakit itu. Juga bagaimana untuk mengusir kuasa-kuasa ghaib yang menyebabkan orang jatuh sakit. Jika kuasa ghaib itu degil, Tok Mindok cuba memujuknya supaya tidak akan mengganggu orang sakit tadi lagi. Pemujukan itu dibuat dengan berjanji kuasa itu akan dijamu¹⁰ apabila ia lari dan si sakit akan sembuh. Sesudah berbicara Tok Peteri akan lupa pula untuk kembali ke alam nyata atau alam biasa.

Masa *Main Peteri* dijalankan selalunya diiringi oleh muzik dan terdapat nyanyian-nyanyian. Nyanyian-nyanyian ini adalah semacam pujuk rayu terhadap kuasa-kuasa ghaib tadi untuk menyembuhkan orang sakit. Kadang-kadang dalam masa nyanyian-nyanyian ini dinyanyikan, dengan sendirinya juga akan menaikkan semangat pesakit dan, sebagaimana sering terjadi dalam *Main Peteri*, pesakit akan bangun menari-menari dan menyanyi-nyanyi bersama Tok Peteri.

Pada masa *Main Peteri* ini dijalankan beberapa peralatan khas mesti diadakan. Umpamanya satu hidangan dibuat yang beralaskan kain putih. Hidangan ini mengandungi nasi semangat,¹¹ telor, ayam panggang, nasi biasa dan pisang. Evelyn Ang-Truckey pernah menegaskan hidangan ini termasuk "... a fried egg, chicken curry, saffron rice, pepper corns, and a bowl of water."¹² Hidangan seumpama ini adalah dimestikan, khasnya dalam mengubat orang sakit. Mereka mempercayai, seandainya alat-alat ini tidak lengkap upacara itu tidak akan berhasil.


Akhirnya diadakan pula pembacaan doa yang dibacakan oleh Tok Peteri dan biasanya terdiri dari ayat-ayat Quran. Jelasnya di sini telah terdapat unsur-unsur Islam. Kemudiannya diikuti pula dengan jamuan ringan kepada kumpulan-kumpulan *Main Peteri* tadi. Perlu diingat, sebelum *Main Peteri* dijalankan, ahli-ahli 'Main Peteri' tadi telah pun diberi jamuan nasi terlebih dahulu.

Keesokan harinya 'perjamuan' diadakan untuk memujuk kuasa ghaib yang menyebabkan orang sakit, supaya tidak mengganggu lagi. Perjamuan ini biasanya berupa persesembahan yang terdiri dari bunga yang dibuat dari daun kelapa, tepung beras atau gandum yang dibentuk berupa lembaga binatang seperti gajah, harimau dan lain-lain. Ia juga disertai dengan dua

10 'Jamu' biasanya dilakukan untuk memujuk hantu dan sebagainya dari mengganggu si sakit. Biasanya dibuat dengan membawa makanan tertentu dalam bekas tertentu ke tempat si sakit terkena sumpukan. Tempat itu biasanya tempat penunggu tinggal seperti pokok-pokok besar dan sebagainya.

11 'Nasi Semangat' adalah nasi yang dimasak daripada beras pulut. Ia biasanya diwarnai dengan berbagai-bagai warna seperti merah dan kuning.

12 Evelyn Ang-Truckey, op. cit., hal. 17.



(Gambar Muzium Negara)

Rumah ancak dihiasi dengan anyaman dari daun kelapa muda yang di dirikan ditepi pantai. Di sebelahnya terdapat tiga batang "Sangkak". Kegunaannya meletakkan kelapa muda untuk minuman dan asapan.



(Gambar Muzium Negara)

Menyediakan alat-alat perubatan Peteri untuk di masukkan ke dalam ancak (berupa kapal layar) untuk di hanyutkan kelaut. Ini dilakukan setelah upacara Peteri selesai.

ji cekak emas yang dibuat daripada tepung iaitu satu dipanggil cekak mas dan satu lagi dipanggil cekak perak. Juga disediakan sebiji kelapa muda yang sudah ditebok. Malah bagi setengah-setengah orang yang berada, perjamuan ini terdiri dari nasi pulut kuning, ayam panggang, telor, pisang dan kuih-kuih di samping peralatan-peralatan yang diterangkan di atas. Upacara ini juga biasanya dibuat seandainya pesakit sudah sembah.

Dengan melakukan upacara-upacara di atas, masyarakat Melayu di Kelantan pada masa itu amat mempercayai pesakit akan sembah. Walau bagaimanapun dengan izin Tuhan, kita dapat pesakit itu akhirnya akan beransur-ansur pulih.

Dalam Masyarakat Melayu Tradisi

Mengikut Derasa, *Main Peteri* ada beberapa tujuan dan di antaranya adalah:

(i) Untuk mengubat penyakit yang dipercayai disebabkan oleh resapan atau sampukan kuasa luar biasa seperti hantu, jembalang, iblis dan sebagainya.

(ii) Untuk melakukan pemujaan seperti pemujaan kampung atau laut. Dalam upacara pemujaan kampung adalah dilakukan dengan tujuan untuk mengelakkan satu-satu kampung dari diserang penyakit atau bahaya. Begitu juga memuja pantai adalah untuk menjamin keselamatan nelayan. Di samping upacara itu, disertai pula dengan menjamu hantu-hantu atau jembalang tadi.

(iii) Untuk membayar niat atau nazar. Hal ini biasanya dilakukan apabila sesuatu permintaan dikabulkan Tuhan seperti mendapat anak lelaki atau perempuan.

(iv) Untuk hiburan semata-mata: dalam memenuhi tujuan ini, *Main Peteri Mak Yong* selalu dijalankan dan tempatnya adalah di tanah-tanah lapang yang lazimnya diadakan untuk merayakan Hari Keputeraan Sultan atau pesta-pesta kebudayaan.

Walaupun ada empat fungsi dalam *Main Peteri*, di sini perhatian hanya akan diberikan kepada fungsi yang pertama sahaja, kerana ia ada kaitan dengan apa yang hendak dibincangkan iaitu bagaimana *Main Peteri* boleh wujud sebagai satu cara perubatan dalam masyarakat Melayu tradisi di Kelantan. Oleh yang demikian *Main Peteri Biasa* akan lebih diutamakan daripada *Main Peteri Mak Yong*. Bila memerhatikan keadaan ini, kita akan dapat melihat kesan dan pengaruhnya dalam bidang perubatan. Berdasarkan sambutan-sambutan yang diberi oleh masyarakat Melayu, seterusnya kita dapat melihat sejahmana *Main Peteri* ini dapat hidup dan memainkan peranannya dalam bidang tersebut.

Perlu diketahui juga, *Main Peteri* ini dilakukan untuk mengubat sebarang penyakit atau dengan kata lain tidak terbatas kepada satu jenis penyakit sahaja. Saya katakan begitu kerana setengah orang terkeliru bahawa *Main Peteri* ini hanya untuk menyembuhkan penyakit orang yang

dirasuk hantu sahaja. Di sebaliknya, "Main Peteri is prescribed for both physical and mental disorders."¹³ Evelyn Ang-Truckey nenambah, "the majority of the patients are elderly men and women who suffer from the effects of depression, hysteria and that general feeling of helplessness and uselessness brought on by old age."¹⁴

Jelasnya *Main Peteri* dijalankan untuk mengubati berbagai-bagai jenis penyakit. Dengan itu tidak hairanlah, *Main Peteri* ini selalu dijalankan untuk mengubat orang sakit dalam masyarakat Melayu di Kelantan pada masa itu. Walau bagaimanapun, "dalam beberapa hal peranannya sudah mulai kurang, seperti penyakit taun, cacar, atau batuk kering, akan tetapi dalam penyakit-penyakit demam dan 'buatan orang' masih berpengaruh dan mempunyai kewibawaan yang menakjubkan."¹⁵

Sekarang marilah kita melihat kenapa *Main Peteri* ini merupakan salah satu cara perubatan yang digemari dalam masyarakat Melayu tradisi di Kelantan di samping bomoh. Mengikut kajian saya, sebab yang penting ialah kerana masyarakat masa itu sangat mempercayai kuasa luarbiasa atau sebagaimana diperkatakan oleh Prof. Mohd. Taib Osman, cara perubatan lama timbul daripada "theories and concepts regarding illnesses ... based on animistic premise."¹⁶ Hal ini adalah warisan dari kepercayaan animisme yang masih menebal dalam masyarakat Melayu. Dengan kedatangan Islam pun unsur-unsur dari pengaruh ini amat sukar untuk dikikis. Suasana begini sememangnya terdapat rata-rata di seluruh Semenanjung Tanah Melayu khasnya dan di Asia Tenggara amnya. Di mana seandainya terdapat orang-orang yang sakit selalu dikaitkan dengan kuasa-kuasa luarbiasa. Jadi di sini bagi mereka Tok Peteri sahajalah yang dapat menghalau kuasa-kuasa luarbiasa tadi daripada mengusik atau mengganggu orang sakit. Tok Peteri "dianggap mempunyai kewibawaan yang luarbiasa terhadap orang-orang halus."¹⁷

Dari sini jelas membuktikan yang masyarakat Melayu di Kelantan masa dahulu amat mempercayai kebolehan Tok Peteri berbuat demikian atau dengan kata lain Tok Peteri dianggap mempunyai keramat. Kebolehan atau keramat yang ada pada Tok Peteri itu mendorong masyarakat Melayu menghormatinya dalam bidang perubatan, khasnya bila ada penyakit-penyakit yang berkait dengan kuasa yang luarbiasa. Keadaan begini disokong pula oleh sikap atau pandangan orang Melayu sebagaimana dinyatakan oleh Prof. Mohd. Taib Osman bahawa bersabit dengan "Malay world-view regarding illnesses and their cure, ... no other institution in the culture ... is more relevant to the question than that of the bomoh."¹⁸ Satu

13 Evelyn Ang-Truckey, op. cit., hal. 5.

14 Ibid.

15 S. Othman, op. cit., hal. 16.

16 Prof. Mohd. Taib Osman, *Patterns of Supernatural Premises Underlying The Institution of The Bomoh In Malay Culture*, (di cetak semula oleh Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1976), hal. 222.

17 S. Othman Kelantan, op. cit., hal. 15.

18 Prof. Mohd. Taib Osman, op. cit., hal. 223.

hal yang menarik lagi ialah kadangkala Tok Peteri ini memegang peranan bomoh atau pawang sekaligus. Hal ini sudah tentu meneguhkan lagi kewujudan *Main Peteri* sebagai cara perubatan, kerana sebagaimana yang diketahui bomoh atau pawang adalah sudah terkenal dalam bidang tersebut dalam masa masyarakat Melayu tradisi.

Di samping itu, terdapatnya unsur-unsur Hindu dan Islam sendiri telah menebalkan minat orang untuk menggunakan *Main Peteri* dalam bidang itu. Tentang pengaruh Hindu ini telah dibincangkan di atas, iaitu yang berkait dengan kuasa-kuasa luarbiasa dan berhubung dengan kepercayaan animisme. Kemudiannya dengan kedatangan Islam, *Main Peteri* ini telah diubah dan disesuaikan dengan agama Islam. Sebagai contoh, dalam jampi telah dimasukkan ayat-ayat suci Al-Quran, menggunakan nama Allah dan Nabi Muhammad S.A.W. juga sebutan terhadap keramat dengan sebutan aulia, adalah diterima dari unsur-unsur Islam. Demikian juga tentang nama-nama si sakit, tidak lagi digunakan nama-nama Hindu. Malah sampai kepada nama-nama hantu orang mati dibunuh pun disebut dengan nama Islam, iaitu Awang Kassim Gila.

Main Peteri ini bukan sahaja telah disesuaikan dengan unsur Islam, malah ia telah mendapat kerjasama dari orang-orang penting dalam agama sepertimana kata Prof. Mohd. Taib Osman, "... (it) is even concluded with a religious prayer (doa), and when this happens, the imam has to give his cooperation."¹⁹ Dengan perubahan yang seumpama itu menyebabkan *Main Peteri* sering diutamakan dalam mengubat orang sakit. Dengan kata lain unsur seperti itu sedikit sebanyak mempengaruhi orang ramai dalam mempercayai ketokohan Tok Peteri dan kebolehannya.

Seterusnya *Main Peteri* ini adalah selaras konsep 'ikhtiar' dalam Islam. Jadi dalam mencari jalan untuk menyembuh penyakit ini sebagai ikhtiarnya, masyarakat Melayu Kelantan telah memilih *Main Peteri*. Tambahan pula, seringkali dalam usaha seumpama itu telah mendapat kejayaan, yang mana ada pesakit-pesakit yang telah sembuh. Sebagai contoh yang senang, kita dapat semasa Tok Peteri menyanyi, ketika mengubat orang sakit, ada orang-orang sakit yang bangun menari dan menyanyi bersama-bersama Tok Peteri. Malah mengikut Ibrahim bin Awang Besar²⁰, setengah orang, kalau tidak dapat mengadakan *Main Peteri* sekali setahun, misalnya, ia akan jatuh sakit.

Soal pokok yang menyebabkan *Main Peteri* wujud sebagai salah satu cara perubatan dalam masyarakat Melayu tradisi di Kelantan ialah kerana ketiadaan cara perubatan moden. Kalau adapun rumah sakit atau klinik hanya terdapat di bandar-bandar sahaja. Lagi pun, kalau kita melihat kepada kemajuan yang diperkenalkan oleh Inggeris di Pantai Timur adalah berkurangan sekali. Ini disebabkan kawasan di sini, seperti Kelantan dan

19 Ibid., hal. 25.

20 Temuramah dengan Ibrahim bin Awang Besar pada 18 Ogos 1976. Beliau tinggal di Kampung Landar, Pasir Mas, dan berumur kira-kira 67 tahun (dilahirkan pada tahun 1909).

Trengganu, tidak berapa penting dari segi ekonomi mereka. Sedangkan sudah menjadi pengetahuan umum, Inggeris hanya membuat kemajuan adalah didorong oleh kepentingan ekonomi mereka.

Jadi kalau kita dapat banyak jalan perhubungan atau kemudahan terdapat di kawasan Pantai Barat itu adalah kerana di situ terdapat kepentingan dalam usaha melombong bijih timah dan perusahaan menanam getah. Ini telah menjadi kenyataan di mana mengikut Malik Munip, "dalam tahun 1900 banyak hospital di bina di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu tapi itu bagi mengatasi masalah penyakit yang berjangkit seperti taun, biri-biri dan malaria yang telah membiak di kalangan buruh-buruh Cina yang terpaksa bekerja di kawasan-kawasan perlombongan bijih timah."²¹

Satu hal lagi, kalau ada pun dibina klinik-klinik adalah susah untuk pergi ke klinik-klinik tersebut, lantaran kesukaran dalam sistem perhubungan. Keadaan ini sama seperti yang dibincangkan di atas tadi iaitu tiadanya usaha-usaha kemajuan dibuat dalam bidang tersebut. Terjadinya demikian disebabkan sistem perhubungan itu diadakan hanya untuk "menghubungkan semua pusat-pusat yang mengekspot hasil-hasil bijih timah."²²

Dengan itu *Main Peteri* mendapat tempat yang istimewa untuk mengubat orang sakit terutama di kawasan desa. Jelasnya mereka semacam tiada cara lain melainkan mengambil *Main Peteri* untuk mengubat orang sakit, seperti kata S. Osman Kelantan "kedudukan kampung-kampung yang agak berjauhan dari bandar-bandar, amat dirasakan betapa sukarnya apabila sesuatu penyakit itu dideritai oleh penduduk-penduduk desa."²³ Keadaan seperti itu disokong lagi seandainya Tok Bomoh gagal untuk mengubatinya. Jadi sebagai jalan keluar Tok Peteri pula dicuba kebolehannya untuk mengatasi penderitaan si sakit.

Di samping itu kegagalan perubatan moden sendiri diperkenalkan dalam masyarakat Melayu menyebabkan cara perubatan tradisi semakin penting. Lantaran itu, secara tidak langsung *Main Peteri* juga semakin penting. Berdasarkan hal itu tidak hairanlah kalau Aziz Deraman menegaskan, "dalam banyak hal, perubatan moden tidak dapat mengambil tempat perubatan tradisi orang Melayu ... mereka sangatlah penting bagi jenis-jenis penyakit yang bukan fizikal."²⁴ Kegagalan perubatan moden ini sebenarnya adalah disebabkan oleh dua pertentangan yang ketara. Sebagaimana diketahui umum masyarakat Melayu adalah amat mempercayai kepada kuasa luarbiasa yang menyebabkan orang jatuh sakit. Jadi sudah tentu ia berkehendakkan perubatan tradisional khasnya *Main Peteri*

21 Malik Munip, "Mereka Yang Gagal Menguasai Bidang Ekonomi", *Mastika*, (Penerbit Utusan Melayu), Mac 1976, hal. 140.

22 Ibid., hal. 143.

23 S. Othman Kelantan, op. cit., hal. 15.

24 Aziz Deraman, *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*, Kuala Lumpur, 1975, hal. 102.

untuk mengubatinya. Di sebaliknya perubatan Barat adalah berdasarkan proses pengkajian dan melalui pembelajaran.

Dari situ kita dapat melihat kenapa *Main Peteri* mendapat sambutan dalam masyarakat Melayu tradisi di Kelantan. Ekoran dari sambutan yang memuaskan tadi, kita lihat kemudiannya ia menjadi cara perubatan yang penting selepas bomoh.

Berasaskan keterangan-keterangan yang diberikan di atas, sudah jelas kenapa *Main Peteri* itu digemari. Jadi di sini, bukti yang jelas bagi kita bahawa *Main Peteri* adalah cara perubatan penting kerana ia mendapat sambutan masyarakat. Berdasarkan kajian yang dibuat, saya dapati *Main Peteri* adalah diberi sambutan ramai. Lantaran itu, kita dapat menerimanya sebagai satu cara perubatan yang penting. Malah mengikut Ibrahim Awang Besar, Tok Peteri dan Tok Bomohlah yang selalu dijemput, dipanggil untuk mengubat orang sakit pada masa itu.

Sebenarnya kepopularan atau kepentingan *Main Peteri* semakin ketara apabila kita melihat kedudukan Tok Peteri itu sendiri dalam masyarakat Melayu di Kelantan. Menurut kedua-dua Tok Peteri yang saya temui, mereka sangat dihormati dalam masyarakat. Kedudukan mereka dalam masyarakat adalah sama pentingnya dengan alim ulama dan bomoh. Tetapi dalam keadaan-keadaan tertentu seperti semasa untuk mengubat orang sakit, Tok Peteri didahulukan dari alim ulama. Sebagai contoh kita lihat semasa dijemput untuk mengubat orang sakit, ia disediakan dengan makanan dan pakaian-pakaian bersalin. Semasa makan itu pula, ia tidak bercampur dengan orang-orang lain. Kadang-kadang Tok Peteri dan kumpulannya disediakan dengan pakaian-pakaian khas atau pakaian bersalin oleh tuan rumah. Dan seringkali ada juga pakaian itu diberi oleh tuan rumah kepada mereka.

Tok Peteri dan kumpulannya dihormati kerana ketokohnanya dalam bidang tersebut. Tetapi perlu diingat ia juga dihormati kerana ia dianggap keramat dan ada kebolehan yang luarbiasa. Jadi kalau ada upacara pemujaan, kenduri atau sebagainya, Tok Peteri dan Tok Mindok sering dijemput bersama-sama. Mereka ini dipermuliakan dan segala kehendak atau kemahuannya sering diikuti. Ini dilakukan kerana orang ramai merasa takut Tok Peteri tidak akan datang berubat jika terdapat orang sakit nanti seandainya hal-hal di atas tidak dipatuhi.

Penghormatan bukan berhenti setakat itu sahaja, malah berkait dengan hal-hal seperti nikah kahwin. Tok Peteri atau Tok Mindok misalnya tidak begitu sukar untuk mencari isteri, kerana ramai di kalangan masyarakat yang bersedia untuk memberi anak-anak gadisnya. Ekoran dari itu kita dapati ramai Tok Peteri yang beristeri lebih dari satu orang.

Di samping itu apabila selesai *Main Peteri*, Tok Peteri, Tok Mindok dan kumpulannya tidak pulang dengan tangan kosong. Mereka diberi habuan seperti pulut kuning sebungkus seorang, di samping wang sebagai upah. Hal ini pernah diutarakan oleh S. Othman Kelantan iaitu mereka

"dibekalkan dengan pulut kuning sebungkus seorang di samping wang yang termampu oleh pihak si sakit."²⁵

Kesan-kesan Ke Atas Masyarakat

Setelah melihat bagaimana *Main Peteri* lahir sebagai satu cara perubatan dalam masyarakat Melayu di Kelantan, sekarang mari kita menilai kesan-kesannya ke atas masyarakat tersebut, terutama kesan ekonominya. Adakah munculnya *Main Peteri* ini memberi kesan positif atau membebankan ekonomi orang Melayu pada masa itu? Dalam membicarakan hal ini perlu diingat, ada dua perkara yang perlu ditekankan iaitu kesannya pada masyarakat dan pada ahli-ahli kumpulan *Main Peteri* itu sendiri.

Untuk melihat kesannya ke atas masyarakat, sama ada negatif atau positif, kita seharusnya menilaikan perbelanjaan untuk menjalankan permainan itu. Perbelanjaan itu pula mesti dipadankan dengan kejayaannya dalam bidang tersebut. Dengan kata lain kita tidak seharusnya mengabaikan di sini ialah sejauhmana ianya berkesan, yakni dalam memenuhi fungsinya untuk menyembuhkan orang-orang sakit.

Jika kita merenung kembali pada awal-awal perbincangan, kita dapat perbelanjaan *Main Peteri* adalah agak besar juga. Dalam memenuhi permainan ini berbagai peralatan perlu disediakan. Umpamanya, jamuan perlu disediakan untuk kumpulan *Main Peteri* sebelum atau selepas *Main Peteri* dijalankan. Jamuan ini pula adalah istimewa, yang semestinya dari ayam, daging berserta dengan makanan-makanan istimewa lain. Memandangkan kepada pendapatan masyarakat yang bergantung kepada pertanian dan perikanan, rasanya hidangan seperti itu sememangnya membebankan. Tambahan pula, mengikut kelazimannya, orang yang hadir menyaksikan permainan *Peteri* juga disediakan minuman. Sekali lagi perlu ditegaskan di sini iaitu bila *Main Peteri* dijalankan, ramai jiran yang datang menonton di samping untuk menziarahi si sakit. Ini tidak menghairankan kerana masyarakat di kampung sangat rapat hubungannya di antara mereka.

Di samping itu satu kelengkapan khas yang berupa hidangan mesti disediakan. Hidangan itu berupa sebekas nasi kunyit, sebekas telor (sepuluh hingga lima belas biji), ayam panggang dan sebekas pisang. Hidangan itu mesti dialas dengan kain putih. Persiapan seperti itu mesti disediakan, kerana mengikut mereka si sakit tidak akan sembuh tanpa persiapan itu. Tok Peteri dan Tok Mindok juga disediakan dengan pakaian bersalin dan biasanya diberi percuma pula kepada mereka.

Selain daripada persediaan-persediaan itu, untuk menjalankan *Main Peteri* ini, dikenakan upah atau bayaran. Mengikut Derasa, bayaran adalah di antara tiga puluh hingga empat puluh ringgit buat masa sekarang.

25 S. Othman Kelantan, op. cit., hal. 18.

Manakala pada masa dahulu biasanya dalam lingkungan dua hingga tiga ringgit. Upah ini dibahagikan sesama mereka dan Tok Peteri dan Tok Mindok mendapat bahagian yang tinggi.

Memandangkan persediaan-persediaan itu begitu rapi, saya rasa sudah tentu membebankan masyarakat Melayu di Kelantan. Sekarang pun sukar untuk mengadakan persediaan seperti itu. Saya katakan begitu berdasarkan ekonomi secukup hidup yang diamalkan oleh mereka. Ini pernah ditegaskan oleh Aziz Deraman iaitu, "dalam ekonomi tradisional orang-orang Melayu proses pengeluaran mempunyai kaitan yang rapat sekali dengan ciri-ciri kehidupan mereka kerana matlamat pengeluaran sebenarnya ialah secukup hidup (self-sufficient) saja."²⁶ Tetapi walaupun mereka miskin, mereka tetap juga menyediakannya demi untuk menyembuhkan orang sakit.

Hal di atas memberi kesan yang semakin buruk kepada masyarakat Melayu yang rata-rata miskin. Seandainya perbelanjaan di atas disediakan menurut jalan-jalan yang berfaedah atau jalan yang lebih produktif dalam bidang ekonomi, sudah tentu akan dapat membantu keadaan hidup mereka sendiri.

Kesan yang negatif ketara sekali, kalau kita lihat kepada kejayaan *Main Peteri* dalam bidang perubatan. Ini menjadi bukti sebab *Main Peteri* hanya dapat dikatakan sebagai usaha terakhir orang Melayu untuk mengubat orang sakit, lantaran ketiadaan perubatan moden. Memang tidak dapat dinafikan ada pesakit-pesakit yang sembuh, tapi itu hanya dapat dikatakan sebagai kebetulan saja. Lagi, bilangan yang sembuh adalah sedikit sekali. Tapi adalah tidak mustahil kalau kita katakan sembahunya itu disebabkan oleh lamanya seseorang itu mengidap sesuatu penyakit. Malah berdasarkan pengetahuan sains dan kemajuan perubatan moden, adalah sukar bagi kita mempercayai yang sesuatu penyakit itu disebabkan oleh kuasa-kuasa luarbiasa.

Tetapi bagi Tok Peteri dan kumpulannya permainan *Peteri* merupakan satu punca pendapatan tambahan. Dengan upah-upah makanan serta persalinan-persalinan yang didapati itu sudah tentu dapat menolong membaiki hidup mereka. Di samping itu penghormatan yang diberi kepada mereka juga dapat menyenangkan mereka dalam menyiapkan kerja-kerja pertanian mereka. Ini disebabkan Tok Peteri atau Tok Mindok senang mendapat pertolongan orang-orang kampung menerusi kerja gotong-royong dalam menyiapkan kerja-kerja menanam atau menuai padi.

Permainan *Peteri* ini juga membawa kepada kesan sosial yang tidak menyenangkan. Pertamanya kita dapat permainan *Peteri* ini adalah bertentangan dengan agama Islam yang diamalkan orang-orang Melayu. Jadi di sini wujud konflik di antara Pak Lebai di kampung dengan Tok Peteri dan masyarakat yang menggunakan permainan *Peteri* sebagai cara perubatan. Hal ini terjadi disebabkan ajaran Islam menyatakan penyakit bukan disebabkan oleh kuasa-kuasa luarbiasa, tetapi dari Tuhan Yang

26 Aziz Deraman, op. cit., hal. 95.

Maha Kuasa. Dengan itu alim ulama menganggap orang yang suka menggunakan *Main Peteri* sebagai cara perubatan adalah terlibat dalam amalan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Amalan ini memang bertelingkah dengan Islam kerana "... there is soliciting with supernatural beings outside the orbit of Islam."²⁷

Begitu juga dengan upacara-upacara pemujaan, membayar nazar atau melepas niat dengan menjalankan permainan *Peteri* kesemuanya adalah tidak selari dengan dasar Islam. Pemujaan untuk mengelakkan satu-satu bahan atau membayar nazar kerana berterima kasih di atas permintaan yang dikabulkan, tidak seharusnya dirayakan dengan cara itu. Sebaliknya Islam mengarahkan umatnya meminta atau berterima kasih pada Tuhan Yang Maha Kuasa.

Sebagaimana diperkatakan di awal-awal tadi, *Main Peteri Mak Yong* adalah untuk hiburan semata-mata. Permainan ini dimainkan hingga larut malam. Keadaan begini sudah tentu akan membawa kesan yang tidak baik kerana pada masa *Peteri* itu dijalankan, perkara yang tidak diingini seperti pencurian atau pergaduhan mungkin berlaku. Lanjutan dari keadaan ini, ia juga membawa kesan yang tidak baik kepada ekonomi masyarakat itu sendiri; wang banyak dihabiskan untuk mengadakan *Main Peteri Mak Yong* itu di samping meletihkan badan untuk mengerjakan kerja-kerja pertanian pada esok hari.

Kesimpulan

Dalam kajian ringkas ini, saya cuba membangkitkan semula peranan *Main Peteri* yang begitu penting pada satu ketika dahulu di Kelantan. Tetapi sekarang, ia nampaknya seolah-olah dilupakan. Peranan yang penting itu akhirnya semacam tidak berfungsi langsung sekarang ini, lantaran kehadiran sistem perubatan moden.

Keadaan ini memang wujud kerana selepas kemerdekaan banyak kemudahan dalam bidang perubatan telah disediakan. Kesedaran telah timbul di kalangan pemerintah, khasnya dalam membantu masyarakat di luar bandar yang tidak mendapat sebarang kemudahan sebelum ini. Dengan itu tumpuan telah diberikan kepada kemudahan-kemudahan termasuklah dalam sistem perhubungan. Jalan raya telah banyak dibina. Itu memudahkan masyarakat luar bandar untuk mendapatkan kemudahan seperti dalam bidang perubatan. Tambahan pula cara moden ini amat berkesan dan cara ini pula tidak dikenakan bayaran.

Akhir-akhir ini *Main Peteri* sering dikaji, tapi pengkajian itu dibuat dalam konteks kebudayaan Melayu. Tidak keterlaluan kalau dikatakan belum lagi dibuat kajian berdasarkan pandangan sejarah. Jadi sebagai percubaan, saya cuba melihat *Main Peteri* ini dalam konteks sejarah. Di sini

27 Prof. Mohd. Taib Osman, "The Bomoh and The Practice of Malay Medicine" (dicetak semula oleh Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976), hal. 7.

kita dapat melihat bagaimana ia dapat wujud sebagai satu institusi perubatan dalam masyarakat Melayu tradisi di Kelantan. Juga dapat dilihat peranan yang dimainkannya dan kesan-kesannya ke atas masyarakat Melayu itu sendiri.

LAMPIRAN ORANG-ORANG YANG DITEMURAMKAN

1. Temuramah dengan Ibrahim bin Awang Besar pada 28 Ogos 1976. Beliau tinggal di Kg. Landar, Pasir Mas dan berumur kira-kira 67 tahun. Saya kira memandangkan umurnya sudah pasti ia mengetahui tentang *Main Peteri*.
2. Temuramah dengan Derasa bin Yakub, seorang Tok Peteri yang terkenal di Kg. Slow Machang, Pasir Mas. Temubual itu dibuat pada 26 Ogos 1976. Beliau sekarang berumur dalam 50 tahun dan berkecimpung dalam bidang *Main Peteri* kira-kira lebih kurang 25 tahun.
3. Temuramah dengan Awang bin Kechik, seorang Tok Peteri yang selalu bermain *Peteri* di Kg. Landar, Pasir Mas, Kelantan. Perbualan itu dibuat pada 2 September 1976. Beliau berminat dalam permainan ini lebih kurang 20 tahun.

Puteri Sa'adong dan Sejarah Kota Jelasin

Mohamad Noordin bin Awang*

Pendahuluan

SEJARAH yang lengkap berkenaan dengan kelahiran kerajaan di masa dahulu masih lagi berkurangan. Keadaan ini wujud adalah kerana kebanyakannya masih lagi dalam bentuk cerita-cerita lisan yang belum dikaji secara detil oleh ahli-ahli sejarah. Hal ini terjadi juga pada sejarah Kelantan kerana proses penyusunan masih lagi tidak memuaskan. Banyak tempat penting terutama kesan-kesan kebangkitan dan keruntuhan kerajaan kecil yang tumbuh berselerak di negeri ini belum lagi dibuat penelitian secara konkrit.

Di sini penulis akan cuba memaparkan satu kajian sejarah tentang salah sebuah kota yang bersejarah iaitu KOTA JELASIN¹. Di samping itu juga penulis telah menceritakan sedikit sebanyak berkenaan dengan Puteri Sa'adong kerana baginda mempunyai kaitan dengan perkembangan sejarah kota tersebut. Kajian ini kebanyakannya adalah berdasarkan hasil dari temubual penulis dengan beberapa orang tua-tua dalam masyarakat tempatan yang mengetahui sedikit sebanyak tentang perkembangan sejarahnya. Kota Jelasin sekarang yang dikenali sebagai 'Kota' saja adalah disebabkan untuk memperingati perkembangan dan kegemilangan sejarahnya.

Keadaan yang menyulitkan pengkajian ini ialah kerana kesan-kesan peninggalan kota yang lama itu hampir lenyap. Ini adalah disebabkan tidak adanya perhatian dari pihak yang berkenaan dan masyarakat tempatan untuk memelihara kesan peninggalan tersebut. Masyarakat merasakan bahawa kesan-kesan tersebut tidak mempunyai nilai untuk mereka maka kota itu tidak terpelihara.²

* Penulis adalah kelulusan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, tahun 1977.

1 Kota Jelasin telah diubah dengan nama Kampong Kota, iaitu lebih kurang 4.8 km dari Kota Bharu, Kelantan.

2 Namun demikian bahan-bahan tinggalan tersebut masih lagi ada sedikit sebanyak dan boleh dijadikan sebagai bukti.

Keadaan yang mempercepatkan lagi peroses kerosakan itu adalah tindakan manusia terutama tuan-tuan yang telah menggunakan tanah itu untuk pertanian. Begitu juga keadaan semula jadi (seperti cuaca, hakisan dan sebagainya) yang telah merosakkan bahan-bahan tersebut. Faktor penjajah juga memainkan peranan penting di mana mereka telah merobohkan setengah-setengah bahagian tinggalan itu sehingga sekarang bahan-bahan itu telah hilang akibat terkambus atau dibuang begitu saja.

Puteri Sa'adong

Pemerintahan yang ada kaitan dengan kelahiran Kota Jelasin ialah Cik Siti Wan Kembang dan anak angkatnya iaitu Puteri Sa'adong serta suaminya Raja Abdullah (iaitu suami Puteri Sa'adong).

Cik Siti Wan Kembang ialah anak kepada Raja Ahmad yang memerintah Kelantan pada tahun 1548 hingga 1580M. Oleh kerana semasa Raja Ahmad mangkat, Cik Siti Wan Kembang masih lagi kecil maka penganti baginda telah diberi kepada Sultan Hussin sebagai Pemangku Raja Pada tahun 1580 hingga 1610M. Apabila Sultan Hussin mangkat maka Cik Siti Wan Kembang pun dilantik sebagai Raja Perempuan Kelantan pada tahun 1610M. Baginda bersemayam di gunung Cinta Wangsa.³

Baginda tidak mempunyai suami. Mengikut Haji Taib "Cik Siti Wan Kembang pernah dipinang oleh raja-raja lain, tetapi baginda tak mahu. Kerana baginda merasa bosan dengan hal ini, lalu baginda berpindah ke suatu tempat bernama Cherang Tegayong, yang juga dikenali dengan "Serendah Sekebun Bunga Cherang Tegayong".⁴

Semasa pemerintahan baginda terdapat sebuah kerajaan yang dikenali dengan Kerajaan Jembal.⁵ Kerajaan ini di bawah Raja Luyor. Baginda mempunyai seorang Puteri yang bernama Puteri Sa'adong. Mengikut Haji Taib lagi, Cik Siti Wan Kembang telah bersahabat baik dengan kerajaan ini di mana akhirnya Cik Siti Wan Kembang telah meminta anak baginda iaitu Puteri Sa'adong sebagai anak angkatnya. Permintaan ini telah diberi oleh baginda Raja Luyor.

Kecantikan Puteri Sa'adong telah merebak ke seluruh negeri sehingga sampai ke pengetahuan Raja Siam, mengikut Haji Omar,⁶ wajah Puteri Sa'adong tidak ada tolak bandingnya. Bila seorang raja mengetahui tentang dirinya, menyebabkan raja itu tergila-gila untuk mendapatkan. Di samping itu juga Puteri ini mempunyai keistimewaan yang tertentu dan luarbiasa.⁷ Cerita ini telah menjadi subur sehingga sekarang terutama dari

3 Gunung Cinta Wangsa ialah terletak di Ulu Kelantan.

4 Haji Taib ialah seorang bomoh, sekarang umur beliau 80 tahun. Hal ini diceritakan pada 20 Nov. 76.

5 Jembal terletak berdekatan dengan Kedai Latar.

6 Haji Omar bin Abu Bakar, sekarang umur beliau lebih dari 90 tahun. Ini hasil temubual pada 18 Nov. 1976.

7 Luarbiasa yang dimaksudkan di sini ialah seperti boleh mengubat segala penyakit, ghaib (hilang dari pandangan) serta orang yang kuat beragama.

golongan tua dalam masyarakat Kelantan.

Puteri Sa'adong telah diasuh dan dididik dengan sempurna oleh baginda Cik Siti Wan Kembang. Dan baginda menganggap Puteri Sa'adong sebagai anaknya sendiri. Tentang kecantikan Puteri Sa'adong tersebar luas kepelusuk-pelusuk negeri; banyak pinangan telah dibuat oleh anak-anak raja lain. Tetapi pinangan itu ditolak oleh Cik Siti Wan Kembang. Apabila Raja Siam mengetahui tentang kecantikan Puteri Sa'adong, maka baginda telah menghantar utusan untuk meminang. Tetapi pinangan ini juga ditolak oleh Cik Siti Wan Kembang. Ini telah menghamparkan harapan Siam dan juga menjatuhkan maruah kerajaannya yang masa itu merupakan kerajaan terkuat dan ditakuti oleh kerajaan di sekelilingnya.

Dalam masyarakat tradisi, penolakan pinangan berarti menerima padah. Cik Siti Wan Kembang telah menyedari hal ini. Untuk mengatas masalah ini baginda telah mengahwini Puteri Sa'adong dengan Raja Abdullah iaitu sepupu Puteri Sa'adong dengan persetujuan Puteri Sa'adong sendiri. Selepas perkahwinan ini, Cik Siti Wan Kembang telah merajakkan Puteri Sa'adong sebagai pengganti baginda iaitu Raja Kelantan.

Dalam masa yang tidak begitu lama, Cik Siti Wan Kembang bersama Puteri Sa'adong dan Raja Abdullah telah berpindah ke suatu tempat dengan mendirikan sebuah kota yang dikenali sebagai Kota Jelasin.⁸ Kota ini terletak berhampiran Sungai Kelantan.

Bekas tinggalan kota Cherang Tegayong masih lagi kedapatan. Mengikut Mohamad Mat akib, Cik Siti Wan Kembang tinggal di kota tersebut tidak lama kerana selepas itu baginda telah menyerahkan kota itu kepada Puteri Sa'adong. Baginda kemudiannya telah berpindah ke Gunung Ayam.⁹

Kota Jelasin

Mengikut Senik bin Dollah,¹⁰ Kota Jelasin itu telah dibina oleh pengikut-pengikutnya. Tetapi beliau tidak mengetahui dari manakah Puteri Sa'adong datang. Namun demikian beliau menegaskan bahawa penubuhan kota tersebut telah membangunkan kawasan di sekitarnya. Rakyatnya telah memperluaskan kawasan tersebut sehingga maju. Tentang keluasannya telah dijelaskan iaitu lebih kurang 3.2 kilometer persegi dari Wakaf Zin hingga ke Pintu Gang¹¹ yang mana selepas itu terdapat kerajaan lain pula.


Tentang tarikh pembukaan Kota Jelasin masih lagi tak dapat disahkan. Mengikut ahli sejarah Haji Shukri bin Haji Muda, dalam artikalnya, tarikh

8 Kota Jelasin mengikut Mohamad Mat Akib menjadi tempat pemujaan orang-orang bageh atau bomoh buat masa sekarang.

9 Gunung Ayam terletak di dalam jajahan Tanah Merah sekarang.

10 Senik bin Dollah yang juga dikenali sebagai Tok Senik adalah seorang bomoh; umurnya 90 tahun. Ini diceritakan pada 26 Nov. 76.

11 Wakaf Zin dan Pintu Gang ialah nama sekarang, kesemuanya berada dalam jajahan Kota Bharu. Pintu Gang 3 km dari Kota Bharu dan Wakaf Zin 6.5 km.



Gambar menunjukan kawasan *Kota Jelasin*.



Gambar menunjukan bangunan sekolah yang telah dibina di sekitar kawasan *Kota Jelasin*.

pembukaan kota tersebut ialah pada tahun 1663M. Walau demikian tentang tarikh tetapnya tidak dapat disahkan, kerana tidak ada bukti yang jelas diperolehi sehingga sekarang. Tarikh tersebut adalah didasarkan kepada perlantikan Puteri Sa'adong dan Raja Abdullah sebagai raja.

Kota Jelasin telah menjadi pusat pemerintahan Puteri Sa'adong dengan suaminya Raja Abdullah di mana baginda telah bersemayam di kota tersebut. Kota ini telah memainkan peranan yang penting dalam sejarah negeri Kelantan kerana pemerintahannya telah sampai ke peringkat kegemilanganya, di mana kota ini menjadi maju serta mempunyai rakyat yang ramai.

Mengikut Senik Dollah, Kota Jelasin pernah disifatkan sebagai kota yang terbesar di bawah Raja Abdullah. Rakyatnya selalu mengagung-agungkan pemerintahannya; di samping itu rakyatnya juga dijadikan angkatan perang untuk menahan kota itu dari serangan-serangan luar. Kubu-kubu pertahanan telah dibuat berhampiran dengan kota tersebut di mana parit-parit digali,¹² dengan dalamnya serta timbunan tanah yang tebal dibuat sebagai benteng¹³ pertahanannya. Walau bagaimanapun sekarang keadaan ini telah tertimbus akibat dari hakisan yang berlaku di sepanjang tahun, cuma sedikit yang dapat dijadikan sebagai bukti.

Di sini penulis cuba menggambarkan kawasan Kota Jelasin dilihat dari jauh, di mana kebanyakan tanah telah digunakan oleh tuan-tuan tanah untuk kepentingan mereka.

Mengikut Haji Omar pula, kota tersebut telah dibina dengan kayu-kayu yang tebal¹⁴ dan diukir dengan baiknya oleh tukang-tukangnya yang masyhur.¹⁵ Pembinaan itu juga telah dibangunkan dengan semangat bergotong-royong di bawah kawalan pembesar-pembesarnya sehingga dapat menyiapkan kota tersebut dalam masa yang singkat saja. Kawasan tersebut adalah luas dan di sekelilingnya tidak mempunyai pokok-pokok kayu yang tinggi.¹⁶

Mengikutnya lagi, semasa pemerintahannya, baginda amat disayangi oleh rakyat jelata, kerana baginda berdua tidak melupai kewajipanya terhadap rakyatnya. Baginda selalu menjemput rakyatnya turut sama dalam keramaian-keramaian yang diadakan di istana, seperti semasa diadakan kenduri.¹⁷

Semasa kenduri diadakan baginda juga telah mengadakan pertunjukan-pertunjukan seperti Mak Yong, Menora, Wayang Kulit dan sebagainya.

12 Parit ini mengikut Mohamad Mat Akib pula telah digali sebahagian saja di tepi kota tersebut.

13 Benteng ialah satu penghalang untuk melindungkan diri semasa angkatanya melihat kedatangan musuh dan ia juga boleh dianggap sebagai kubu.

14 Mengikut Haji Omar, tebal kayu itu (dinding) lebih daripada 5 cm.

15 Tukang-tukangnya adalah diambil dari rakyatnya sendiri.

16 Keadaan ini adalah sehingga ke tebing sungai, yang mana di bahagian tebing itu ada banjaran-banjaran pokok yang tinggi dan boleh digunakan untuk pertahanan.

17 Kenduri biasanya diadakan pada hari-hari kebesaran.



Gambar menunjukkan kubur yang sekarang dikenali sebagai kubur Tok Sindir.



Gambar menunjukkan dua batu nisan di mana tempat Tok Sindir dikebumikan.



Gambar menunjukkan seohon pokok 'kesinai' tempat suami Tok Sindir dikebumikan.

Rakyatnya beramai-ramai datang memeriahkan hari tersebut. Di sini juga didapati ada di antara rakyatnya yang telah menambahkan pendapatan mereka dengan menjual kueh-mueh, buah-buahan dan sebagainya.¹⁸ Semasa ini juga rakyat diberitahu segala perkembangan yang akan dilakukan oleh baginda baik untuk kepentingannya atau rakyat baginda.

Mengikut Haji Taib Yussof, Puteri Sa'adong juga selalu berulang-alik ke rumah Tok Sindir¹⁹ untuk mendengar nasihatnya. Baginda datang selalu ke rumah beliau dan dikatakan baginda Puteri Sa'adong sangat bermanja dengan beliau. Jarak Kota Jelasin dengan tempat tinggal Tok Sindir adalah lebih kurang 1.6 kilometer jauhnya. Kesan tempat tinggalnya masih ada lagi iaitu kuburnya (terletak di Wakaf Zin).

Mengikutnya lagi, Tok Sindir mempunyai keistimewaan yang tertentu misalnya beliau selalu menolong orang kampung dalam menyempurnakan hari kenduri, iaitu dengan memberi pinjam pinggan mangkok dan sebagainya.²⁰ Pertolongan ini juga menyebabkan beliau dikasihi oleh penduduk-penduduk di sekitar kawasan tersebut.

18 Penjualan ini dilakukan dengan menjaja di sekeliling tempat permainan tersebut.

19 Tok Sindir ialah seorang perempuan tua; beliau datang dari Pattani, akibat dari kekalahan perang. Beliau datang bersama suaminya dan menetap di situ.

20 Mengikut Haji Taib dan cerita orang-orang kampung, alat-alat itu diperolehi dari kuasa luarbiasa. Cara meminjamnya ialah dengan memberitahu tarikh terlebih dahulu. Tetapi sekiranya barang itu didapati pecah atau rosak maka si peminjamnya hendaklah mengantikannya.

Permainan yang menjadi kegemaran utama Raja Abdullah ialah perlagaan ayam. Baginda mengadakan perlagaan ayam itu dengan para pembesarnya atau panglima-panglimanya. Cara sabungan itu telah diceritakan dengan panjang lebar oleh Senik Dollah. Katanya semasa perlagaan ayam itu dilakukan ramai rakyatnya datang melihat — tepok-sorak begitu hangat sekali sehingga terdengar keseluruhan sekitarnya.

Perlagaan di masa itu juga dengan menggunakan masa rihat yang dikenali 'masa basuh ayam'.²¹ Cara masa digunakan ialah dengan menggunakan tali²² sabut di mana tali itu dibakar pada hujungnya, bila sampai pada takat yang ditandakan maka perlagaan itu diberhentikan buat sementara.

Raja Abdullah juga telah memelihara beberapa ekor ayam baik,²³ dan dijaga dengan baik oleh orang suruhannya. Ayam ini telah diberi makan dan dijaga dengan cukup teliti. Perlagaan itu biasanya dibuat terutama pada hari kebesarannya dan dilakukan biasanya di tebing Sungai Kelantan. Kesan tempat perlagaan ayam masih lagi dapat dilihat sehingga sekarang. Tetapi tidaklah jelas kerana kawasanya sudah banyak berubah akibat keadaan



Batu-batu tempat perlagaan ayam.²⁴

21 'Basuh ayam' ialah dengan cara memandikan dan membuang lendir yang ada pada tengkorak ayam tersebut dan cuba memulih kembali tenaganya.

22 Tali sabut diperbuat khas untuk mengukur masa, selama matakah ayam itu (persabungan) dapat diberhentikan untuk berihat.

23 Ayam baik ialah ayam yang dipelihara khas untuk bersabung; ianya dikawal rapi.

24 Batu tersebut ialah tempat basuh ayam. Sebenarnya batu itu besar tetapi telah ditenggelami akibat timbusan tanah dan sampah sarap. Masa dahulu kawasan ini ditenggelami air tetapi sekarang disebabkan berlakunya penimbunan menyebabkan kawasan ini telah tumbuh dengan pokok kayu dan sebagainya.

cuaca dan timbusan tanah yang berlaku sepanjang tahun.

Selain dari itu baginda berdua juga memelihara beberapa ekor gajah; gajah ini digunakan semasa perang untuk mempertahankan kekuatan angkatannya. Mengikut Tok Senik, gajah yang paling berani dan banyak membuat jasa dikenali dengan Awang Jangok. Keberaniannya juga telah melahirkan cerita-cerita dongeng berkaitan dengan kota tersebut. Di samping itu juga gajah-gajah baginda digunakan untuk pertunjukan dengan menghias pada tubuh gajah tersebut. Hal ini selalu diadakan terutama pada hari-hari kebesarannya.

Tentang pekerjaan rakyat pula, didapati kerja utamanya ialah pertanian seperti tanam padi, sayur-sayuran dan sebagainya. Mengikut Haji Taib, semasa pemerintahan baginda berdua, padi merupakan tanaman utama; hasilnya dapat dengan berlipat ganda. Ini menyebabkan keadaan rakyatnya hidup mewah dan makmur. Rumah-rumah mereka adalah berjauhan di antara satu sama lain cuma berhampiran dengan kota terdapat susunan rumah yang lebih banyak. Kebanyakan rumah dibuat dari buluh, batang pinang dan batang nibong. Di sekitar rumahnya ditanam dengan sayur-sayuran dan sebagainya.

Tentang pakaian rakyat masa itu pula telah dinyatakan oleh Haji Omar. Mengikutnya, kebanyakan orang lelaki memakai baju yang bertengkok bulat, sementara perempuan pula berkemban²⁵ manakala pada rambut mereka diletak sekuntum bunga yang harum baunya.

Berperang Dengan Siam

Kemakmuran yang diperolehi di bawah baginda Puteri Sa'adong dan Raja Abdullah amatlah jelas sekali; keadaan ini pula telah sampai ke pengetahuan Siam. Maharaja Siam mengetahui bahawa Kota Jelasin adalah di bawah pemerintahan Puteri Sa'adong dan suaminya Raja Abdullah. Maharaja Siam mengingati kembali tentang penolakan pinangannya dahulu. Perasaan ini telah menyebabkan Maharaja Siam tersinggung sekali kerana itu adalah seolah-olah mencabar kedudukannya yang disegani oleh negeri-negeri lain. Dengan hal ini Maharaja Siam telah menyiapkan satu angkatan sebagai utusan untuk menyempurnakan tuntutannya. Utusan ini dilengkapi dengan angkatan perangnya yang besar yang akan menyerang jika pihak Kota Jelasin tidak menuaikan permintaannya itu.

Mengikut Mohamad Mat Akib, "Apabila utusan Siam sampai ke kawasan Kota Jelasin, keadaan rakyat telah terasa sesuatu dan meramalkan akan berlaku satu perperangan di antara kedua belah pihak. Sebelum berlaku perperangan itu pihak Siam telah menyampaikan maksud rajanya itu. Mereka akan mengambil tindakan kiranya pihak Raja Abdullah tidak menyerah Puteri Sa'adong kepada utusan tersebut. Tetapi Raja Abdullah

²⁵ 'Berkemban' ialah memakai dengan hanya menggunakan sehelai kain sahaja, di mana kain itu dipakai daripada bahagian dada sampai ke lutut.

enggan menerima permintaan tersebut; juga baginda tidak akan melepaskan Puteri Sa'adong ke tangan Siam. Berikutnya dengan inilah telah berlaku perperangan tersebut sehingga kota tersebut dapat ditembusi oleh angkatan Siam.

Mengikut Tok Senik, pertempuran antara angkatan Kota Jelasin dengan angkatan Siam hebat sekali. Pada permulaanya Raja Abdullah dapat mempertahankan kota itu dari serangan tentera Siam. Mengikutnya lagi, ramai rakyat jelata telah menyokong dan turut sama dalam pertempuran tersebut tidak kira lelaki atau perempuan.

Alat-alat yang digunakan oleh angkatan itu adalah seperti parang, lembing, besi-besi tajam dan sebagainya. Mengikutnya lagi, pertempuran di antara kedua belah pihak itu memakan masa yang agak lama juga. Tetapi oleh kerana pihak utusan Siam telah lengkap dan kuat maka mereka yang mempertahankan kota semakin lemah. Akhirnya pihak Raja Abdullah pun mengalami kekalahan. Dalam pertempuran itu banyak kematian telah berlaku di antara kedua-dua belah pihak. Keadaan sekitarnya tidak kedengaran lain melainkan tempekan dan sorakan yang bersemangat untuk mempertahankan kekuatan masing-masing.

Apabila Raja Abdullah mengetahui bahawa baginda tidak lagi dapat mempertahankan serangan tersebut, tambah pula kota tersebut telah dapat ditembusi oleh angkatan Siam, maka baginda membuat keputusan bersama Puteri Sa'adong untuk mengundurkan diri dari kota tersebut. Raja Abdullah bersama Puteri Sa'adong serta pembesar-pembesar dan pengikutnya berundur untuk menyelamatkan diri mereka.

Mengikut Ibrahim Bakar, penyerangan yang dilakukan oleh utusan Siam itu tidak sempat pihak Raja Abdullah menyiapkan angkatanya untuk melawannya. Jadi, hal inilah menyebabkan Raja Abdullah terpaksa berundur dari kota tersebut; kalau tidak keselamatan baginda berdua akan terancam.²⁶

Mengikut Haji Omar, perperangan di antara angkatan Siam dengan angkatan Kota Jelasin tidaklah memakan masa yang lama; cuma beberapa hari saja. Beliau juga menceritakan keadaan rakyat di masa itu. Katanya, rakyat begitu bersemangat sekali dalam menentang serangan Siam; tak kira lelaki dan perempuan, semuanya turut serta. Semasa perperangan itu gajah juga digunakan untuk menyerang musuh yang berhampiran dengan kota tersebut. Tetapi keadaan ini tidak juga dapat dikawal kerana kekuatan Siam lebih kuat berbanding dengan angkatan Raja Abdullah yang tidak sempat bersedia itu.

Dalam masa pengunduran Raja Abdullah, Puteri Sa'adong dan pengikut-pengikutnya, pihak Siam juga telah putus bekalannya dan terpaksa pulang mengambil bekalan di Siam. Oleh itu Raja Abdullah

26 Ibrahim Bakar ialah seorang tua yang berminat dalam cerita berkaitan dengan sejarah kampung Kota. Umur beliau sekarang ialah 85 tahun. Hal ini diambil hasil dari temubual pada 7 Ogos 76.

bersama Puteri Sa'adong sempat berundur ke satu tempat dikenali sebagai Mahligai,²⁷ dan mereka sempat membina satu kota sebagai pengganti Kota Jelasin.

Tetapi angkatan Siam akhirnya juga dapat mengesan jejak langkah Raja Abdullah dengan Puteri Sa'adong itu selepas mereka datang kembali setelah pulang mengambil bekalannya. Setelah angkatan Siam sampai ke Mahligai, Raja Abdullah bersama Puteri Sa'adong telah membuat perundingan untuk mengetahui perkembangan selanjutnya. Mereka berpendapat lebih baik mereka menyerah, kalau tidak mereka mesti berperang dan ini akan mengakibatkan ramai rakyatnya akan mati hasil dari peperangan tersebut. Maka satu perundingan telah dibuat di antara pihak Raja Abdullah dengan pihak utusan Siam; perundingan itu diadakan di istananya. Dalam perundingan ini telah tercapai satu persetujuan, di mana Puteri Sa'adong akan menunaikan permintaan utusan itu. Baginda akan pergi ke Siam dan menemui rajanya kelak.

Puteri Sa'adong Berada di Negeri Siam

Sebelum Puteri Sa'adong bertolak ke Siam, baginda telah berpesan kepada Raja Abdullah supaya menunggunya sehingga ia kembali dari Siam. Puteri Sa'adong telah belayar ke Siam dengan menaiki perahu utusan Siam tersebut. Semasa pemergian Puteri Sa'adong ke Siam telah diceritakan bahawa rakyatnya amat sedih sekali. Rakyat telah mengucapkan selamat jalan dengan bercucuran air mata. Keadaan ini wujud adalah disebabkan rakyatnya terlampaup sayang pada baginda dan kehilangan Puteri Sa'adong adalah dirasakan kehilangan sesuatu yang berharga kepada mereka. Rakyat selalu mendoakan agar Tuhan akan menolong baginda dan mengharapkan agar baginda akan kembali dengan selamatnya kelak.

Ketibaan Puteri Sa'adong ke istana Raja Siam telah diberi sambutan dengan upacara secara besar-besaran. Bermacam-macam bentuk pertunjukan telah diadakan di depan Puteri Sa'adong. Ini adalah untuk memberi suasana yang gembira pada baginda agar baginda akan tinggal tetap di sana. Tetapi segala pujuh rayu kepada Puteri Sa'adong tidak diendah oleh baginda. Baginda tetap dengan pendirianya di mana baginda tidak mahu menyerah dirinya pada Raja Siam. Sebaliknya Puteri Sa'adong telah membuat beberapa helah untuk menyelamatkan dirinya dari gangguan Raja Siam. Menurut cerita seterusnya baginda telah membuat helah dengan mengatakan tubuh baginda tidak boleh disentuh oleh sesiapa pun. Baginda hendaklah dibuat satu istana yang baik untuk baginda bersemayam.²⁸

Dalam masa Puteri Sa'adong berada di Siam Raja Siam telah jatuh

27 Sekarang kawasan kota ini dikenali dengan nama kampung Mahligai, letaknya di Melor, jajahan Kota Bharu.

28 Mengikut Haji Omar pula, Puteri Sa'adong hanya berkehendakkan satu bilik yang indah dan berasingan.

sakit.²⁹ Banyak bomoh-bomoh termasuk sami Budha telah dipanggil untuk mengubatnya. Tetapi kesemuanya tidak berjaya. Puteri Sa'adong telah menawarkan diri untuk mengubat Raja Siam, tetapi dengan syarat baginda dihantar pulang kiranya baginda berjaya mengubati penyakit tersebut. Syarat ini telah diterima dengan baik oleh Raja Siam. Mengikut Tok Senik, penyakit yang dihinggapi oleh Raja Siam itu ialah kudis.³⁰ Puteri Sa'adong telah mengubat Raja Siam dengan menggunakan air tapak kakinya untuk menyirian Raja Siam. Selepas itu penyakit yang dihidapi oleh Raja Siam sembah dalam masa yang singkat saja. Cara mengubat itu telah menjatuhkan meruah Raja Siam tetapi keadaan ini terpaksa juga raja itu menerimanya.

Oleh kerana baginda telah disyaratkan demikian, maka Raja Siam telah membenarkan baginda pulang ke Kelantan. Baginda telah meminta agar pengiring baginda terdiri dari panglima-panglima yang beragama Islam. Permintaan ini juga telah diterima oleh Raja Siam.

Puteri Sa'adong Kembali Ke Kelantan

Puteri Sa'adong dengan diiringi oleh sepuluh orang panglima Islam berangkat pulang. Baginda melalui Kuala Kemayang dan singgah di sana.³¹ Salah seorang panglima Siam telah meninggal dunia dan dikebumikan di sana — sekarang tempat itu dikenali sebagai kubur Tok Kemayang. Dipercayai Kuala Kemayang memainkan peranan yang penting dalam hubungan Kelantan dengan dunia luar pada masa silam itu; ia merupakan jalan utama untuk keluar masuk ke negeri Kelantan.

Kapal yang dinaiki oleh Puteri Sa'adong tersebut kemudian sampai ke Tanjung Jering. Di sini seorang lagi panglima Siam telah meninggal dunia dan dikuburkan. Sekarang kubur ini dikenali sebagai kubur Syeikh Tanjung Jering. Rombongan ini dari Tanjung Jering terus ke Padang Duri; di sini seorang panglima lagi telah meninggal dunia, sehingga sekarang tempat ini dipanggil "Datuk' Padang Duri". Kemudian angkatan ini menuju ke Jembal³² dan singgah mengadap ayahanda saudara baginda iaitu Raja Omar. Selepas mengadap, baginda bersama pengiringnya meneruskan perjalanan dan singgah di Bukit Marak.³³ Baginda telah tinggal di sana selama tujuh hari untuk berihat. Semasa ini seorang lagi panglima telah

29 Mengikut setengah-setengah pencerita penyakit itu adalah disebabkan oleh daulat Puteri Sa'adong.

30 Penyakit kudis mengikut Tok Senik, telah tumbuh ke seluruh badan Raja Siam. Puteri Sa'adong mengatakan, sebelum mendekati baginda, hendaklah mengubat terlebih dahulu.

31 Kuala Kemayang sekarang dikenali sebagai Kuala Kemasin, terletak di jajahan Bacok, Kelantan.

32 Jembal terletak dekat dengan kedai Latal iaitu dalam jajahan Bacok, Kelantan.

33 Bukit Marak sekarang menjadi satu tempat lawatan kepada para pelajar dan pengkaji sejarah kerana kesan-kesannya masih terdapat hingga kini. Bukit ini terletak lebih kurang 1.6 kilometer dari Pauh Lima, Jalan Kota Bharu — Bacok.

meninggal dunia dan dikuburkan di Tambak — sekarang dikenali sebagai "Kubur Datuk' Tambak" atau kubur Tok Bukit.

Kemudian Puteri Sa'adong menuju ke kota Mahligai (untuk menemu suaiminya Raja Abdullah) bersama pengikutnya iaitu tiga orang panglima Siam yang masih lagi hidup. Setiba saja baginda ke kota ini telah menimbulkan satu keributan kerana pada masa ini Raja Abdullah sedang berada di Balai Penghadapan bersama isteri mudanya, iaitu anak kepada Penghulu Ngah dari Jembal.

Mengikut Haji Omar, Raja Abdullah berkahwin adalah kerana pada Raja Abdullah Puteri Sa'adong tidak lagi dapat pulang dari genggaman Siam. Tetapi Puteri Sa'adong merasakan bahawa Raja Abdullah tidak menepati janjinya. Pertelingkahan telah berlaku dan Puteri Sa'adong tidak dapat mengawal perasaannya.³⁴ baginda terus menikam Raja Abdullah dengan pemacak sanggulnya. Raja Abdullah jatuh terhumban lalu mangkat di situ juga.

Sebagai seorang raja, Puteri Sa'adong pun segera memerintah orang besarnya memakamkan jenazah Raja Abdullah dengan cara adat istiadat di raja di Padang Halban tidak jauh dari Kampung Kala.³⁵ Selepas kejadian tersebut Puteri Sa'adong mengambil keputusan untuk turun dari takhta kerajaan dan baginda melantik Raja Abdul Rahim, iaitu saudara Raja Abdullah, sebagai pengganti baginda. Puteri Sa'adong bersama pengiringnya yang setia berpindah dan bersemayam di Bukit Marak.³⁶ Kota tersebut telah diperintah oleh Raja Abdul Rahim yang bergelar 'Sultan Abdul Rahim'. Dalam masa pemerintahannya timbul beberapa huru-hara dalam negeri; ini adalah kerana sikapnya yang zalim dan memerintah tanpa mengikut unsur-unsur agama. Dalam masa inilah keutuhan Kota tersebut makin malap dan menuju kepada kehancuran. Keadaan ini tidak menyenangkan rakyat; ramai di antara mereka telah pergi menemui Puteri Sa'adong di Bukit Marak dan menceritakan hal ini.³⁷

Puteri Sa'adong tidak dapat membicarakan hal ini kerana seseorang itu tidak boleh menderhaka kepada rajanya melainkan pemerintahan baginda terang-terang bertentangan dengan ajaran Allah dan Rasul. Dalam keadaan begini, Puteri Sa'adong merasakan dirinya tidak tenteram dan membuat keputusan untuk berpindah ke Gunung Ayam,³⁸ di Jajahan Tanah Merah sekarang, iaitu tempat bondanya Cik Siti Wan Kembang. Selepas inilah

³⁴ Sebelum berlaku pembunuhan tersebut, mengikut Haji Taib Yusoff, perkelahian berlaku sehingga Raja Abdullah tidak dapat mengawal perasaannya lalu memukul Puteri Sa'adong Ini menyebabkan Puteri Sa'adong hilang ingatanya dan terus menikam Raja Abdullah.

³⁵ Padang Kala terletak lebih kurang 3 km dari Peringat sekarang. Kesan kubur masih dapat dilihat.

³⁶ Kesan dari tempat peninggalan inilah dapat dilihat hingga sekarang. Baginda berangkat ke sini bersama-sama inang pengasuh dan pengiringnya yang setia.

³⁷ Di sini kita dapat kesanakah bahawa rakyat amat sayang kepada Puteri tersebut sehingga ada sesuatu hal, mereka terus mengadu kepada baginda.

³⁸ Sebuah gunung yang terkenal; letaknya lebih kurang 25 km ke barat Gua Musang.

berita tentang baginda tidak lagi kedengaran³⁹ dan tanpa diketahui oleh pengkaji-pengkaji sejarah.

Selepas itu, keadaan pemerintahan Kota Mahligai semakin zalim. Rakyat tidak lagi sabar; akibatnya telah meletus satu pemberontakan melawan Sultan Abdul Rahim dan pembunuhan berlaku ke atas baginda di tepi Tasek Lelayang Mandi.⁴⁰ Dengan kematian baginda maka berakhirlah kerajaan yang berpusat di Kota Mahligai.

Kota Jelasin Setelah Ditinggalkan Puteri Sa'adong

Setelah Puteri Sa'adong berundur dan membina satu kota yang dikenali dengan Kota Mahligai, baginda berdua tidak lagi datang ke Kota Jelasin. Ini mungkin juga disebabkan oleh angkatan Siam yang dapat mengesani baginda sehingga ke Kota Mahligai di mana baginda terpaksa membuat keputusan untuk pergi ke Siam bersama utusan itu. Dengan membina Kota Mahligai juga telah memberi tempat yang baik untuk baginda bersemayam berbanding dengan Kota Jelasin yang telah rosak akibat dari serangan tersebut.

Mengikut Haji Omar, akibat dari serangan Siam itu menyebabkan banyak kawasan dan binaan kota tersebut telah roboh. Keadaan di sekeliling kota sudah berubah tidak seperti dahulu lagi. Kawasan-kawasan berhampiran dengan kota itu menjadi terang-benderang, licin, akibat pergolakan tersebut. Mengikutnya lagi, kota itu tertinggal kosong yang akhirnya ditumbuhinya oleh anak-anak kayu di sekelilingnya. Keadaan rakyat, selepas saja peninggalan Puteri Sa'adong tidak lagi mempunyai tempat untuk bernaung. Mereka hidup secara bersendirian dan menjalankan kegiatanya masing-masing seperti bercucuk tanam dan sebagainya. Banyak juga di antara rakyat baginda telah berpindah dan mengikut Puteri Sa'adong ke kota yang baru itu (Kota Mahligai). Namun demikian masih ramai rakyatnya mengharapkan agar raja yang dikasih itu pulang semula dengan selamat dan memerintah kembali.

Hal inilah telah diceritakan oleh Haji Omar — rakyat dikatakan menangis akibat kejahanatan serangan Siam itu. Mereka telah berganding bahu dengan baginda dalam peperangan tersebut supaya rajanya akan dapat kemenangan. Tapi, keadaan ini tidak juga mencapai kemenangan kerana Siam lebih lengkap dan kuat daripada mereka.

Mengikut Mohamad Mat Akib pula, semangat bergotong-royong selepas perpindahan baginda itu sudah berkurangan. Ini adalah kerana tempat pertemuan untuk menyatakan sesuatu yang perlu tidak ada lagi.

Kalau dahulunya (semasa pemerintahan Puteri Sa'adong) perhimpunan diadakan secara langsung seperti semasa hari kebesaran Raja,⁴¹ tetapi

³⁹ Mengikut Tok Senik dan beberapa orang tua yang lain, Puteri Sa'adong telah hilang dan dikatakan baginda masih hidup lagi.

⁴⁰ Tasek ini terletak tidak jauh dari Melor.

⁴¹ Pada hari inilah mereka bertemu di antara satu sama lain dan bertukar-tukar fikiran. Jika ada sesuatu untuk faedah mereka atau rajanya maka diberitahu di masa ini.

selepas itu tidak lagi wujud. Katanya lagi, kawasan Kota Jelasin itu kemudiannya telah menjadi tempat pemujaan.⁴² Pemujaan sebegini masih lagi dibuat sehingga sekarang.

Tentang kehidupan rakyat pula telah dikatakan tidak lagi seperti semasa Puteri Sa'dong dahulu, kerana kebanyakan hiburan yang digemari oleh mereka tidak lagi diadakan. Semasa perintahan baginda berdua permainan seperti Mak Yong, Menora, Wayang Kulit dan sebagainya selalu diadakan terutamanya pada hari kebesaran baginda.

Walau pun Puteri Sa'dong telah meninggalkan kota itu, rakyatnya masih ada dan pertambahan penduduk di kawasan itu semakin bertambah. Banyak kawasan hutan telah bertukar menjadi kawasan pertanian terutama padi. Mengikut Tok Senik semasa pemerintahan Puteri Sa'dong, berhampiran dengan Kota Jelasin itu terdapat satu kolam; selepasnya kawasan ini telah dijadikan kawasan tanaman padi. Tetapi kawasan ini sekarang tidak boleh digunakan untuk pertanian padi kerana tanahnya semakin lembah dan selalu ditenggelami air (terlampau dalam).



Gambar menunjukkan kawasan kolam yang sekarang sudah terbiar dan tidak dapat digunakan untuk pertanian lagi.

42 Tempat ini sehingga sekarang masih lagi menjadi tempat pemujaan. Mereka menganggap bahawa ini ada kait-mengait dengan Puteri Sa'dong dimana boleh menolong mereka untuk menyelesaikan sesuatu.

LAMPIRAN

MEREKA YANG TELAH DITEMURAMAH

1. *Haji Taib bin Yusof*, atau dikenali sebagai Pak Cu Taib, sekarang berumur lebih kurang 85 tahun. Beliau seorang bomoh dan selalu dalam jampinya mengaitkan keadaan masa dulu termasuk Puteri Sa'adong. Temubual pada 20 Nov. 1976.
2. *Mohamad bin Mat Akib*, dikenali juga dengan nama Pak Mat Bojen. Sekarang berumur lebih kurang 90 tahun; beliau juga seorang bomoh. Beliau selalu menggunakan kawasan Kota Jelasin yang dikatakan sebagai tempat yang luar biasa. Temubual pada 26 Nov. 1976.
3. *Senik bin Dollah atau Tok Senik*. Sekarang berumur 90 tahun; beliau banyak mendengar kisah-kisah Kota Jelasin dari orang-orang terdahulu daripadanya. Temubual pada 26 Nov. 1976.
4. *Haji Omar bin Abu Bakar, atau Tok Omar*. Sekarang berumur lebih 90 tahun; beliau banyak mendengar hal-hal yang berkaitan dengan Kota Jelasin dari datuknya. Temubual pada 21 Ogos 1976.
5. *Ibrahim bin Abu Bakar atau Pak Da Him*. Berumur 85 tahun; beliau mendengar cerita yang berkaitan dengan Kota Jelasin dari orang tua-tua dahulu. Temubual pada 2 Sept. 1976.

Kadok: Satu Kajian Ringkas

Abdul Aziz Ismail*

Pengenalan

PENGKAJIAN ini adalah untuk menerangkan tentang Sejarah Kampung Kadok dan kawasan sekitarnya. Penekanan khusus dibuat kepada pembesar-pembesar Daerah Kadok ini sejak daripada awal-awal yang dapat diketahui hingga ke pembesarnya yang terakhir. Dengan ini ia melibatkan dua zaman yang amat berbeda iaitu zaman tradisional dan zaman moden. Dokumen yang digunakan dalam pengkajian ini adalah dari kerja-kerja luar, iaitu melalui temuramah dengan penduduk tempatan dan juga beberapa buku dan makalah yang ditulis oleh penduduk tempatan juga penulis-penulis daripada luar.

Kampung Kadok adalah sebuah kampung dalam Daerah Kadok. Namanya adalah diambil sempena dengan nama sebatang pokok kayu yang besar yang dipanggil pokok Kadok.¹ Pokok ini jarang tumbuh dan sukar untuk didapati. Pokok kadok tadi telah tumbuh dengan beberapa banyak pokok kadok lain yang lebih kecil, dan kawasan itu dinamakan Dusun Kadok. Jadi bermula daripada sinilah masyarakat keliling menggelar kampung mereka Kampung Kadok. Begitu juga daerah itu dikenali sebagai Daerah Kadok.

Pola-pola penempatan Daerah Kadok ini adalah berkelompok. Misalnya Kampung Patek (salah sebuah kampung dalam Daerah Kadok) adalah terpisah dengan kampung jirannya dari segi hubungan deretan rumah-rumahnya. Dengan kata lain tidak ada rumah-rumah yang menjadi persambungan antara dua buah kampung tadi. Pada kebiasaan penduduk yang mendiami tiap-tiap sebuah kampung tadi mempunyai tali kekeluargaan masing-masing.² Hal ini adalah mungkin kerana semasa kampung itu mulai dibuka, ia membawa saudara-saudaranya datang bersama.³ Jadi kalau ada keluarga lain yang datang ia dianggap

* Penulis adalah kelulusan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, tahun 1977.

1 Temuramah dengan Penghulu Pak Cu Awang, bekas Polis, tinggal di Kampung Berangan, Kadok, Kota Bharu.

2 Penulis mempunyai waris yang terdiri 50% daripada jumlah penduduk Kampung Patek.

3 Hajar bt. Hj. Ibrahim.

menumpang dan orang yang membuka kampung itu dilantik menjadi ketua kampung.

Selepas pilihanraya 1959, tiap-tiap sebuah kampung mempunyai seorang wakil yang duduk di dalam Majlis Mesyuarat Tempatan. Setiap desakan dan keinginan penduduk kampung ini disampaikan kepadanya dan akhirnya disampaikan kepada peringkat yang lebih tinggi. Tetapi selalunya mereka ini tidak menjalankan tugas dengan agak baik. Ini mungkin kerana kekurangan pengalaman dan pelajaran. Mesyuarat bagi Majlis Tempatan ini diadakan tiap-tiap minggu atau dua kali seminggu. Mereka ini dibayar eluan pada tiap-tiap kali mesyuarat diadakan.

Sementara itu jawatan Penghulu adalah bertanggungjawab pada beberapa buah kampung. Di atasnya ialah jawatan Penggawa⁴ yang seterusnya bertanggungjawab kepada Pegawai Daerah.⁵ Tugas seorang Penghulu selain daripada menolong Pegawai Daerah dan Penggawa dalam urusan pembangunan juga sebagai orang perantaraan antara kerajaan dengan rakyat kampungnya. Pada kebiasaannya masalah yang berkaitan dengan tanah adalah satu tugas penting seorang Penghulu. Ia berfungsi sebagai orang tengah untuk menyelesaikan masalah ini di antara kerajaan dengan rakyat kampung.

Penggawa mempunyai tugas yang lebih berat daripada Penghulu. Penggawa mengatur rancangan pembangunan kampung yang telah diperuntukan oleh kerajaan. Biasanya dalam kes-kes kecil penggawa mempunyai kuasa memutuskannya dengan bayaran denda tidak melebihi \$25.00.

Daerah Kadok mempunyai kawasan tanah yang datar hasil daripada lanar Sungai Kelantan. Maka tanah itu subur dan amat sesuai untuk tanaman padi. Tambahan pula hujan musim tengkujuh yang lebat adalah di antara bulan November dengan Januari. Kawasan ini pada dua jenerasi awal⁶ adalah diselubungi oleh hutan-hutan dan ditebang tebas untuk dijadikan kawasan pertanian.

Sebenarnya, pembukaan tanah pada zaman tradisional adalah tidak terhad untuk dibuka dan dimiliki. Dengan ini mereka yang mempunyai tenaga yang banyak dapat memiliki tanah yang luas. Tenaga-tenaga itu datang daripada tenaga keluarga atau hamba-hamba; kata Gullick, "... pembesar boleh memanggil anak buah mereka untuk bekerja dengan percuma di bawah sistem buruh paksa yang dinamai kerah".⁷

Hingga masa kini, tanaman sayur-sayuran dan tambahan adalah merupakan pendapatan tambahan yang penting kepada petani-petani.

4 Jawatan 'Penggawa' adalah lebih kurang sama dengan jawatan 'Penghulu' di setengah Negeri-negeri Melayu barat.

5 'Daerah' di negeri Melayu barat adalah sama dengan 'Jajahan' di Kelantan.

6 Dirujuk kepada dua jenerasi sebelum jenerasi Hajar bt. Ibrahim yang berusia hampir 60 tahun sekarang.

7 J.M. Gullick, Sistem Politik Bumiputra Tanah Melayu Barat, Kuala Lumpur, 1972, m.s. 49.

Tetapi tanaman ini diusahakan secara kecil-kecilan. Tanaman ini biasanya dijual di kalangan penduduk-penduduk daerah tempatan sahaja. Dalam hal pemasaran hasil-hasil keluaran petani, tidak wujud orang tengah yang benar-benar memainkan peranan penting. Peranan adalah sebagai pengguna, pengedar dan penjual. Biasanya hubungan di antara pengguna dan pengeluar adalah rapat dan kedua-duanya merupakan penduduk setempat.

Selain dari itu, terdapat juga penduduk Cina yang hanya tinggal di pusat daerah yang lebih dikenali sebagai Kedai Kadok. Mereka ini menjalankan kegiatan bermiaga barang-brang runcit untuk keperluan penduduk sekelilingnya. Oleh kerana mereka telah tinggal sebegini lama di daerah ini, telah mendapat kepercayaan daripada penduduk tempatan dan dianggap sebagai agen bagi pekedai-pekedai runcit Melayu yang lebih kecil di peringkat kampung.

Tetapi satu hal yang nyata, bilangan penduduk Cina ini sedikit bilangannya dan tidak pernah melebihi 10 keluarga. Walau bagaimanapun pengaruh perniagaan sebagai pekedai runcit terhadap orang-orang kampung adalah meluas sekali. Mereka ini tidak terlibat dengan pertanian dan tidak juga menjadi orang tengah. Mereka juga tidak membantu penanam padi dengan cara memberi kredit. Petani-petani menjalankan usaha penanaman padi ini dengan tenaga keluarga sendiri dan sedikit sebanyak melalui sistem gotong royong atau derai. Penggunaan baja dan traktor tidak begitu meluas kerana tanah sangat subur. Tenaga kerbau dan lembu sudah cukup untuk membajak tanah.⁸ Walaupun tenaga kerbau dan lembu adalah memakan masa yang lama untuk membajak tanah, dengan penanaman padi dua kali setahun itu memberi mereka cukup masa untuk mengerjakannya.

Dari aspek hiburan didapati bahawa permainan yang paling disukai ialah Dikir Barat, Mak Yong, Wayang Kulit dan Main Peteri. Inilah satu-satu cara untuk melepaskan daripada penat lelah sewaktu bekerja di siang hari. Dikir Barat biasanya diadakan secara perlawanan di antara satu daerah dengan daerah yang lain. Sementara Mak Yong adalah dari Daerah Kadok sendiri yang memang dianggap paling baik.

Penghulu Adas

Sebenarnya tidak dapat dikesan bilakah Kampung Kadok⁹ dibuka. Tetapi dari bukti yang paling tua yang ada sehingga ini didapati Kampung Kadok telah diketuai oleh seorang Penghulu sejak 1758M lagi iaitu Penghulu Adas. Pernah disebut bahawa bila rombongan "... Long

8 Selepas perairan Kemubu, penggunaan baja dan traktor semakin meluas.

9 Mengikut Gullick (op. cit., m.s. 44) perkataan 'kampung' boleh juga digunakan dalam bentuk sifat nama untuk menerangkan satu kumpulan orang, tetapi jarang digunakan dan perkataan 'kampung', kecuali konteks menghendakkan yang lainnya, selalu bererti, satu kumpulan rumah yang menjadi sebuah penempatan.

Ghaffar berangkat ke Trengganu bersama-sama Long Yunus, ditemani oleh Mandor Misa, Penghulu Adas, serta empat puluh orang hulubalang dan pahlawan Kelantan".¹⁰ Rombongan ini adalah di jemput oleh Yang Dipertuan Trengganu untuk menyambut cabaran Panglima Bugis menyabung ayam. Ini menunjukkan bahawa Kampung Kadok telah didiami orang sejak abad ke-18 lagi.

Jawatan Penghulu adalah penting dalam masyarakat Melayu tradisional. "Keperluan ekonomi dan kerjasama dalam kehidupan bersama mewajibkan kampung ini mengatur pimpinan sendiri dalam bentuk penghulu kampung".¹¹ Penghulu juga bertugas sebagai benteng kepada kesetabilan politik kampung dan merupakan orang perantaraan di antara rakyat dengan raja. Seperti di kebanyakan tempat di negeri Melayu barat abad ke-19 yang mana penghulu dilantik di kalangan anak raja yang tidak bergelar,¹² namun Penghulu Adas adalah bukan daripada golongan kerabat diraja.

Hal ini amat jelas bila Sultan Muhammad I telah mengurniakan gelaran Datuk Kaya Pahlawan Kadok kepada keturunannya.¹³ Mengikut Gullick, "... gelaran raja tidak boleh digunakan bagi pembesar-pembesar yang bukan turunan diraja walau bagaimana mulia sekalipun. Pembesar-pembesar yang bukan turunan diraja serupa ini memakai gelaran khas, Datuk".¹⁴ Dengan ini nampaknya Penghulu Adas adalah orang tempatan yang mungkin kerana keperwiraannya mempunyai hubungan rapat dengan pihak istana di Kota Bharu. Satu lagi gelaran yang masih terdapat hingga sekarang ini, yang masih dipakai oleh kerabat dan keturunan Penghulu Adas, ialah 'Wan'. "Perbezaan yang halus ini adalah berkaitan dengan tanggapan yang sebatи mengenai pembezaan darjah di kalangan golongan pemerintah".¹⁵

Peperangan Kubang Labu II pada 1762M.

Penghulu Adas memainkan peranan penting dalam peperangan Kubang Labu II. Peperangan inilah yang membawa takhta kerajaan Kelantan berpindah semula kepada Long Yunus iaitu orang yang berhak mewarisi takhta tersebut. Peperangan ini terjadi apabila Long Muhammad telah menzalimi penduduk Jembal kerana satu fitnah daripada Long Deraman. Fitnah itu mengatakan bahawa Long Yunus akan pulang dan

10 Mohammad Hussin Khal'e Hj. Awang, Kelantan Dari Zaman ke Zaman, Kota Bharu, 1970, m.s. 22.

11 Gullick, op. cit. m.s. 69.

12 Lihat Khoo Kay Kim, The Western Malay States 1850-1873, Kuala Lumpur, 1972, m.s. 15.

13 Temuramah dengan Siti Mariam bt. Salleh, menantu kepada Orang Kaya Hulubalang Kadok II, tinggal di kedai Kadok, Kota Bharu.

14 Gullick, op. cit. m.s. 34.

15 Ibid, op. cit. m.s. 35.

penduduk Jembal berhasrat untuk merampas kuasa.¹⁶ Dengan kezaliman tadi, maka Long Yunus bersama-sama dengan Long Ghaffar pulang ke Kota Bharu dari Trengganu. Yang Dipertuan Trengganu "... telah mengurniakan beberapa orang panglima, hulubalang dan pahlawan-pahlawan Trengganu untuk turut membantu angkatan perang Long Yunus dan Long Ghaffar yang akan menyerang Kubang Labu".¹⁷

Long Ghaffar terpaksa berpecah ke Jeram kerana mengumpul orang-orangnya di sana, sementara Long Yunus dan Penghulu Adas ke Kota Bharu. "... apabila ... sampai di Peringat, Penghulu Adas pula menuju ke Kampung Kadok untuk mengumpul anak buahnya".¹⁸ Angkatan perang Long Ghaffar dan Penghulu Adas berkumpul di rumah Mandor Misa di Kubang Garong. Long Yunus dan Long Ghaffar membuat taktik perang.



(Gambar Muzium Negara)

Kesan-kesan Kota Kubang Labu.

16 Muhammad Husin Khal'e Hj. Awang, op. cit. m.s. 27.

17 Ibid., m.s. 29.

18 Ibid., m.s. 29.

Dalam taktik itu, Penghulu Adas dan Mandor Misa telah ditugaskan untuk membuat serangan ke atas Kubang Labu melalui Pasir Pekan. Angkatan Penghulu Adas ini ditentang oleh Pertahanan Kubang Labu yang dipimpin oleh Panglima Umar Kampung Laut.¹⁹ Penghulu Adas dan Mandor Misa diarah membuat serangan dari utara, sementara Long Yunus dari timur dan Long Ghaffar dari selatan. Semenetera Kubu Kubang Labu di sebelah utara ini dipimpin oleh Long Muhammad dan di selatan dipimpin oleh Long Deraman.

Serangan tiga penjuru ini membawa kesan yang hebat. Angkatan perang Kubang Labu akhirnya telah tertewas. Akhirnya Long Yunus dilantik menjadi Yang Dipertuan Kelantan pada 1764 dan bersemayam di Kota Kubang Labu hingga 1784. Mengenangkan jasa Long Ghaffar itu, Long Yunus telah menguruskan "gelaran Engku Sri Maharaja Perdana Menteri ... serta dikurniakan kuasa istimewa untuk memerintah sebagai Pesurujaya bagi satu kawasan negeri Kelantan mulai daripada sungai Pasir Tumbuh hingga ke Laut dan ke Timur hingga bersempadan negeri Trengganu, ke Barat hingga Sungai Kelantan dan ke Selatan hingga bersempadan Kuala Krai. Kawasan ini adalah diletak di bawah kekuasaan mutlak Long Ghaffar ..." ²⁰



(Gambar Muzium Negara)

Makam Long Yunus, di Kampung Langgar, Kota Bharu.

¹⁹ Ibid., m.s. 30.

²⁰ Ibid., m.s. 33.

Orang Kaya Hulubalang Kadok I

Tarikh bilakah sebenarnya Penghulu Adas meninggal dunia tidak diketahui.²¹ Setakat ini belum ditemui sebarang catatan atau cerita-cerita lisan. Walau bagaimanapun anak Penghulu Adas, iaitu Haji Abdullah²² telah diberi gelaran Datuk Kaya Hulubalang Kadok dari Sultan Muhammad I (1800-1835).²³ Gelaran ini dikurniakan kerana mengenangkan jasaya sebagai seorang panglima yang menolong merampas balik takhta kerajaan Kelantan yang dipegang oleh Tengku Ahmad,²⁴ anak Yang Dipertuan Trengganu dan menantu kepada Long Yunus. Pertelagahan ini membawa kepada satu perperangan yang menumpahkan darah yang berlaku pada 1799.

Tengku Ahmad yang kekuatannya semata-mata bergantung kepada hulubalang-hulubalang dan pembesar-pembesar Trengganu akhirnya telah tewas dan telah berjaya melarikan diri ke Trengganu. Selepas kemenangan itu Long Muhammad telah diangkat menjadi Sultan Muhammad I dengan disetujui oleh putera-putera Long Yunus yang lain dan pembesar-pembesar negeri.

Peperangan Trengganu-Kelantan

Sultan Ahmad selepas tewas dalam perperangan merebut jawatan Yang Dipertuan Kelantan pada 1799 telah berjaya melarikan diri balik ke Trengganu, tetapi akhirnya telah berjaya mengumpul satu angkatan perang yang kuat untuk menyerang Kelantan secara besar-besaran. Akhirnya pada 1801, angkatan Sultan Ahmad telah berjaya mendarat di Pantai Semerak, Pasir Putih, dan telah berjaya menyusur pantai Kelantan hingga ke Bachok. Perperangan yang sebegini sengit ini memakan masa sebulan.

Oleh kerana tekanan yang kuat dari tentara Tengku Ahmad melalui jalan darat dan laut, maka barisan pertahanan Kelantan terpaksa berundur dengan menyusuli Sungai Kelantan dan mudek ke hulu. Apabila sampai di Sokor atau Kuala Nal, di Daerah Ulu Kelantan, maka barisan pertahanan Kelantan berehat selama 3 hari. Selepas itu Sultan Muhammad I mengemaskin barisan pertahanannya untuk melakukan serangan-serangan balas. Sultan Muhammad juga telah mendapat bantuan daripada orang Cina dari Galas, Gua Musang.²⁵ Dengan bantuan orang Cina ini maka

21 Namun itu dapatlah dikatakan bahawa sebelum 1800 Penghulu Adas dan Mandor Misa telah meninggal dunia.

22 Siti Mariam bt. Salleh.

23 Muhammad Husin Khal'e Hj. Awang, op. cit. m.s. 42.

24 Oleh kerana terdapat pertelingkahan, Tengku Ahmad dilantik menjadi Penghulu Sultan selama 100 hari. Tapi akhirnya Tengku Ahmad enggan menyerah balek jawatan. Dengan ini perang di antara Putera-putera Long Yunus dengan Tengku Ahmad pun meletus.

25 Orang Cina ini bekerja sebagai pelombong emas dan datang ke Galas sejak lama dahulu. Mereka ini tidak mempunyai hubungan dengan negeri China.



(Gambar Muzium Negara)

Makam Sultan Muhammad I, di Kampung Langgar, Kota Bharu.

barisan pertahanan Sultan Muhammad I menjadi kuat dan serangan balas pun mula dilancarkan. Mereka mula menghilir melalui Sungai Kelantan dan pasukan ini telah berpecah dua bila sampai ke Kuala Sat.

Satu pasukan yang diketuai oleh Datuk Kaya Hulubalang Kadok I telah diberi tugas penting untuk menyekat apa-apa bantuan perang daripada Kerajaan Trengganu kepada angkatan Tengku Ahmad. Datuk Kaya Hulubalang Kadok juga diberi arahan untuk melemahkan semangat pasukan Trengganu yang pada masa itu telahpun berjaya menakluki pantai Kelantan dan medan tengah. Datuk Kaya Hulubalang Kadok akhirnya telah mudik ke Hulu Sat lalu ke Jeram, Pasir Putih, dan telah bersatu dengan angkatan peang yang dipimpin oleh Engku Limbat.²⁶ Angkatan bersama ini akhirnya telah menuju ke Semerak untuk memutuskan angkatan tentera Trengganu daripada mendapat bantuan dari Kerajaan Trengganu.

Tugas yang dibebankan oleh Sultan Muhammad I kepada Datuk Kaya Hulubalang Kadok ini akhirnya mendapat kejayaan besar dan bantuan Kerajaan Trengganu telah dapat disekat.²⁷ Angkatan Trengganu yang terkepung ini mendapat paluan hebat. Angkatan "raja Banggol dan raja Kampung Laut . . . memulakan serangan balas menyusur sepanjang-pantai Semut Api, Pak Amat hingga ke Kemasin, Bachok".²⁸

Sementara itu Datuk Panglima Perang telah memimpin lagi satu angkatan perang dan bersatu dengan angkatan perang Engku Sri Maharaja Jeram dan menuju ke Medan Perang Tengah. Akhirnya taktik tiga penjuru oleh barisan pertahanan Kelantan ini telah berjaya menghancurkan pasukan tentera Trengganu setelah memakan masa 22 hari. Dengan ini Sultan Muhammad I telah berjaya mengamankan kembali negeri Kelantan dan kedudukannya sebagai seorang sultan semakin teguh.

Nampaknya apabila Sultan Muhammad II (1838-1886) menjadi Yang Dipertuan Kelantan, gelaran 'Kaya Hulubalang' mempunyai tugas yang penting. Dalam susunan Jemaah Menteri yang seramai 27 orang pembesar yang bergelar itu didapati gelaran 'Kaya Hulubalang' bersama-sama dengan 'Kaya Purba', 'Kaya Pahlawan' dan 'Kaya Perwira' duduk di dalam Jemaah Menteri yang dipanggil Jemaah Menteri Dalam Negeri.²⁹ "Jemaah Menteri ini bertugas sebagai penanggong dan pembuka titah raja bagi pertimbangan mesyuarat mengenai urusan-urusan bersangkutan

26 Engku Limbat anak kepada Long Ghaffar dan telah diberi gelaran Engku Perdana Menteri Jeram.

27 Muhammad Husin Khal'e Hj. Awang, op. cit. m.s. 43.

28 Ibid., m.s. 43.

29 Dalam mengatur tugas pembesar itu, Sultan Muhammad II mengadakan 8 Jemaah Menteri, iaitu: Jemaah Menteri Perbendaharaan, Jemaah Menteri Peperangan, Jemaah Menteri Pentadbiran, Jemaah Menteri Luar, Jemaah Menteri Dalam Negeri, Jemaah Menteri Istana, Jemaah Menteri Keadilan dan Kahakiman dan Jemaah Penasihat Raja dalam Urusan Besar.

dengan hal ehwal dalam negeri".³⁰ Tugas yang penting ini memerlukan semangat kepahlawanan untuk menentang jika berlaku sebarang kacau-bilau dalam negeri. Perkatan 'Datuk' juga adalah menunjukkan bahawa seseorang yang memakai gelaran itu adalah berjasa besar kepada raja; tetapi ia bukan daripada kerabat diraja.

Datuk Kaya Hulubalang Kadok II

Sekali lagi bilakah Datuk Kaya Hulubalang Kadok II atau namanya yang sebenar Nik Wan Ahmad³¹ berkuasa sebagai Pembesar Kadok tidak dapat diketahui dengan jelas dan begitu juga bilakah Datuk Kaya Hulubalang Kadok II meninggal dunia. Tetapi adalah dipercayai bahawa semasa pemberontakan Pahang yang terakhir pada awal 1890-an, Nik Wan Ahmad telahpun mendapat gelaran tersebut.³² Mengikut keterangan Penghulu Awang, Datuk Kaya Hulubalang Kadok II pernah pergi berjumpa dengan Mat Kilau yang sedang berlindung diri daripada ditangkap oleh Inggeris di Kalwat manakala Tok Gajah pula sedang berselindung diri di Kemuning. Pada masa ini Kemuning di bawah perintah Tok Slia. Tetapi rombongan dari Pahang ini terpaksa meninggalkan Kelantan kerana Tok Slia telah memberitahu Yang Dipertuan Kelantan dan Yang Dipertuan Kelantan memerintah supaya mereka ini ditangkap.

Mengikut keterangan lisan, Nik Wan Ahmad mendapat gelaran Orang Kaya Pahlawan kerana beliau telah berjaya mengalahkan satu pemberontakan yang berlaku di Lebir. Mengenangkan jasa yang besar ini beliau diberi gelaran Datuk Hulubalang Kadok dan Kampung Kadok serta kawasan sekitarnya telah diserahkan kepada Nik Wan Ahmad untuk dijaga.³³

Lebir adalah sebuah daerah di Ulu Kelantan. Ia di bawah perintah seorang pembesar, Datuk Lela Diraja, yang tinggal di Kota Bharu.³⁵ Mengikut Clifford, daerah Lebir ini adalah diambil namanya daripada Sungai Lebir yang mengalir dari Gunung Tahan ke Sungai Kelantan dan panjangnya kira-kira 128 kilometer. Di kiri kanan Sungai Lebir adalah tanah yang subur untuk bercucuk tanam dan kaya dengan bahan galian.

30 Muhammad Husin Khal'e Hj. Awang, op. cit., m.s. 70.

31 Keterangan dari Siti Mariam Salleh, Wan Ahmad mempunyai adik beradik 8 orang laiu Che Lah, Che Ngah, Che Senik, Che Bongsu, Che Wa, Che Yam, Hj. Bidah dan Hj. Jenab.

32 Penghulu Pak Cu Awang.

33 Ibid.

34 Konsep ini mungkin sebagai seorang pembesar yang diberi jawatan pentadbir untuk satu-satu wilayah dengan tidak ada sempadan yang nyata. Hal ini bergantung di atas pengaruh dan kewibawaan seseorang pembesar.

35 H. Clifford, "A Journey Through The Malay States of Trengganu and Kelantan," The Geographical Journal Vol. IX, No. 1, Jan. 1897, m.s. 24.

Di samping itu "The Lebir district produces a considerable amount of jungle produce, and the rice grown in the villages is more than sufficient for the wants of the people. The surplus is usually sold to the mines in the Galas . . ." ³⁶

Lebir mempunyai penduduk yang ramai, mengikut Clifford lagi, penduduk Lebir terdiri daripada 3,000 orang dan kebanyakannya terdiri daripada Melayu Pahang jati. Mereka ini berhijrah ke Lebir sebagai orang pelarian kerana kacau-bilau, perperangan, tekanan atau kesalahan yang mereka lakukan terhadap pemerintah Pahang. Mengikut pendapat Datuk Lela Diraja, "the people should be effectually prevented from aiding the Pahang rebels, should they return to the Lebir district" ³⁷. Jadi ini memberi kemungkinan bahawa Datuk Kaya Hulubalang Kadok II terpaksa ditugaskan ke Lebir untuk mengamankan atau menjaga kedaulatan Kelantan daripada dicerobohi oleh pemberontak-pemberontak Pahang ini. ³⁸

Datuk Kaya Hulubalang Kadok II juga telah membantu Kerajaan British dalam usaha menentang kebangkitan Tok Janggut yang berlaku pada 1915. ³⁹ Ini merupakan reaksi penduduk tempatan Jeram, Pasir Putih, ke atas undang-undang tanah yang telah dikuatkuasakan oleh, kerajaan sejak 1904 lagi. ⁴⁰ Dari pada cukai tanah ini kerajaan Kelantan mendapat hasil yang memuaskan:

TAHUN	JUMLAH PENDAPATAN
1904	168,109.00
1905	207,232.00
1906	278,784.00
1907	317,388.00
1908	355,299.00

Kebangkitan ini adalah diketuai oleh Engku Besar dengan Hj. Ahmad sebagai Menteri dan Hj. Mat Hassan atau lebih dikenali sebagai Tok Janggut sebagai Panglima Perang. Sebab lahir yang menjadi lunas kebangkitan ini adalah berpunca daripada tindakan En. Latif, Ketua Jajahan Pasir Putih, mengenakan cukai ke atas tanaman ubi — iaitu ubi kayu dan ubi keledek dikenakan cukai sebanyak 10 sen tiap-tiap satu batas selain daripada cukai tanah. ⁴¹ Golongan penentang tadi mendapat

(36) Ibid., m.s. 22.

(37) Ibid., m.s. 22.

(38) Clifford melawat Kelantan pada 1894.

(39) Tarikh yang diberikan oleh Penghulu Pak Cu Awang. Beliau juga diantar oleh British (pada masa itu beliau menjadi polis) ke Pasir Putih untuk menentang Tok Janggut.

(40) Muhammad Husin Khal'e Hj. Awang, op. cit., m.s. 98.

(41) Ibid., m.s. 115.

satu peluang untuk menghasut rakyat atas dakwaan kezaliman daripada kerajaan, terutama Ketua Jajahan Pasir Putih.⁴² Mereka berpendapat bahawa cukai itu tidak patut dilaksanakan tanpa persetujuan mereka.

Sarjan Che Wan bersama-sama dengan mata-mata Awang Lah⁴³ diperintah untuk menangkap Tok Janggut di Kampung Saring kerana didapati gagal hadir dalam perbicaraan mahkamah kerana dituduh menghasut. Akhirnya Sarjan Che Wan ditikam mati oleh Tok Janggut dan Awang Lah sempat lari. En. Latif juga turut melarikan diri melalui Pantai Semerak, dengan wang hasil kutipan cukai, ke Kota Bharu. Tok Janggut segera menduduki bandar Pasir Putih. Maka terjadilah satu perperangan hebat di antara askar-askar British dengan pihak Tok Janggut. Tok Janggut telah berundur dan membuat kubu pertahanan terakhir di Kampung Saring. Tetapi akhirnya dapat dibunuh oleh British.

Datuk Kaya Pahlawan Kadok II telah diarah untuk membantu kerajaan menentang kebangkitan ini. Pada masa menerima perintah itu beliau sedang melaga lembu. Dengan segera Datuk Kaya Hulubalang Kadok II telah bersiap dengan lebih kurang 200 orang Kadok berjalan menuju ke Pasir Putih dengan bersenjatakan leming dan keris.⁴⁴ Mereka ini diarah untuk menyekat jalan perhubungan di antara Pasir Putih dengan Kota Bharu. Sementara itu, di Kadok satu perintah berjaga-jaga dikeluarkan. Penduduk di kawasan ini diarah supaya menikam atau membunuh Tok Janggut bila mereka lari melepaskan diri.⁴⁵

Mayat Tok Janggut telah dibawa ke Kota Bharu dan diletakkan di Padang Merdeka. Kerajaan membuat pengistiharan bahawa sesiapa yang tidak melihat mayat Tok Janggut akan dikenakan denda sebanyak \$25. Pengistiharan ini hanyalah di kawasan Pasar Besar Kota Bharu sahaja.

"Di zaman-zaman yang silam sultan ialah sumber keluasaan dan kekuasaan serta menjadi pembuat undang-undang dan juga merupakan penglaksanaan undang-undang itu. Meskipun demikian, baginda mempunyai juga seorang perdana menteri sebagai penasihat agong yang membantunya dalam urusan-urusan pentadbiran negaranya".⁴⁶ Tetapi di masa kekacuan dalam negeri, kuasa sultan adalah terhad sekali: "Until 1900 or so, the country was nominally under the jurisdiction of certain territorial chiefs who were in turn responsible to the raja".⁴⁷ Dengan keadaan hal seperti ini Datuk Kaya Hulubalang Kadok II telah melantik pembesar-pembesarnya yang tersendiri. Datuk Kaya Hulubalang Kadok II juga menghukum kesalahan jenayah dalam Daerah Kadok.

42 Ibid., m.s. 115.

43 Penghulu Pak Cu Awang.

44 Penghulu Pak Cu Awang.

45 Ibid.

46 Nik Ahmad bin Hj. Hassan, "Kajian Ringkas Mengenai Keturunan Long Yunus Kelantan," *Jurnal Persatuan Sejarah Kelantan*, Bil. 1, 1964/65, m.s. 40.

47 Chan Su-Ming, "Kelantan dan Trengganu 1909-1939," *Journal of The Malayan Branch Royal Asiatic Society* Vol. 38 Part I, 1965, m.s. 160, hasil temuramah.

Datuk Kaya Hulubalang Kadok II berfungsi sebagai pemungut hasil kepala bagi Daerah Kadok. Kerja-kerja memungut cukai ini telah dilakukan oleh orang-orang suruhannya yang dipanggil Budak Tok Kadok. Satu ukuran yang tetap telah dibuat bagi pemungut hasil kepala ini. Sesiapa yang menyentuh ukuran tadi dikenakan cukai kepala sebanyak 50 sen. Hasil ini akan diserahkan kepada raja. Walau bagaimanapun berkemungkinan besar hasil kutipan cukai kepala ini masuk juga ke tangan pembesar.⁴⁸ Walau bagaimanapun Datuk Kaya Hulubalang Kadok II mempunyai tanah yang luas. Jadi selain daripada cukai kepala tadi ia juga mengutip hasil di atas tanahnya berdasarkan sistem pawahian.

Selain daripada itu Datuk Kaya Hulubalang Kadok II mempunyai hamba-hamba. Kebanyakan daripada hamba-hamba ini adalah penjenayah yang telah mendapat perlindungan daripadanya apabila melakukan kesalahan. Mulai daripada saat itu ia telah menjadi hamba kepada Datuk Kaya Hulubalang Kadok II. Datuk Kaya Hulubalang Kadok II juga berfungsi sebagai Tok Imam dan Kadi dan di rumahnya ialah upacara nikah kahwin dilakukan bagi kawasan Daerah Kadok.⁴⁹

Dalam lapangan hiburan tradisional kumpulan Datuk Kaya Hulubalang Kadok II adalah dikenali umum dalam masyarakat Melayu Kelantan. Hiburan-hiburan itu adalah seperti Mak Yong, Wayang Kulit dan melaga lembu. Tetapi apa yang lebih terkenal ialah Mak Yong. Apabila satu-satu perayaan diraja diadakan di Kota Bharu, kumpulan Datuk Kaya Hulubalang Kadok II dijemput untuk pertunjukan selama 7 malam berturut-turut. Dengan ini hubungan di antara Sultan dengan Datuk Kaya Hulubalang Kadok II adalah rapat sekali.⁵⁰

Datuk Kaya Hulubalang Kadok II adalah hidup dalam dua zaman yang berbeza, iaitu zaman sebelum daripada pengaruh Inggeris meresap dalam jentera pentadbiran negeri Kelantan dan zaman Kelantan di bawah naungan Inggeris. Kedua-dua zaman tadi boleh dianggap zaman tradisional dan zaman moden. Titik tolak ini bermula pada 1902, iaitu dengan penandatangani perjanjian bulan Disember di antara Kelantan dengan Siam. Perjanjian ini membolehkan kerajaan Siam menghantar Pesuruhjaya untuk menasihati dalam urusan-urusan pentadbiran dengan lebih luas dan mempunyai undang-undang yang bertulis. Akhirnya Perjanjian Inggeris — British pada 1910 telah membawa Kelantan secara terus di bawah naungan Inggeris dan dengan ini pentadbiran moden Inggeris dapat meresap dengan lebih cepat lagi. Pernah dikatakan "... the most sweeping change introduced by the British was the establishment of a more elaborate and highly centralised administrative machinery to replace the indigeneous administrative system which was somewhat loosely structured".⁵¹

48 Penghulu Pak Cu Awang, hasil temuramah.

49 Siti Mariam bt. Salleh — hasil temuramah.

50 Ibid.

51 Khoo Kay Kim, "Malay Society 1874-1920s", Journal of Southeast Asian Studies, Vol. V, No. 2, 1974, m.s. 182.

Hingga 1900 didapati bahawa Datuk Kaya Hulubalang Kadok II adalah sebagai seorang pembesar yang bergelar dan Kadok telah dianugerahkan kepadanya untuk ditadbir dan ia terus bertanggungjawab pada raja.⁵² Tetapi selepas 1902 didapati tugas Orang Kaya Pahlawan Kadok II telah berubah peranannya. Pengutipan cukai adalah dilakukan oleh Tok Kweng,⁵³ iaitu satu jawatan pentadbir kerajaan yang paling bawah sekali. Tok Kweng adalah bertanggungjawab terus pada raja. Pada masa ini Sultan atau Raja Kelantan memerintah dengan menerima nasihat daripada Majlis Mesyuarat Negeri. Nasihat ini hendaklah diterima oleh Sultan.

Penyusunan semula Tok Kweng ini adalah penting agar menjadi lebih berkesan peranannya dalam masyarakat. Mereka ini adalah sebagai orang tengah di antara kerajaan dengan orang ramai atau rakyat jelata. Hal ini dipikul oleh Tok Kweng memandangkan mereka ini mempunyai hubungan rapat dengan rakyat jelata. Sebarang cadangan atau masalah-masalah yang timbul dari semasa ke semasa boleh disampaikan kepada Tok Kweng.

Sesuai dengan kuat kuasa undang-undang baru ini, di Kadok telah ditubuhkan sebuah Balai Polis. Dengan ini satu pasukan askar Sikh telah dihantar untuk menguatkuasakan undang-undang. Dengan ini Datuk Kaya Pahlawan Kadok tidak berfungsi bagi menghukum jenayah malah setiap kesalahan akan didakwa di mahkamah Kota Bharu. Dengan ini tugas Orang Kaya Pahlawan Kadok sebagai pembesar tradisional telah ditarik balik dan sebagai gantinya, ia menerima pencegah daripada kerajaan baru sehingga mati.⁵⁴

Selepas 1910, perhambaan semakin kurang pentingnya dan tidak digunakan secara meluas. Ini disebabkan tanah-tanah tadi telah diberi milik oleh kerajaan pada orang perseorangan dan dengan ini melibatkan juga tanah Datuk Kaya Pahlawan Kadok II. Dengan pemilihan tanah secara perseorangan ini tidak memberi peluang untuk pembesar memungut cukai. Dengan kurangnya peranan pembesar ini hasil pendapatan kerajaan juga bertambah. Umpamanya pada 1910 hasil kutipan kerajaan ialah \$400,000 sementara pada 1930 pendapatan kerajaan telah meningkat kepada \$2,182,000.

Satu sistem kerah yang berleluasa tidak wujud lagi selepas 1910. Dengan ini penduduk di kawasan Kadok bekerja untuk kehidupan mereka. Walau bagaimanapun pada tahun 1904 sistem ini hanya digunakan untuk kepentingan raja sahaja, iaitu "... for carrying official letters, repair of irrigation works and other labour in the interests of the state".⁵⁵

Pada 1915 Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan telah ditubuhkan. Selaras dengan itu sempadan-sempadan mukim tertentu telah

52 Penghulu Pak Cu Awang.

53 Jawatan ini kemudian diubah nama kepada Penggawa' — mengikut Siti Mariam bt. Salleh, Penggawa pertama di Kadok ialah Tok Deraman.

54 Siti Mariam bt. Salleh — hasil temuramah.

55 Chan Su Ming, op. cit., m.s. 163. Pernah juga penulis mendengar tentang perkataan "kerja raja" yang berhubung dengan perkara ini.



(Gambar Muzium Negara)

Sultan Muhammad IV (1900 — 1920).

ditentukan. Tiap-tiap buah mukim diketuai oleh seorang Imam dan didirikan sebuah masjid atau surau untuk sembahyang Jumaat atau upacara agama yang lain. Mereka ini adalah mengendalikan hal-hal yang bersabit dengan hukum syarak, tanah perkuburan, pengutipan zakat dan fitrah serta nikah-cerai. Imam juga mengetuai sebarang upacara agama seperti maulud. Sebagai ganjaran daripada perkhidmatan itu Imam diberi gaji oleh Majlis Agama Islam yang dinamakan atau lebih dikenali dengan habuan.

Di samping Penggawa, Imam juga merupakan salah seorang daripada ketua dalam masyarakat Melayu kampung. Dirinya sebagai individu selalu dibawa ke tengah dalam apa-apa masalah yang timbul. Hal ini penting mungkin kerana Imam itu adalah yang berpengaruh dan mempunyai pengetahuan agama Islam yang mendalam. Dengan ini, Imam menjadi tempat rujukan selain daripada alim ulama dan lebai.

Penutup

Pada kesimpulannya, apa yang dapat dinyatakan di sini ialah Daerah Kadok, atau pada zaman tradisional dikenali dengan Kampung Kadok, sebagai satu pusat kawasan pengaruh Datuk Orang Kaya Hulubalang Kadok, telah dibuka atau didiami sejak pertengahan abad ke-18 lagi. Dari itu Kampung Kadok telah berkembang dari semasa ke semasa dan di samping mengalami perkembangan itu, Kadok juga telah mengalami perubahan moden dari segi politik, ekonomi dan sosial.

Sebagai sebuah daerah yang besar Kadok telah mempunyai seorang ketua, yang mana peranannya untuk mewujudkan keadilan dan keamanan daripada tekanan luar atau sekitarnya atau keganasan dari dalam. Jadi di sini timbul peranan seorang pentadbir atau penghulu untuk menjaga ketenteraman di samping bertanggungjawab kepada pemerintah yang lebih tinggi.

Nampaknya sifat kampung besar yang digalurkan oleh Gullick terdapat pada Kampung Kadok. Umpamanya "Jika sesebuah kampung itu cukup besar untuk menjadi tempat kediaman seorang pembesar maka keluarga rumahnya terdiri dari pendekar-pendekar, pengawal, persuruh-persuruh, orang-orang perahu, gundek dan inang pengasuh merupakan unsur-unsur tambahan dalam kampung itu. Sebuah kampung yang besar akan termasuk juga beberapa orang pekedai dan peniaga asing kepada masyarakat asli kampung itu".⁵⁶

Nampaknya Datuk Kaya Pahlawan Kadok mempunyai hubungan yang rapat dengan pihak istana. Hal ini jelas dengan lawatan dari semasa ke semasa oleh Sultan Muhammad IV ke Kadok. Di samping itu pembesar-pembesar Kadok menerima gelaran-gelaran daripada Raja-Raja Kelantan

⁵⁶ Gullick, op. cit., m.s. 52.

hasil daripada peranan yang dimainkan oleh pembesar Kelantan dalam mententeramkan keamanan dalam negeri. Gelaran-gelaran tadi bukanlah dari warisan daripada pembesar-pembesar yang sebelumnya.

Umpamanya Penghulu Adas telah berjaya memberikan sumbangannya untuk mengembalikan kekuasaan Long Yunus; Haji Abdullah kerana berjasa menentang saingan takhta Sultan Muhammad I telah diberi gelaran Orang Kaya Hulubalang. Anaknya Nik Wan Ahmad telah diberi gelaran yang sama kerana mengalahkan pemberontakan di Lebir.

Nampaknya, dengan perubahan politik di peringkat atas dalam pucuk pimpinan pemerintah Kelantan, iaitu dengan tertandatangan Perjanjian Kelantan — Siam (atau dikenali dengan Perjanjian Disember 1902) dan Siam — Inggeris (dimulai 1909 dan disahkan 1910) maka fungsi pembesar Kadok juga turut berubah.

Akibat daripada perjanjian ini maka pentadbiran moden mula meresap ke Kelantan seperti negeri-negeri barat Tanah Melayu. Nik Wan Ahmad selepas itu diberi pencen seumur hidup dan tidak dilantik sebarang pembesar baru selepas kematiannya. Kerja-kerja pentadbiran diserahkan kepada wakil kerajaan yang baru iaitu Tok Kweng atau Penggawa dan secara langsung bertanggungjawab kepada Pegawai Daerah.


Tok Kweng dianggap pemimpin baru di peringkat kampung, dan merupakan orang perantaraan di antara kerajaan dengan rakyat. Desakan-desakan dan keinginan rakyat disampaikan oleh Tok Kweng dan sebaliknya. Dalam hal ini nampaknya telah memberi satu kejayaan kepada kerajaan kerana Tok Kweng adalah orang yang paling rapat dengan rakyat, menyampaikan kepada rakyat dalam bentuk yang paling mudah, sesuai dengan norma-norma masyarakat yang ada di dalam kampung itu.

Akhirnya, Kadok sebuah kampung yang menjadi pusat pentadbiran sejak daripada zaman tradisional lagi dengan seorang pentadbir yang dilantik oleh Sultan, masih lagi mengekalkan fungsi sebagai pusat daerah di zaman moden ini: Pekan Kadok menjadi tumpuan penduduk sekitarnya dari semasa ke semasa.

SESUNGGUHNYA NEGERI KELANTAN MEMPUNYAI PERBENDAHARAAN SEJARAH YANG AMAT KAYA

Sebuah buku mengenai sejarah Kelantan dan juga kebesaran asal usul raja-raja Kelantan sejak zaman purba. Ditulis khas untuk pengetahuan dan kajian semua lapisan masyarakat di tanahair.

Ukuran : 15 cm x 23 cm
Mukasurat : 58
Harga : \$5.00 senaskhah



**KETURUNAN RAJA-RAJA KELANTAN
DAN PERISTIWA-PERISTIWA
BERSEJARAH**

oleh Abdullah b. Mohamed (Nakula)